

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN NEGARA

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 16

Rabu

8 Disember 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004 (Halaman 28)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 8 Disember 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, meneliti Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini, saya dapat melihat kebanyakan pertanyaan adalah pertanyaan khusus, saya mencadang untuk menghabiskan sebanyak mungkin pertanyaan pada hari ini.

Maka saya mohon kerjasama daripada kedua pihak supaya ketengahkan perkara-perkara yang tepat dan relevan. Saya menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

1. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan memandangkan kos infrastruktur yang begitu tinggi untuk menukar paip lama yang membawa air, bagaimana ia akan menjejaskan kos bayaran kepada pengguna air.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, punca utama masalah gangguan bekalan air dan kualiti air di seluruh negara adalah disebabkan paip-paip lama jenis asbestos simen, AC yang kerap bocor dan pecah.

Pada masa ini terdapat sepanjang 91,247 kilometer dari pelbagai jenis di mana 45,746 kilometer ataupun 50% adalah jenis paip asbestos simen. Kebanyakan paip jenis AC ini telah pun berusia lebih 30 tahun dan perlu diganti bagi mengurangkan masalah bekalan dan kualiti air yang dialami sekarang.

Untuk menggantikan paip-paip yang telah lama tersebut, memerlukan kos yang amat tinggi, bagi menangani masalah tersebut, program penggantian paip tersebut perlulah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, walaupun melibatkan kos yang

tinggi adalah menjadi tanggungjawab utama kerajaan untuk membekalkan bekalan air bersih kepada rakyatnya.

Kos sebenar yang diperlukan bagi melaksanakan projek bekalan air yang semakin tinggi dari masa ke semasa adalah tidak seimbang dengan tarif air yang dicaj kepada pengguna. Apa yang dibayar oleh pengguna-pengguna bekalan air sekarang, hanya merupakan sebahagian kos pembekalan sahaja.

Memandangkan perkara ini, Kerajaan Persekutuan akan terus memberikan bantuan peruntukan bagi melaksanakan projek bekalan air di negeri-negeri selaras dengan pembangunan di negeri-negeri tersebut, terutamanya kos perbelanjaan model 'care pack' yang tidak mampu dibiayai oleh negeri berkenaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, memandangkan kos begitu tinggi dan mungkin kerajaan tidak sempat melaksanakan program penggantian itu, adakah kerajaan bercadang untuk melibatkan pihak swasta dan apakah model yang akan diguna sekiranya mereka terlibat? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebagaimana yang kita ketahui, Kerajaan Pusat akan mengambil kuasa daripada kerajaan negeri berhubung dengan bekalan air dan Kerajaan Pusat juga apabila telah siap penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air ...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ini Pusat bercadang untuk mengambil kuasa.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: ...mengambil kuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Bercadang untuk mengambil kuasa, bukan akan mengambil kuasa.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Bercadang akan mengambil kuasa kerajaan negeri berhubung dengan isu air dan insya-Allah perkara ini akan dibawa ke Parlimen dalam masa terdekat ini dan apabila dipersetujui nanti dan apabila tertubuhnya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, mungkin setelah dikaji dengan teliti dari segi aspek *sustainablenya* industri air ini, barulah Kerajaan Pusat melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini nanti menswastakan perkhidmatan air di setiap negeri mengikut kaedah-kaedah yang dirasakan sesuai, tetapi terlebih dahulu perkara-perkara yang perlu diambil sebelum penswastakan ini adalah penyelesaian

secara holistik, iaitu dari segi aspek rawatan air itu, punca air itu, pengagihan air itu, pengebilannya, dan juga kualiti air itu.

Satu penyelesaian holistik supaya dapat memuaskan hati seluruh rakyat negara ini kerana air adalah keperluan asas setiap makhluk di negara ini tidak kira sama ada yang kaya ataupun yang kurang berada. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak panggil Yang Berhormat Datuk Karim tadi, tetapi tidak apalah, silakan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak yang berkuasa terhadap paip yang lalu di tanah-tanah persendirian dan ada setengahnya di bawah saluran paip itu telah didirikan rumah-rumah, jadi apa langkah yang akan diambil oleh pihak yang berkuasa?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya jawab terlebih dahulu bahawa Kerajaan Pusat baru dalam perancangan mengalihkan kuasa dari kerajaan negeri ke Kerajaan

Tuan Yang di-Pertua: Perkara-perkara *operational* belum lagi ditetapkan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya, berhubung dengan perkara-perkara operasi, masih lagi tertakluk di bawah kerajaan negeri dan insya-Allah apabila kuasa ini dipindahkan kepada Kerajaan Pusat, kita akan bersama-sama merancang untuk menyelesaikan segala permasalahan yang timbul pada hari ini. Terima kasih.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Biasanya apabila sesuatu rancangan akan diswastakan, kita seolah-olah dijanjikan ia akan lebih murah kepada pengguna, tetapi rekod yang kita lihat, ini tidak berlaku. Apakah jaminan kepada rakyat apabila air diswastakan nanti, harga tidak melambung berlipat kali ganda. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu isu yang lebih besar yang diketengahkan di dalam Dewan, tetapi saya serahkan kepada Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Saya juga bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat. Kadang-kadang apabila penswastakan sebelum dibuat, kertas kerjanya amat cantik, tetapi apabila dilakukan tidak berlaku sebagaimana yang

dirancangkan. Oleh itu, kementerian ini amat berhati-hati, kementerian ini ingin mendapatkan penyelesaian secara holistik iaitu dari segi sumber air itu, dari segi pengagihannya, dari segi bagaimana untuk mengurangkan *Non Revenue Water (NRW)*, dari segi pengabilannya, dari segi kualiti airnya dan adakah industri itu boleh *sustainable*, mungkin jika didapati perlu ada separuh bahagian daripada 'carepacks' itu kerajaan kena buat, kerajaan kena selesaikan, separuh baru boleh swastakan, baru kita swastakan.

Ini yang kita perlu pertimbangkan satu persatu kerana pengajaran telah banyak menunjukkan banyak-banyak syarikat swasta akhirnya perlu dipindahkan kepada pihak kerajaan semula. Jadi, kita amat memandang berat akan perkara ini. Terima kasih.

2. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan berapa ramai lagikah tahanan politik ISA yang belum dibebaskan. Apakah mereka ini masih mengancam keselamatan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pada masa ini tiada tahanan politik yang dikenakan tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Oleh itu, tidak timbul persoalan sama ada mereka masih mengancam keselamatan negara ataupun sebaliknya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah dasar yang digunakan bagi menentukan tempoh masa tahanan seseorang tahanan ISA dan bilakah masanya mereka yang ditahan ini akan dibawa kepada mahkamah keadilan?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat. Seseorang yang dikenakan tindakan di bawah ISA, apabila didapati bahawa mereka telah melakukan sesuatu perkara yang boleh mendatangkan terjejas kepada keselamatan, kehidupan, ekonomi dan penyenggaraan perkhidmatan masyarakat negara ini. Berkaitan dengan tindakan mahkamah, mengikut undang-undang ISA, bahawa apabila mereka telah melaksanakan tindakan-tindakan yang bertentangan seperti mana yang telah saya nyatakan tadi, mereka hanya ditahan di bawah undang-undang ISA, tanpa dituduh di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: *The rule of law* menghendaki bahawa mereka tidak perlu dibawa ke mahkamah, itupun *the rule of law*.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, ada atau tidak lagi bekas-bekas anggota parti komunis yang masih ditahan di Kamunting, saya tidak hendak bilangan, ada atau tidak, itu sahaja.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Buat pada masa ini tiada lagi. Terima kasih.

3. **Tuan Tan Cheng Tee** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah bagi mengatasi masalah guru-guru menghadiri kursus pada hari persekolahan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran prihatin terhadap masalah yang timbul apabila guru-guru terpaksa meninggalkan kelas kerana keperluan menghadiri kursus-kursus dalam perkhidmatan. Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan surat siaran KP(BS/MEN) 8510/05/013 Jilid IV(21) bertarikh 22 Disember 2003, iaitu kawalan pergerakan guru-guru bagi menghadiri mesyuarat/kursus/taklimat/seminar/kegiatan kokurikulum anjuran Jabatan Pelajaran Negeri

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu sebut sengkang lah Yang Berhormat.

Puan Komala Devi: atau Pejabat Pelajaran Daerah dan agensi luar. Garis panduan bagi mengurangkan atau meminimumkan guru-guru keluar meninggalkan bilik darjah adalah:-

- (i) Pengarah Pelajaran Negeri diminta untuk menyelaraskan semula semua aktiviti yang melibatkan guru, supaya tidak berlaku pertindihan di antara aktiviti negeri dengan aktiviti daerah;
- (ii) aktiviti yang melibatkan agensi luar yang berkaitan dengan pendidikan, diteliti dengan mengambil kira kepentingan dan keperluan pembelajaran murid dan tidak terjejas sebelum meluluskan aktiviti tersebut; dan
- (iii) semua aktiviti Jabatan Pelajaran dan Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah dan agensi luar yang melibatkan guru-guru yang mengajar pada sesi pagi diadakan sebelah petang, begitu juga sebaliknya bagi guru sesi petang mengikuti aktiviti di sebelah pagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Tan Cheng Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tidakkah boleh kursus atau ceramah ini diadakan pada masa cuti atau hujung minggu?

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu adalah suatu cadangan yang baik. Tetapi bukan semua kursus dapat diadakan pada masa cuti sekolah. Sebagai langkah-langkah lain sekarang Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil beberapa tindakan seperti mengadakan satu Kumpulan Guru Simpanan Kebangsaan atau pun KGSK *or pool of teachers* dan ini sebagai projek rintis telah dijalankan di Batu Pahat dan Muar.

Sekiranya kursus yang dihadiri itu pendek, katalah satu dua hari, kementerian menggunakan khidmat guru dalaman dan jika lama, katakan guru itu mengambil cuti bersalin, kami mengambil guru ganti dan akhirnya kami memakai Guru Kontrak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka sebutan kami itu sebab menampakkan rasa tanggungjawab.

4. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi menyatakan adakah pihak kementerian sudah selesai mengkaji kenaikan harga tambang dan bilakah ia akan diumumkan kepada pengusaha-pengusaha bas pengangkutan awam. Ini kerana kenaikan harga diesel telah memberi kesan ekonomi kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan awam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi masih lagi dalam proses mengkaji kenaikan kadar tambang pengangkutan awam pada masa ini.

Kajian ini memakan masa kerana kementerian harus meneliti semua maklumat yang berkaitan seperti kenaikan kos operasi yang berlaku, bilangan penumpang, implikasi beban kepada pengguna dan kualiti perkhidmatan. Ke arah itu, satu kadar yang munasabah perlu ditentukan bagi membolehkan pengusaha-pengusaha pengangkutan awam meningkatkan mutu perkhidmatan dan pada masa yang sama tidak membebankan pengguna.

Kajian ini juga akan mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan dan badan-badan bukan kerajaan yang berkaitan sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Kementerian ini menjangkakan kajian tersebut akan dapat diselesaikan pada hujung tahun ini, 2004 dan akan dilaksanakan pada awal tahun 2005.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Soalan tambahan saya, jawapan yang serupa kita perolehi tahun lalu dan tahun ini pun jawapan, kalau boleh diberikan tarikh bila keputusan itu akan dibuat.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Maklumat terakhir Tuan Yang di-Pertua, pada akhir bulan ini iaitu pada minggu yang akan datang Yang Berhormat Menteri akan membentangkannya kepada Kabinet untuk kelulusan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Biasanya di banyak negara, kerajaan yang membantu sektor ini dengan memberikan subsidi dan sebagainya. Adakah kerajaan Malaysia ini berhasrat juga untuk berbuat demikian memandangkan sektor pengangkutan awam ini sebagai salah satu sektor yang dapat mengatasi masalah kesesakan dan juga memberi perkhidmatan kepada pengguna-pengguna. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan tersebut, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi khususnya LPKP (Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan) memang sentiasa memberi galakan dan dorongan serta bantuan insentif kepada pengusaha-pengusaha atau usahawan-usahawan dalam bidang pengangkutan.

Di antara usaha ke arah tersebut ialah menyediakan pinjaman dalam bentuk modal bagi membeli kenderaan sama ada teksi atau bas melalui agensi kementerian dan iaitu Bank Pembangunan Infrastruktur Malaysia. Selain daripada itu, kerajaan juga memiliki dasar untuk mengkaji bagi membantu usahawan di dalam bidang ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin saya silap. Mungkin saya silap membenarkan soalan tambahan itu kerana isu *subsidise public transport* mungkin terkeluar daripada bidang kuasa kementerian Yang Berhormat. Baik, teruskan. Silakan.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Melalui kebenaran untuk mengkaji kadar tambang setiap lima tahun, kerajaan membuat dasar. Kadar tambang

yang berlaku sekarang adalah yang telah dikaji pada tahun 1998 dan pada tahun inilah akan sekali lagi

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat tadi adakah kerajaan bercadang seperti mana berlaku di banyak negara untuk mengadakan *heavily subsidise public transport* dan bukan memelihara harga pada tahap yang

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Seperti yang dimaksudkan ialah melalui pinjaman kenderaan sama ada teksi ataupun bas di mana kadar harga kenderaan perdagangan adalah lebih murah berbanding dengan kenderaan yang biasa. Itulah jawapan saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih.

5. Puan Safinah binti Jusoh minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat berhubung dengan laporan Ketua Audit Negara tentang kedudukan kewangan yang meruncing bagi sesetengah negeri dalam usaha membantu mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Tengku Putera bin Tengku Awang]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Fuad bin Zarkashi pada 14 Disember nanti memandangkan kedua-dua soalan ini membangkitkan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya membenarkan.

Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya kerana seperti mana soalan ini sebenarnya ditambah perkara-perkara yang meruncing yang ditanya oleh Yang Berhormat sebenarnya ditambah-tambah sehinggakan timbul beberapa negeri ataupun sesetengah negeri akan bankrap kewangannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan pada masa ini telah menyediakan pelbagai pemberian kepada kerajaan negeri bagi membantu kerajaan negeri bagi mengatasi masalah kewangan masing-masing. Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri meliputi 8 jenis pemberian iaitu:

- (i) pemberian mengikut penduduk (*capitation grant*),
- (ii) penyelenggaraan jalan raya (*state road grant*),
- (iii) pemberian berdasarkan tahap,

- (iv) pemberian di bawah senarai bersama,
- (v) pemberian bagi negeri-negeri yang menghadapi masalah aliran tunai dan kewangan iaitu pemberian pendahuluan dan pemberian kekurangan akaun mengurus.

Bagaimanapun oleh kerana pemberian bantuan yang disediakan oleh kerajaan persekutuan tersebut adalah terhad dan setelah mengambil kira usaha yang diambil oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan kutipan hasil dan perbelanjaan secara berhemat dan merancang perbelanjaan mengikut kemampuan. Jumlah bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat didapati wajar dan mencukupi untuk keperluan kerajaan jika. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Puan Safinah, saya Puan Safinah, ya.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah punca utama yang telah dikenal pasti yang mengakibatkan berlaku keadaan yang sedemikian kepada negeri-negeri yang menghadapi masalah ini. Terima kasih.

Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang telah saya katakan tadi, teguran Audit Negara melalui laporannya kepada setiap negeri dan juga setiap agensi adalah untuk memastikan sebagaimana yang kita telah katakan tadi, supaya kerajaan negeri berbelanja secara berhemat dan menggunakan ataupun memastikan kutipan hasil semaksimum dan sebijak mungkin.

Untuk dikatakan sebab utama ataupun apa yang kita katakan punca utama kepada perkara ini sebenarnya tidak menjadi masalah kerana masalah yang sebenarnya sebagai mana yang ditegur oleh Audit ini bergantung kepada dari segi ekonomi ataupun dari segi kedudukan kewangan di mana kedudukan aset negeri berkenaan dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan atau tanggungan sebenar. Kalau kita katakan tanggungan ini banyakkah di bidang - akaun yang kena bayar, deposit, tunggakan bayaran balik pinjaman dan sebagainya.

Apabila tanggungan ini lebih besar daripada aset negeri berkenaan maka dilaporkan berlaku kekurangan kepada kewangannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini adalah berkaitan dengan satu perkara yang cukup penting di hadapan kita kerana ia melibatkan prinsip federalisme atau *federalism* asas negara kita didirikan maka tidak tepat kita cuba habis semua isu-isu melalui pertanyaan-pertanyaan tambahan. Kebetulan kita sedang membahaskan mengenai perkara yang berkaitan dan Yang Berhormat akan mempunyai berjam-jam untuk memperluaskan isu ini. Saya teruskan kepada soalan yang berikutnya dan Yang Berhormat boleh bercakap apabila kita terus perbincangan nanti dalam perkara federalisme, kewangan dalam struktur federalisme ini.

6. Dato' Ratnam a/l Muthiah minta Perdana Menteri menyatakan kadar pengangguran di kalangan siswazah dan lanjutan daripada masalah itu berapa ribu siswazah yang gagal membayar balik pinjaman kepada JPA dan pinjaman-pinjaman persekutuan yang lain.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya kadar pengangguran telah meningkat iaitu daripada 3.6 pada tahun 2003 kepada 4.8 pada suku kedua pada tahun 2004. Mengikut kajian Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah pengangguran siswazah adalah seramai 68,800 orang.

Sehingga Ogos 2004, lebih kurang 6,000 orang siswazah yang menerima pinjaman JPA gagal membayar balik pinjaman setelah menamatkan pengajian. Surat peringatan telah dikeluarkan supaya mereka menjelaskan pinjaman masing-masing. Jika sekiranya mereka gagal untuk menjelaskan bayaran balik pinjaman berkenaan, tindakan susulan sewajarnya akan diambil termasuklah merujuk kes ini kepada Jabatan Peguam Negara.

Dato' M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah rancangan kerajaan untuk memudahkan pembayaran balik pinjaman memandangkan mereka masih menganggur dan tidak ada pendapatan untuk membayar balik. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Sebenarnya Yang Berhormat kita tidak berapa ada masalah berkenaan bayaran balik pinjaman tersebut kerana daripada 144,000 pinjaman yang dikeluarkan oleh JPA hanya 6,000 belum menjelaskannya. Sekarang ini ialah kerana kebanyakan mereka ini kita tidak dapat kesan kerana mereka berpindah dan sebagainya. Tetapi saya rasa insya-Allah mereka apabila dapat dikesan nanti ini segelintir sahaja yang tidak membayar.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Tan Cheng Tee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah tidak mana-mana siswazah ini dikecualikan bayaran balik pinjaman mereka.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Saya kurang pastilah Yang Berhormat berkenaan ini biasanya pinjaman, bila pinjam kena bayar baliklah. Mungkin

Tuan Yang di-Pertua: Jawabnya tiadalah.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: tiadalah [*Dewan riuh*]

7. Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyak syarikat yang telah didapati terlibat menyalahgunakan logo halal yang dikeluarkan oleh JAKIM memandangkan banyak berlaku penyalahgunaan logo halal dalam pasaran negara kita sehingga kini, dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula undang-undang sedia ada bagi memastikan gejala ini tidak berlarutan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat, JAKIM dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil tindakan ke atas syarikat yang didapati bersalah menyalahgunakan logo halal dan melanggar piawaian halal JAKIM.

Sehingga kini jumlahnya adalah sebanyak 47 buah syarikat. Isu halal adalah isu yang sensitif bagi umat Islam. Oleh itu kerajaan dalam proses untuk mengkaji semula undang-undang yang sedia ada berhubung pengguna logo halal bagi memastikan makanan yang dikeluarkan itu memenuhi piawaian halal dan menyalahgunakan logo halal akan dapat dikurangkan. Buat masa ini undang-undang yang berkaitan dengan halal adalah di bawah perintah Perihal Dagangan 1972, Perbahasan Halal 1975 di bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Terima kasih.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah pengguna dapat memastikan kesahihan ataupun ketulenan kod logo halal yang terdapat pada barang-barang jualan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya apabila kita merujuk kepada logo halal di pasaran, setakat ini ada tiga

yang mengeluarkan ataupun ada tiga logo halal yang dikeluarkan. Pertamanya, logo halal daripada JAKIM ataupun JAIN yang mana memang boleh dipastikan melalui kod yang telah jelas dipaparkan nama JAKIM dan JAIN dan yang keduanya logo halal yang dikeluarkan oleh pihak swasta, dan yang ketiga, logo halal boleh dibuat sendiri oleh pihak industri ataupun pengusaha makanan halal yang tertakluk di bawah pengertian perbahasan halal. Sebab itu di sesetengah premis kita melihat bahawa premis tersebut menulis sahaja perkataan halal.

Oleh sebab itu untuk memastikan logo ini datangnya daripada JAKIM sila pastikan bahawa tulisan JAKIM dan JAIN terpapar pada logo tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff selepas itu Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kita semua tahu bahawa persoalan halal dan haram ini adalah satu perkara yang amat penting kerana ia melibatkan dosa dan pahala. Jadi, setakat ini berapakah

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah umum, Yang Berhormat. Khusus, khusus.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ya. Jadi, setakat ini berapa kalikah pemantauan yang dibuat oleh pihak JAKIM setelah sijil halal dikeluarkan bagi memastikan bahawa ia sentiasa mematuhi standard yang telah ditentukan oleh pihak kerajaan.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya pemantauan yang dijalankan oleh pihak JAKIM ini ada berdasarkan kepada dua perkara, sama ada pemantauan ini berdasarkan kepada pemantauan berkala ataupun berdasarkan kepada aduan yang diterima, maka pihak JAKIM dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan segera membuat serbuan kepada aduan yang telah dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Yaacob tidak ada? Sudah terjawab? Sila ambil maklum terhadap ungkapan piawaian halal. Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya.

8. **Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Malaysia akan terlibat secara langsung di dalam aktiviti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di dalam mencari kedamaian dan jalan keluar daripada krisis demokrasi yang kini melanda Myanmar dan sama ada kita akan menyokong sebarang tindakan termasuklah sekatan ekonomi yang mungkin dilaksanakan PBB terhadap Myanmar.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:

Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar luar Malaysia untuk tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara asing. Oleh itu Malaysia tidak berniat untuk campur tangan dalam pergolakan politik yang berlaku di Myanmar.

Walau bagaimanapun, Malaysia mengalu-alukan sebarang usaha daripada mana-mana pihak termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mencari penyelesaian kepada isu dalaman Myanmar. Usaha seperti ini sewajarnya dijalankan dengan persetujuan dan bersama Myanmar untuk memastikan kejayaan. Malaysia bersedia untuk turut serta sekiranya dijemput untuk terlibat secara langsung dalam usaha ini.

Sebagai negara jiran serantau dan rakan ASEAN, Malaysia telah pun mengambil bahagian dalam perbincangan dan rundingan-rundingan mengenai Myanmar di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa. Malaysia berpandangan bahawa sekatan ekonomi ke atas Myanmar tidak akan berkesan, malah tindakan sedemikian akan hanya membebankan rakyat Myanmar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Che Puan? Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Che Puan Sri Kelana hendak buat soalan tambahan atau pun tidak. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun kita ada dasar yang tidak membenarkan kita campur tangan dalam hal-hal sesebuah negara tetapi sebagai anggota ASEAN dan tidak lama lagi Myanmar akan menyandang jawatan Pengerusi ASEAN, apakah pendirian kita sekiranya perkara ini merumitkan lagi perkembangan aktiviti-aktiviti ASEAN? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang baik. Kerana apabila mereka menjadi Pengerusi kepada ASEAN, bagaimana?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih, Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia sebagai tuan rumah ataupun Pengerusi ASEAN untuk tahun hadapan dan sebagai jiran kepada Myanmar sentiasa menyampaikan pandangan Malaysia terhadap kedudukan pergolakan politik di negara itu secara sulit, secara dua hala dan kita tidak akan menyampaikan pandangan atau pendirian Malaysia secara melalui media massa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan bagi soalan tersebut cukup sukar tetapi dijawab dengan baik.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya bertanya apabila Myanmar menjadi Pengerusi ASEAN, tidak....

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham Yang Berhormat, sila duduk. Saya faham tetapi soalan itu - "apabila" itu adalah masih boleh dianggapkan satu andaian. Terima kasih. Datuk Haji Karim Ghani.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang dasar Malaysia tidak mencampuri urusan rumah tangga orang tetapi dalam soal ASEAN, Myanmar bukan lagi orang luar, kita sama-sama di dalam satu keluarga di dalam satu kumpulan. Sepatutnya di dalam ASEAN kita boleh membangkitkan soal apa yang berlaku di dalam ASEAN bukan Malaysia menyoalkan Myanmar tetapi ASEAN menyoalkan ASEAN. Itu bukan rumah tangga orang, itu rumah tangga sendiri. Macam mana Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah masuk ke peringkat perbahasan. Saya serahkan kepada Yang Berhormat sama ada hendak jawab soalan atau hendak terus bahas.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Ok. Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kita sesama dalam keluarga, oleh yang demikian lebih elok perkara yang dibangkitkan diselesaikan di dalam bilik sendiri.

9. Tuan R. Sinniah minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kelulusan khas diperlukan untuk pemindahan SJK(T) sekiranya lembaga pengurus dan PIBG sekolah tidak memperolehi tapak dan tidak mampu membina sendiri bangunan sekolah untuk pemindahan sekolah. Adakah Kementerian sedia memberi bantuan kepada mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, bagi sekolah bantuan kerajaan, pihak lembaga pengelola sekolah (LPS) perlu

berusaha mendapatkan dana yang mencukupi untuk pembinaan bangunan baru tambahan ataupun gantian. Walaupun Kementerian Pelajaran tidak membiayai atau melaksanakan pembinaan bangunan untuk sekolah-sekolah bantuan kerajaan, pihak sekolah boleh memohon peruntukan modal. Bantuan yang diberi adalah berdasarkan keperluan dan kemampuan dana Kementerian Pelajaran Malaysia. Terima kasih.

10. Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah kejadian membuat ramuan samsu di Pusat Serenti Cheroh dan Sungai Ruan baru-baru ini adalah kerana kekurangan atau tiada kepakaran lagi kakitangannya atau pusat itu sendiri sudah uzur hingga tidak mampu menampung penghuni di dalamnya yang ramai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan ini, semasa operasi pemeriksaan asrama Pusat Serenti Cheroh dan Sungai Ruan yang dijalankan oleh agensi anti dadah pada 26 hingga 28 Oktober 2004, tiada aktiviti membuat samsu dijalankan. Walau bagaimanapun, terdapat barang-barang yang mungkin boleh digunakan untuk membuat atau memproses samsu seperti 10 paket ibu roti telah berjaya dirampas oleh Pegawai Keselamatan Pusat Serenti Cheroh.

Insiden yang berlaku di Pusat Serenti Cheroh atau Sungai Ruan adalah disebabkan:

- (i) pagar-pagar keselamatan pusat-pusat serenti telah usang dan uzur serta mudah dirosakkan oleh penghuni sehingga memudahkan penghuni menyeludup keluar dari pusat.
- (ii) kemudahan yang disediakan di pusat-pusat serenti tidak dapat menampung keperluan jumlah penghuni yang melebihi kapasiti;
- (iii) semua penghuni yang dimasukkan ke pusat serenti adalah di atas perintah mahkamah dan kebanyakan mereka tidak mempunyai motivasi dan kesediaan diri untuk dipulihkan;
- (iv) kawasan sesetengah pusat serenti yang luas di antara 100 hingga 200 ekar yang mana menyebabkan kerja-kerja kawalan keselamatan tidak dapat dijalankan dengan berkesan;

- (v) kekurangan kakitangan terutama pegawai keselamatan yang merupakan faktor penting yang boleh menyumbang masalah insiden yang tidak diingini di pusat-pusat serenti. Di samping itu pegawai keselamatan juga tidak dilengkapi dengan alat-alat keselamatan seperti cota, perisai keselamatan, topi keselamatan dan sebagainya yang boleh membantu mereka menjalankan rondaan dan kawalan keselamatan secara lebih berkesan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Poh Mok Hua. Oh, minta maaf, Datin Mahani.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengeran Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah mendengar segala kelemahan-kelemahan yang berlaku di pusat serenti ini, apakah tindakan

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf. Datuk Hajah Dayang Mahani.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pangeran Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ulang, setelah mengenali segala kelemahan yang telah dihuraikan, sebab musabab pusat ini mudah dicerobohi dan sebagainya, apakah tindakan kementerian ataupun jabatan tersebut untuk memperbaiki keadaan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selepas kejadian ini berlaku bahawa kerajaan sedang meneliti dan membuat perancangan, apatah lagi kerajaan pada masa ini sedang hendak mewujudkan satu Agensi Anti Dadah (ADK) sebagai satu badan yang berkanun dalam proses menstrukturkan semula badan ini balik bahawa kerajaan akan mendapatkan peruntukan yang lebih daripada kerajaan dan seterusnya melengkapkan peralatan-peralatan untuk kegunaan anggota-anggota pusat serenti dan juga untuk memastikan supaya pusat-pusat serenti ini akan dapat diupgradekan supaya lebih selamat dan lebih terjamin supaya penghuni-penghuni ini tidak akan keluar daripada pusat serenti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Secara kebetulan selepas ini kita akan bahaskan Rang Undang-Undang Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Yang Berhormat boleh mengemukakan pandangan dan bahas sebanyak yang mungkin. Tuan Poh Mok Hua.

11. Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta Menteri Pelajaran menyatakan rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah ponteng sekolah di kalangan para pelajar sekolah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memandang serius tentang laporan yang menyatakan bahawa wujudnya peningkatan kes-kes murid ponteng sekolah terutamanya selepas peperiksaan awam seperti UPSR dan juga PMR. Bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan beberapa surat pekeliling ikhtisas yang memberi panduan terperinci mengenai aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah, aktiviti yang boleh dijalankan oleh pihak sekolah ialah:-

- (i) menyediakan rancangan lengkap yang menunjukkan jadual waktu aktiviti dan kegiatan bagi sepanjang tiga atau empat minggu sebelum cuti penggal bermula;
- (ii) kaedah melaksana dan menyelia kegiatan-kegiatan tersebut hendaklah kemas dan teratur supaya disiplin sentiasa dikawal;
- (iii) setiap sekolah dikehendaki mengemukakan rancangan kegiatan selepas peperiksaan awam iaitu UPSR dan PMR sekurang-kurangnya seminggu sebelum perlaksanaannya kepada Pejabat Pelajaran Daerah;
- (iv) penekanan juga hendaklah diberikan kepada aktiviti-aktiviti peningkatan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid dan akhirnya memaklumkan kepada ibu bapa mengenai aktiviti-aktiviti yang dirancang agar mereka terus menggalakkan anak-anak mereka datang ke sekolah seperti biasa.

Sebagai langkah berterusan setiap Jabatan Pelajaran Negeri telah diminta mengadakan kempen basmi ponteng yang bertujuan memberi kesedaran terhadap semua pihak akan peranan yang harus dimainkan dalam mengatasi masalah ponteng. Sebagai langkah jangka panjang, sekolah dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah sedang berusaha mewujudkan program pengawalan dan pencegahan ponteng sekolah dengan menganjurkan kelas-kelas tambahan dan bimbingan bagi pelajar yang lemah dan juga kem motivasi. Di samping itu juga pihak polis berperanan membantu sekolah melalui kerjasama pegawai perhubungan polis di sekolah. Jawatankuasa Permuafakatan di antara pihak.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, janganlah jawapan pada isu ponteng sekolah lebih panjang daripada isu *federalisme*. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Akhirnya, Jawatankuasa Permuafakatan di antara pihak sekolah dengan penduduk sekitar telah diwujudkan di sekolah. Melalui Jawatankuasa ini dapat memberi peluang kepada pihak masyarakat setempat memberikan sumbangan kepada pihak sekolah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tak mahu tanya dah?

Puan Hajah Shamsiah bt Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian memberikan peruntukan khas dalam menjalankan kegiatan-kegiatan yang disebutkan tadi? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan yang tepat.

Puan Komala Devi: Kita tidak ada peruntukan khas untuk membasmi ponteng tetapi kita ada peruntukan untuk program-program lain di sekolah seperti aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan kami yakin dan percaya dengan adanya program seperti ini kami dapat mencegah kes-kes ponteng yang bermusim iaitu selepas peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua: Peruntukan untuk membasmi tiada? Peruntukan untuk menghindari ada?

12. Soalan No. 12 – Tuan Wilson Sagamani a/ Paul Devasagayam tidak hadir.

13. Tuan Tay Puay Chuan minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk membolehkan lebih ramai usahawan industri kecil dan sederhana mendapat pinjaman di bawah skim CGC.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Tuan Tay Puay Chuan. Pada masa ini terdapat tujuh skim di bawah dana CGC dan juga dua skim di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi iaitu:

- (i) Skim Jaminan Utama Baru,
- (ii) Skim Jaminan Laluan Terus,
- (iii) Skim Jaminan Perbankan Islam,
- (iv) Skim Jaminan Program Usahawan,
- (v) Tabung Ekonomi Belia,
- (vi) Skim Jaminan Anjal,
- (vii) Skim Kemudahan Jaminan Khas,

- (viii) Skim Pembiayaan Francais,
- (ix) Skim Jaminan Usahawan Kecil.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk membolehkan lebih ramai ialah:

- (i) mengedarkan *brochures* dan *pamphlets* bagi menerangkan maklumat berkenaan skim-skim ini kepada orang ramai.
- (ii) menganjurkan ceramah, taklimat serta seminar berkenaan program-program pembiayaan bagi usahawan industri kecil dan sederhana.
- (iii) menyebarkan maklumat program-program pembiayaan melalui laman web kementerian dan juga CGC di mana usahawan industri kecil dan sederhana boleh mendapatkan informasi atau maklumat dan membuat permohonan pinjaman secara *on-line* yang boleh dilayari melalui *mv.ndcd.gov.my*.
- (iv) mengadakan Hari Bertemu Pelanggan pada hari Sabtu kedua setiap bulan di mana usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana dapat berjumpa dengan pegawai-pegawai kementerian dan juga CGC untuk mendapatkan maklumat dan menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi.
- (v) memberikan khidmat nasihat kepada usahawan-usahawan kecil dan sederhana ini yang menghadapi masalah dalam menjalankan perniagaan atau mendapatkan pinjaman.
- (vi) membuka pusat Bimbingan Usahawan Negara, bagi kementerian dan *client service center* atau CSC. Bagi CGC sebagai pusat sehenti bagi usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana mendapatkan maklumat dan mengajukan sebarang pertanyaan yang berkenaan skim-skim pinjaman yang disebutkan tadi.

Terima kasih.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan yang diambil sekiranya ada kementerian ataupun Bank Negara ke atas institusi-institusi kewangan yang tidak menepati angka jumlah pinjaman yang harus diberikan di bawah CGS tersebut. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tidak jelas Tuan Yang di-Pertua iaitu kalau dari segi angka melebihi had yang dibenarkan tidak diluluskan tetapi itu saya kata tadi bahawa soalan itu tidak jelas had yang bagaimana?

Tuan Tay Puay Chuan: Izinkan saya menjelaskan Tuan Yang di-Pertua. Soalan....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham. Kalau tidak menepati sasaran tidak sampai *target* adakah langkah-langkah untuk bertindak.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terutama sekali jika dia tidak melepasi syarat ataupun angka maka yang pertama *of cause* ialah tidak diluluskan pinjaman itu. Yang kedua, sekiranya ia kegagalan untuk mematuhi beberapa syarat yang telah ditetapkan maka ia akan disenaraihitamkan dan untuk tindakan seterusnya oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat puas hati?

Tuan Tay Puay Chuan: Maksud saya tindakan yang akan diambil ke atas bank-bank.

Tuan Yang di-Pertua: Terhadap institusi.

Tuan Tay Puay Chuan: Benar, bank ataupun institusi kewangan yang tidak menepati....

Tuan Yang di-Pertua: Yang tidak bekerjasama dengan hasrat kerajaan.

Tuan Tay Puay Chuan: Maksud mereka tidak ingin menolong memberi pinjaman kepada usahawan-usahawan kecil ini di bawah skim tersebut.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak ada satu peruntukan ataupun peruntukan yang boleh memaksa institusi....

Tuan Yang di-Pertua: Saya memahami kesukaran Yang Berhormat.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Apa yang boleh ialah dari segi meminta kerjasama sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya memahami kesukaran Yang Berhormat sebab jawapan kepada soalan itu perlu datang daripada Kementerian Kewangan maka Yang Berhormat hanya perlu kata ini bukan bidang kuasa saya tetapi bidang kuasa Kementerian Kewangan, cukup.

Soalan No. 14 - Dato' Haji Azmi bin Haji Abdul Hamid tidak hadir.

15. Tuan Osman bin Bungsu minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) berapa hektar tanah rizab Orang Asli yang telah diserahkan kepada FELCRA dan berapakah bilangan peserta yang terlibat; dan
- (b) apakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji semula dasar pembayaran hasil ladang yang diagihkan sekarang secara pukal dan dividen kepada pendapatan bulanan berdasarkan harga komoditi semasa seperti yang dilaksanakan pengurusan FELDA bagi peserta FELCRA khususnya peserta di kalangan Orang Asli.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tuan Osman. Sehingga kini FELCRA Berhad menguruskan 49 buah projek rancangan penempatan semula Orang Asli dan rancangan Orang Asli dengan jumlah keluasan tanah yang bertanam seluas 9,099 hektar. Daripada jumlah tersebut seluas 3,837 hektar ditanam dengan getah dan seluas 5,262 hektar dimajukan dengan tanaman kelapa sawit. Seramai 3,795 peserta dari kalangan Orang Asli terlibat di dalam keseluruhan skim tersebut. Jumlah dividen pula adalah RM8.55 juta pada tahun 2003 dan RM7.83 juta bagi tahun 2002.

FELCRA Berhad tidak bercadang mengubah kaedah bayaran dividen daripada pukal kepada bulanan kerana bayaran secara pukal sebanyak dua kali setahun adalah bersesuaian untuk membantu meringankan tanggungan perbelanjaan peserta ketika menghadapi musim perayaan Adil Fitri dan sebelum persekolahan bermula di awal tahun. Sekiranya dibuat secara bulanan, ada peserta di tempat-tempat tertentu yang mungkin dapat pembayaran dengan jumlah yang terlalu kecil setiap bulan. Tambahan pula, sumber pendapatan ladang FELCRA Berhad adalah dikira sebagai pendapatan tambahan kepada peserta yang biasanya ada mempunyai sumber pendapatan yang lain. Terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi menjawab soalan ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah menjadi Bapa Pembangunan kepada masyarakat Orang Asli yang kita tahu masih dalam keadaan 70% hingga 80%

kemiskinannya. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang menyerah kembali tanah-tanah yang diserahkan kepada FELCRA ini kepada pemilik Orang Asli sendiri ataupun kepada usahawan Orang Asli yang berjaya serta kepada koperasi-koperasi Orang Asli yang telah wujud. Ini kerana saya telah pergi.....

Tuan Yang di-Pertua: Kerana itu cukuplah Yang Berhormat. Soalan itu jelas.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Skim FELCRA ini adalah merupakan skim menyeluruh yang tidak hanya meliputi kawasan yang dimiliki oleh Orang Asli. Buat masa ini FELCRA dilihat sebagai satu skim yang berjaya dengan dividen yang baik dan pengurusan ladang yang boleh dianggap berjaya. Sekiranya tanah-tanah ini yang dikerjakan oleh FELCRA dipulangkan semula kepada tuan tanah, saya rasa satu kajian teliti perlu diadakan untuk memastikan kejayaan yang dicapai oleh FELCRA ini dapat dikekalkan. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menyerahkan tanah-tanah kepada mana-mana pihak baik kepada Orang-orang Asli mahupun kepada peserta-peserta lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Anak emas pun tiada anak tiri pun tiada.

16. Puan Siw Chun a/p Eam minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapakah bilangan orang yang menghidapi penyakit tekanan jiwa yang merayau-rayau di jalanan sehingga 2004 dan nyatakan jumlah pecahan mengikut jantina, umur dan bangsa dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian terhadap pesakit-pesakit khususnya wanita yang masih muda.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya jawab soalan ini bersama dengan soalan yang ke 23 pada hari ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayarajam a/l Seevarajam kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, sehingga bulan Oktober 2004 terdapat seramai 367 orang yang menghidapi masalah mental yang memerlukan jagaan dan rawatan memakan ubat dan tidak agresif disahkan oleh Jabatan Kesihatan ditempatkan di Desa Bina Diri, Mersing iaitu sebuah pusat pemulihan bagi kes-kes seperti ini. Daripada jumlah tersebut 124 orang

atau 33.8% terdiri daripada wanita. Dari segi etnik pula tidak menampakkan perbezaan bilangan yang ketara di mana 87 orang terdiri kaum Cina, 85 orang Melayu dan 71 orang India. Secara puratanya mereka yang menghadapi masalah mental yang mengikuti program pemulihan di pusat ini berumur dalam lingkungan 35 tahun ke 50 tahun.

Kutu rayau didapati mempunyai kecelaruan mental serius atau agresif. Mereka akan diserahkan kepada Jabatan Kesihatan untuk tindakan lanjut atas sebab Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam mengendalikan mereka yang sakit mental atau sakit jiwa. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menahan mereka yang didapati merayau di tempat-tempat awam dalam operasi yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dari masa ke semasa. Operasi ini dijalankan berdasarkan kuasa yang diperuntukkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia di bawah Akta Orang Papa 1977. Akta tersebut bertujuan untuk menjaga dan memulihkan orang papa dan bagi mengawal kutu rayau.

Di pusat ini mereka dilengkapkan dengan kemahiran-kemahiran tertentu mengikut kesesuaian peringkat umur dan jantina. Bidang-bidang kemahiran yang ditawarkan meliputi bidang jahitan, kraf tangan, dobi, pertukangan kayu dan pertanian. Ini bertujuan untuk membolehkan mereka bekerja dan menyara diri sendiri apabila keluar dari pusat tersebut. Tempoh maksimum program pemulihan ini adalah selama tiga tahun dan boleh dipanjangkan sekiranya perlu. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya *straight forward*. Apakah pandangan kementerian, punca-punca yang menyebabkan mereka sakit jiwa? Sakit jiwa ada macam-macam kategori. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Puncanya termasuklah tekanan kehidupan dan juga masalah-masalah emosi atau keluarga. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cinta tidak ada, cinta? *[Ketawa]*

Puan Siw Chun Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapakah bilangan dan apakah tindakan kementerian terhadap kutu rayau pendatang asing yang berpura-pura sakit jiwa, yang mengambil kesempatan bagi meminta sedekah bagi menambahkan pendapatan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu terkeluar sedikit, sebab yang sakit jiwa itu sakit, yang pura-pura ini adalah dalam lingkungan penjenayah. Jadi, apakah Yang Berhormat hendak jawab? *[Ketawa]*

Puan Chew Mei Fun: Kalau pendatang asing ini ia di bawah kuasa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

17. **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kurangnya penderma organ daripada kaum Melayu:

- (a) setakat ini apakah langkah-langkah kementerian untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan menderma organ; dan
- (b) nyatakan statistik pesakit-pesakit penerima organ yang pulih daripada penyakit kronik dan masih hidup.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat Senator itu adalah benar kerana mengikut statistik sehingga Ogos 2004 terdapat seramai 80,000 orang telah mendaftar sebagai penderma. Daripada jumlah tersebut hanya 9.1% atau 7,330 orang adalah Melayu, selainnya, *balancenya* adalah bukan Melayu.

Sebab utama yang telah pun dikenal pasti kenapa orang Melayu didapati susah untuk menderma organ adalah seperti berikut:

(i) Tentangan Ahli Keluarga

Didapati bahawa satu kajian telah dilakukan pada tahun 2003 didapati bahawa 25% daripada mereka menganggap ia bertentangan dengan agama, 20.5% tidak dapat menerima konsep tentang kematian otak kerana kebanyakan organ yang didermakan adalah daripada pesakit yang kematian otak atau *brain death*, 11% keluarga tidak mengetahui hasrat si mati, 9% tiada kata sepakat ahli keluarga, 5% tidak mahu mayat terseksa, manakala yang selebihnya adalah sebab-sebab lain.

(ii) Sikap Kakitangan Hospital

Terdapat segelintir kakitangan yang agak keberatan untuk melibatkan diri dalam pendermaan organ *cadaveric*.

(iii) Kekurangan Katil di Unit Rawatan Rapi

Usaha-usaha telah pun dibuat oleh Kementerian Kesihatan dengan menjalankan beberapa aktiviti untuk menggalakkan pendermaan secara *cadaveric*. Ini termasuk pendidikan kepada orang awam, pegawai perubatan dan juga anggota kesihatan yang lain. Satu jawatankuasa di peringkat kementerian yang kita namakan Jawatankuasa Penyelaras Transplan Kebangsaan telah ditubuhkan bagi menyelaraskan hal ehwal program transplan di negara ini. Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil kementerian, badan profesional, universiti, pertubuhan bukan kerajaan, badan-badan keagamaan serta wakil daripada perundangan.

Di bawah jawatankuasa ini terdapat satu jawatankuasa kecil iaitu Pendidikan Awam yang berperanan menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan berhubung dengan pendermaan organ.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga telah menubuhkan Pasukan Perolehan Organ dan tisu di 16 hospital KKM pada tahun 1999 yang bertanggungjawab meningkatkan bilangan organ dan tisu yang boleh diperolehi di peringkat hospital.

Mengenai statistik jawapan untuk (b), dimaklumkan sehingga 31 Disember seramai 1,400 orang yang telah menjalani rawatan pembedahan buah pinggang sama ada di dalam dan luar negara. Daripada jumlah tersebut 1,084 orang telah menerima buah pinggang baru yang berfungsi, 141 orang telah meninggal dunia, 166 mengalami kegagalan buah pinggang yang baru, manakala 9 lagi tidak dapat dikesan.

Mengenai pembedahan pemindahan hati sehingga Oktober 2004, seramai 9 orang telah menjalani pembedahan hati di Hospital Selayang, 2 orang telah meninggal dunia, manakala 7 orang lagi masih menerima rawatan susulan.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian telah membuat perundingan dengan JAKIM dan Majlis Agama Negeri-negeri bagi mengeluarkan fatwa

bagi membolehkan orang ramai tidak merasakan menderma organ bertentangan dengan agama Islam? Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat. Sebenarnya kalau saya tidak silap, perundingan telah pun diadakan dan fatwa telah pun dikeluarkan. Walaupun fatwa dikeluarkan, rasa persepsi di kalangan orang-orang Melayu mengenai pendermaan organ secara *cadaveric* ini masih menebal. Sebab itu kita tubuhkan pelbagai jawatankuasa, khususnya Jawatankuasa Pendidikan Awam supaya kita dapat berjumpa bukan sahaja orang awam tetapi juga golongan-golongan agama yang dapat menerangkan dengan lebih jelas mengenai pahala menderma organ mereka apabila mereka meninggal dunia.

18. **Tuan Ismail bin Kasim** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sejauh manakah penilaian kerajaan terhadap prestasi FAMA dalam bidang promosi dan pemasaran produk pertanian dan berapakah jumlah keseluruhan perbelanjaan kerajaan untuk FAMA sepanjang penubuhannya.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, FAMA adalah sebuah agensi pemasaran utama yang telah ditubuhkan pada bulan September 1965 bertujuan untuk mengawasi, menyelaras dan memajukan pemasaran hasil-hasil pertanian di negara ini. FAMA telah memberi sumbangan dalam pembangunan sistem infrastruktur pemasaran bagi hasil pertanian di dalam negara sama ada di peringkat ladang, borong atau di peringkat runcit.

Ini terbukti dengan pewujudan pusat perolehan seperti *collection centre*, *delivery centre*, dengan izin, dan bilik sejuk di peringkat ladang dan pusat jualan dan pasar-pasar tani di peringkat runcit. FAMA telah mengadakan perkongsian pintar dengan *supermarket* dan *hypermarket*, dengan izin, untuk menembusi pasaran dalam dan luar negara.

Di peringkat borong, FAMA telah dan sedang berusaha mewujudkan dan memajukan sistem pemborongan baru melalui Projek Terminal Makan Negara di Ipoh dan Kota Bharu yang merupakan pusat pengedaran bersepadu yang menyediakan khidmat sokongan termasuk penggredan, penyimpanan, penyejukbekuan, khidmat lelongan, perbankan dan sebagainya.

Dalam bidang promosi, FAMA telah melaksanakan berbagai-bagai program termasuk mengadakan penggunaan bahan makanan tempatan yang boleh diperolehi dengan mudah seperti Kempen Makan Buah-buahan Tempatan, Kempen Makan Sayur-sayuran dan Ulam-ulaman dan sebagainya.

Di peringkat antarabangsa, FAMA telah melaksanakan program penerokaan pasaran terutama ke negara-negara Asia seperti Singapura, Hong Kong, Taiwan, China, Jepun serta negara-negara Timur Tengah dan Eropah Barat. Perkhidmatan pemasaran FAMA meliputi khidmat nasihat dari segi maklumat pasaran, potensi pasaran, ruangan pasaran, amalan lepas tuai seperti penggredan, pembungkusan, penjenamaan dan pengedaran.

FAMA juga menyediakan kemudahan pusat perolehan ladang di kawasan-kawasan pengeluaran utama, pengangkutan dan ruang pasar borong dan runcit. FAMA berperanan menggalakkan kuasa tawar-menawar dam sebagai *buyer of the last resort* serta memberi bimbingan kepada petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang penubuhan FAMA sehingga...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat? Sebab masa sudah cukup.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Okey, sehingga kini jumlah perbelanjaan dalam bentuk geran kerajaan adalah sebanyak lebih kurang RM478 juta dan RM760 juta untuk belanja mengurus. Itulah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Masa pertanyaan tamat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2004) 2004****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [7 Disember 2004]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri sudah habis berucap ya?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak sambung pun boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan. Saya akan panggil Yang Berhormat Puan Safinah untuk yang seterusnya.

11.12 pagi

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh dua bab sahaja iaitu di bawah Maksud B.41 dan B.52. Jadi untuk B.41 mungkin apa yang hendak disentuh di sini terpesong sedikit daripada peruntukan tambahan yang dipohon di bawah bab ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam perbahasan, terpesong sedikit-sedikit dibiarkan. [Ketawa]

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin mengemukakan satu masalah ataupun dilema yang dihadapi oleh sekolah jenis kebangsaan (Tamil) dan juga sekolah jenis kebangsaan (Cina) berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan R. Sinniah sebentar tadi iaitu sekolah-sekolah di kedua-dua SJK ini keadaannya terlalu usang.

Begitu juga dengan suasana bilik darjah yang tidak *conducive*, dengan izin, dengan keadaan meja dan kerusi yang buruk. Di sini saya ingin menyatakan bahawa disebabkan dasar kerajaan ataupun peruntukan undang-undang yang sedia ada, sungguhpun ingin memberi bantuan khususnya daripada Kementerian Pelajaran, namun disebabkan ada had-had yang tertentu iaitu tanah milik sekolah tersebut

ataupun *ownership*, dengan izin, adalah kepunyaan Lembaga Pengarah ataupun Lembaga Pengurus tersebut menyebabkan sekiranya ada apa-apa rancangan ataupun projek untuk membangun semula sekolah khususnya bilik darjah tersebut, maka Kementerian Pelajaran tidak dapat menghulurkan bantuan sepenuhnya untuk membantu menyempurnakan projek tersebut sekadar dengan peruntukan ataupun bantuan modal yang terpaksa bergantung kepada keizinan kedudukan kewangan Kementerian Pelajaran tersebut seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sebentar tadi.

Saya juga ingin memberitahu satu cerita di tempat saya di Muar iaitu di satu sekolah jenis kebangsaan (Cina) apabila meja dan kerusi di bilik darjah sudah terlalu buruk dan membahayakan serta tidak dapat diguna pakai lagi, mereka terpaksa pergi ke sekolah yang berhampiran iaitu sekolah jenis kebangsaan untuk memohon jasa baik guru besar sekolah tersebut untuk memberikan meja dan kerusi sekolah tersebut yang masih dalam keadaan baik untuk mereka gunakan, kerana sekolah tersebut telah mendapat bantuan daripada Kementerian Pelajaran untuk membeli dan membekalkan kerusi dan meja yang baru.

Jadi, keadaan ini adalah satu sindiran bagi saya kerana dalam Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa dari segi pelajaran, semua jenis sekolah tidak kira aliran ataupun jenis, haruslah diberi layanan yang adil dan sama rata. Namun disebabkan apa yang saya utarakan tadi, had-had tertentu, kementerian tidak dapat menghulurkan bantuan sepenuhnya. Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru pihak kerajaan mengambil *initiative*, dengan izin, untuk mengkaji bagaimana hendak mengatasi masalah ini. Mungkin dengan membuat dasar ataupun meminda undang-undang jika sekiranya perlu.

Berkenaan dengan Maksud B.42, Tuan Yang di-Pertua iaitu sebanyak RM5.836 juta yang dipohon tambahannya untuk membiayai keperluan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis. Kerajaan telah mencurah dan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk Suruhanjaya ini agar dapat mempermudah dan melicinkan tugas yang diamanahkan kepada mereka untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan perjalanan dan pengurusan pasukan Polis Diraja Malaysia.

Dari semasa ke semasa, Suruhanjaya ini akan mengemukakan laporannya ataupun kedapatannya, ataupun *findings* dengan izin, kepada pihak kerajaan ataupun

kementerian yang berkenaan untuk pihak kerajaan mengambil tindakan untuk mengatasi

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab penguasaan bahasa Yang Berhormat menarik perhatian saya, apakah rumusan iaitu lebih tepat? Rumusan....

Tuan Tay Puay Chuan: Rumusan? Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: *Findings*. Apakah terjemahan kepada *findings* – rumusan atau kedapatan?

Tuan Tay Puay Chuan: *Findings* bagi saya, dapatan boleh, rumusan pun boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Mana yang lebih baik?

Tuan Tay Puay Chuan: Rumusan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengajar saya bahasa yang lebih tepat ...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak Yang Berhormat, bukan mengajar.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih. Izinkan saya meneruskannya. Saya ingin menyentuh dalam bab ini iaitu berkenaan dengan lokap ataupun pusat tahanan di balai-balai polis baik di balai polis ibu pejabat ataupun pejabat kontinjen polis. Mengikut rumusan Suruhanjaya, keadaan ataupun suasana lokap tersebut adalah dalam keadaan yang begitu teruk sekali iaitu selalu berlakunya kesesakan menyebabkan kadangkala orang-orang tahanan terpaksa tidur dalam keadaan duduk sahaja, tidak dapat berbaring sungguhpun itu hak asasi manusia untuk tidur dengan selesa. Harus diingat bahawa orang-orang tahanan ini adalah kebanyakannya hanya sebagai orang yang disyaki ataupun *suspect*, dengan izin melibatkan sesuatu perbuatan jenayah bukan sebagai seorang pesalah lagi sehinggakan mereka dibawa ke muka pengadilan dan didapati bersalah oleh mahkamah.

So selepas itu, jika sekiranya siasatan selesai dijalankan mendapati bahawa mereka yang ditahan ini tidak melibatkan diri mereka di dalam jenayah yang disyaki tersebut, maka mereka ini akan dibebaskan. Namun selepas dibebaskan, mereka akan rasa diri mereka teraniaya apabila mengenang detik-detik pahit yang mereka lalui di dalam lokap tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi soal ini menyentuh satu lagi aspek *the rule of law*.

Tuan Tay Puay Chuan: Benar Tuan Yang di-Pertua. Aspek yang kedua ialah berkenaan dengan Seksyen 117 – Kanun Tatacara Jenayah atau lebih dikenali dengan Kanun Acara Jenayah di mana Seksyen 117 ini membenarkan pihak polis menahan seseorang yang disyaki terlibat di dalam sesuatu jenayah, maksimumnya selama 14 hari. Disebabkan adanya peruntukan tersebut, maka selalunya ataupun pada kelazimannya Mahkamah Majistret akan memberi reman sebanyak lima hingga tujuh hari untuk permohonan yang pertama.

Saya sedar bahawa sungguhpun ada undang-undang yang memperuntukkan bahawa majistret harus meneliti permohonan reman tersebut berdasarkan perkembangan siasatan yang dijalankan oleh polis. Tetapi sekiranya mahkamah terpaksa meneliti secara dalam setiap kes reman tersebut, maka akan menjadi satu masalah kes-kes yang lain, yang lebih utama tidak dapat dijalankan kerana mengambil masa atau memakan masa yang lama seperti yang diluahkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob iaitu masa mahkamah dihabiskan dengan kes-kes pentadbiran sahaja. Jadi, itu yang kita hadapi....

Tuan M. Saravanan: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang, ada yang mohon laluan, adakah Yang Berhormat bersetuju.

Tuan M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat, saya ingin meminta sedikit pandangan Ahli Yang Berhormat. Kadang-kadang tahanan reman ini didapati tidak bersalah, so apakah pandangan Ahli Yang Berhormat terhadap penahanan ini apabila didapati tidak bersalah dan apakah kerajaan harus buat untuk mereka yang mengalami tekanan yang begitu serius? Terima kasih.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti kata Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sebahagian daripada *rule of law* kerana undang-undang membolehkan mereka, mengesahkan mereka ditahan selama maksimum 14 hari. sekiranya mereka didapati tidak bersalah, maka saya rasa sekiranya tiada ugutan ataupun tiada kekerasan yang dilakukan oleh pihak polis semasa penahanan tersebut, maka minta maaf, tiada apa-apa *remedy* yang mereka boleh minta selepas mereka dibebaskan nanti. Disebabkan itulah, saya menegaskan di sini, saya mengutarakan perkara ini di Dewan yang mulia ini kerana selepas reman pertama selama lima hingga lapan hari, maka habis tempohnya polis akan balik ke mahkamah untuk....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, memanglah tepat tempatnya kerana Dewan inilah *custodian* kepada *the rule of law*.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih. Bila permohonan yang kedua dikemukakan di mahkamah, maka sekali lagi pada kebiasaannya mahkamah akan memberi satu lagi tempoh, mungkin sampai 14 hari iaitu kalau reman pertama diberi tujuh hari, reman yang kedua akan diberi lagi selama tujuh hari. Pada saat inilah saya tidak mengatakan semua, saya hanya mengatakan segelintir sahaja pegawai polis yang menyiasat kes sengaja melengah-lengahkan siasatan mereka kerana adanya peruntukan 14 hari ini.

Apabila *suspect* ataupun keluarganya berasa gelisah dan cemas, maka mereka akan memohon jasa baik polis tersebut untuk mempercepatkan.....

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat, saya minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mendapat penjelasan tentang *statement* yang dibuat oleh Yang Berhormat Tay tadi, ada sebilangan kecil pihak polis yang sengaja lewat-lewatkan. Pada pandangan saya, andaian ini boleh mengelirukan dan dari segi siasatan, apabila berhadapan dengan masalah, walaupun suspek ataupun kes jenayah, semestinya pihak polis harus lebih teliti bagi memastikan apa yang disuspek itu terbukti mempunyai bukti bagi memastikan kes yang akan dibawa, yang dituduh mempunyai keyakinan. Kerana itu saya tidak boleh menerima ada segelintir polis sengaja untuk lewat-lewatkan kes penyiasatan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob. Saya berkata demikian berdasarkan pengalaman saya sendiri di dalam perkhidmatan polis selama lima tahun. *This is a real experience* dengan izin. Sungguhpun bukan saya yang membuatnya, tetapi semasa saya dalam polis, saya menerima banyak aduan dan saya memerhatikan rakan-rakan saya yang berbuat demikian. Disebabkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Dewan yang mulia ini beruntung, ada seorang bekas polis yang dapat memberi satu aspek dan perspektif penghayatan *rule of law* di negara kita sendiri.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga berdasarkan aduan-aduan yang diterima semasa saya mengamalkan undang-undang

ini sebagai seorang Peguam Cara dan Peguam Bela. Di sebabkan tiada bukti-bukti yang nyata, maka kita tidak dapat membawa mereka ke muka pengadilan.

Apa yang saya tegaskan di sini ialah, untuk mengelakkan keadaan yang demikian berlaku lagi, sekiranya kita membiarkan perlengahan penyiasatan, maka seperti yang telah saya katakan, keluarga suspek ataupun suspek sendiri akan berasa runsing dan mereka akan memohon jasa baik pegawai polis tersebut untuk mempercepatkan siasatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih dari itu, dianya mencemarkan *the rule of law*.

Tuan Tay Puay Chuan: Memang benar, memang benar, memang benar. Untuk mendapatkan apa yang dipohon oleh mereka, maka ada sesuatu *in exchange*, dengan izin. Janganlah disebabkan “nilai” yang setitik, seluruh nama baik...

Tuan Yang di-Pertua: Nila!

Tuan Tay Puay Chuan: Nila setitik, minta maaf, disebabkan nila setitik, mencemarkan nama baik....

Tuan Yang di-Pertua: Susu sebelanga.

Tuan Tay Puay Chuan:.... keseluruhan pasukan polis dan pasukan polis bukan sembarangan namanya, ia bernama pasukan Polis Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Perumpamaannya, “kerana nila setitik, rosak susu sebelanga”.

Tuan Tay Puay Chuan: Ya, benar Tuan Yang di-Pertua. Saya harap kerajaan dapat mengambil ataupun menghargai dan memanfaatkan sepenuhnya laporan dan saranan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Penambah Baikkan dan Urusan Polis iaitu dengan mengubahsuai. Kalau tidak dapat mendirikan bangunan yang baru ke atas lokap-lokap yang sedia ada dan juga mengkaji kemungkinan mengurangkan jumlah hari tahanan ke atas sesuatu suspek ataupun ke atas seseorang suspek daripada 14 hari ke satu tempoh yang lebih munasabah untuk memulihkan martabat dan nama baik pasukan Polis Diraja Malaysia dan keyakinan rakyat terhadapnya. Sekian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Safinah, selepas ini saya akan memberi peluang kepada Datuk Mohamad Jins.

11.30 pg.

Puan Safinah binti Jusoh: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004). Pertamanya Maksud B.9 iaitu Badan Pencegah Rasuah. Di sini disebut bahawa Badan Pencegah Rasuah memohon sebanyak RM735,000 untuk menampung perbelanjaan bagi melaksanakan Program Integriti Nasional (PIN) dan juga penubuhan Institut Integriti Malaysia iaitu (IIM).

Di sini saya mohon penjelasan apakah matlamat dan hala tuju penubuhan IIM itu sendiri dan apakah *expectation* ataupun pencapaian yang dijangkakan daripada program iaitu Program Integriti Nasional itu. Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua ialah Maksud B.12 – Permohonan yang diminta bagi perbelanjaan membiayai tambahan bayaran subsidi gas petroleum cecair LPG dan Diesel. Oleh kerana kenaikan harga dan juga bayaran tertunggak subsidi 2003 yang berjumlah RM2.4 bilion.

Di sini sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa diesel adalah merupakan barangan yang disubsidikan. Tetapi, ada juga di kebelakangan ini kita mendengar bahawa diesel ini diseludup di negara jiran. Saya mahu supaya perkara ini dapat diatasi masalahnya iaitu di tempat pusat-pusat penjualan diesel yang berhampiran dengan negara sempadan supaya diadakan atau diwujudkan satu mekanisme untuk kita dapat mengesan bahawa minyak diesel yang dibeli itu adalah bukan untuk kegunaan sendiri tetapi adalah untuk tujuan dijual kepada negara jiran.

Maka di sini saya meminta supaya kita dapat mengadakan satu kaedah bagi membanteras perkara ini berlaku, kerana kalau tidak maknanya kurangnya keistimewaan yang diberikan kepada rakyat Malaysia untuk mengguna pakai, iaitu minyak diesel yang telah disubsidikan ini. Saya juga mohon penjelasan berapa banyakkah tangkapan yang telah pun berjaya dibuat bagi mereka yang menyeludup diesel ini ke negara jiran dan apakah tindakan-tindakan yang dikenakan ke atas mereka.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah maksud B.24 iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Di sini kementerian ini memohon perbelanjaan tambahan sebanyak RM80 juta untuk membiayai tabung mempromosi jenama Malaysia oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

(MATRADE). Di sini saya ingin mendapatkan penjelasan iaitu sejauh manakah promosi ini berjaya menonjolkan produk-produk dari Malaysia dan bagaimanakah sambutan yang telah diberikan oleh pembeli-pembeli ataupun pengunjung-pengunjung yang datang ke tempat promosi tersebut? Apakah kriteria-kriteria barang yang mendapat tarikan utama daripada pembeli-pembeli ini?

Ini kerana bagi saya, merasakan ada kepentingannya kerana sebagaimana salah sebuah daripada negara Asia kita sedang membuat persiapan untuk berhadapan dengan AFTA – *Asean Free Trade Area* untuk negara Asia. Bagaimanakah untuk berhadapan dengan AFTA ini barang-barang keluaran daripada negara kita ini boleh menghadapi persaingan daripada lambakan-lambakan barang dari luar negara kerana saya melihat daripada pengalaman saya sendiri dalam dua hari yang lepas ketika Parlimen ini ditangguhkan sebentar pada pagi Isnin itu, saya sempat keluar dan masuk ke ibu kota pergi ke kawasan penjualan borong dan di sana kita dapati banyak barang-barang daripada salah sebuah negara Asia dan di sana ada banyak barang-barang dan harganya sangat murah.

Walaupun dari segi kualitinya tidak seberapa, tetapi kita melihat bahawa pengguna-pengguna, pembeli-pembeli, mereka bersedia membeli barang-barang ini. Bahkan mereka berpuas hati memiliki walaupun mungkin dari segi tempoh memakainya, menggunakannya tidak berapa lama. Saya terfikir, apakah kita dalam arah tuju kita untuk masuk dalam pasaran AFTA ini, kita mampu ataupun tidak membawa keluar produk-produk kita dengan harga yang semurah sebagaimana lambakan daripada barang-barang dari luar yang menawarkan harga yang murah ke negara kita ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua iaitu Maksud B.28 – Kementerian Pengangkutan yang memohon perbelanjaan tambahan sebanyak hampir RM15 juta dan RM3 jutanya adalah untuk membiayai perbelanjaan Kempen Keselamatan Jalan Raya. Kebiasaannya yang kita nampak kalau disebut Kempen Keselamatan Jalan Raya yang terlibatnya ialah MKJR iaitu Majlis Keselamatan Jalan Raya dan biasa yang mengambil bahagiannya, iaitu cara demonstrasi, lalu lintas untuk kanak-kanak sekolah, memberi *pamphlet*, cara-cara untuk memperingatkan tentang keselamatan jalan raya pada musim-musim perayaan dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Bagi pandangan saya, apa kata kalau kita tingkatkan lagi cara kita membuat kempen keselamatan jalan raya ini, iaitu kepada pemandu-pemandu, yang telah dikenal pasti pemandu-pemandu yang kasar, yang tidak tahan sabar, yang terlibat dalam kes *accident*, kematian dan sebagainya, kepada mereka ini diberikan satu kursus re-orientasi, kursus maknanya kursus peringatan semula tentang pemanduan yang selamat dan sebagainya, sebab saya tengok daripada musim pilihan raya yang lalu, yang baru sahaja, tidak sampai sebulan ini, yang terlibat dengan pemandu-pemandu kenderaan awam, yang terlibat dengan kemalangan pun daripada syarikat kenderaan awam yang sudah *establish* yang di belakangnya kata pemandu yang profesional apapun maknanya berlaku kemalangan. Apatah lagi daripada syarikat-syarikat kenderaan awam yang pemandu-pemandunya sebagaimana yang ditonjolkan oleh media masa yang diambil secara sembarangan.

Mungkin kepada pemandu-pemandu yang sebegini, kita perlu memberikan kepada mereka ini kursus-kursus orientasi semula tentang memperingatkan mereka tentang bagaimana pentingnya keselamatan di jalan raya, bukan untuk diri sendiri tetapi juga keluarga, untuk masyarakat dan juga untuk negara. Itulah sahaja daripada saya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid Ngah. Saya ingin juga hendak memaklumkan sebelum Yang Berhormat Dato', memandangkan Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin ingin bercakap tadi, memandangkan Yang Berhormat telah pun bercakap semalam dan mengikut Peraturan Mesyuarat 34(3) seseorang itu tidak boleh bercakap lebih sekali kecuali di peringkat jawatankuasa ataupun Yang Berhormat boleh mencelah ataupun *interject* semasa perbahasan dijalankan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid.

11.42 pg.

Dato' Haji Abdul Rashid Ngah: Terima kasih, Yang Berhormat, tetapi sebelum saya membuat ucapan Yang Berhormat, sedikit penjelasan, tidakkah Dewan ini memerlukan satu kuorum memandangkan keadaan yang ada sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', sekarang kita mempunyai lebih daripada kuorum yang telah pun ditetapkan seramai 10 orang.

Dato' Haji Abdul Rashid Ngah: Terima kasih, Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberi peluang untuk saya turut serta berbahas dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 2004.

Elok rasanya Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang anggota baru Dewan ini saya mengambil kesempatan untuk pertama-tamanya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih sebesar-besar penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikasihi dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah bersedia untuk melantik saya menjadi salah seorang daripada anggota Dewan dan tentulah saya tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pimpinan negeri Terengganu, khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besarnya yang saya percaya memberikan sokongan yang kuat untuk saya menjadi anggota Dewan Negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba dalam ucapan sulung ini bercakap dengan ringkas. Pertama berhubung dengan B.04 – Suruhanjaya Pilihan Raya yang telah meminta tambahan sebanyak RM100 juta untuk membiayai perbelanjaan Pilihanraya Umum Ke-11 dan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Ke-10. Sepintas lalu jelas bahawa permohonan tambahan ini agak panjang tetapi menyedari hakikat bahawa sesuatu prinsip pilihan raya dalam sebuah negara demokrasi mestilah ditegakkan sebaik-baiknya.

Saya berpendapat bahawa adalah wajar permohonan sebanyak ini. Apatah lagi mengingatkan bahawa pilihan raya yang lalu adalah suatu pilihan raya mengikut pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, satu pilihan raya yang baik dan yang cukup berjaya.

Saya sebutkan ini kerana pertama-tamanya pilihan raya yang lalu telah berjaya mengurangkan masalah-masalah yang telah kita telah alami dalam pilihan raya-pilihan raya sebelum ini. Misalnya sebagai satu contoh, wujudnya pondok-pondok panas yang Alhamdulillah dalam pilihan raya yang lalu telah dapat kita tiadakan. Dengan itu maka berkuranganlah masalah-masalah yang timbul daripada adanya pondok panas. Dalam pilihan raya yang lalu juga menunjukkan bahawa sistem yang cuba diwujudkan

oleh Suruhanjaya Pilihan Raya berhubung dengan pendaftaran pengundi dapat dilakukan sebaik-baiknya, misalnya sebagai satu contoh menggunakan alamat dalam kad pengenalan sebagai alamat untuk pendaftaran pengundi kerana dalam amalan biasa sebelum itu seseorang yang beralamat di satu negeri boleh mendaftarkan diri menjadi pengundi di negeri yang lain. Walaupun tempat baru alamat yang dipakai di negeri pendaftarannya sebagai pengundi itu tidak begitu jelas ataupun sekadar menumpang sahaja di satu-satu tempat yang tertentu.

Ini dengan mudah menimbulkan masalah apa yang kita sebut sebagai pengundi hantu dan sebagainya tetapi apa yang perlu dikaji seterusnya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ialah memantapkan lagi sistem ini supaya pendaftaran pengundi berasaskan kepada alamat yang tertera di dalam kad pengenalan dapat dimantapkan sebaik-baiknya. Perpindahan-perpindahan berlaku dan orang yang merasakan bahawa dia tidak pernah memohon untuk berpindah tetapi berlaku pemindahan bolehlah membuat bantahan dan tidak ada masalah kalau bantahan itu dibuat kerana saya rasa tidak ada perbelanjaan atau sebarang ongkos yang dikenakan kepada permohonan yang seumpama itu.

Dalam pilihan raya yang lalu juga kita haruslah bagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pengerusinya secara khusus saya hendak sebutkan di sini Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman dan Setiausahanya Dato' Ahmad yang saya rasa kerana pengalaman-pengalaman mereka yang begitu lama terlibat dalam urusan pilihan raya. Mereka pernah bekerja dalam Suruhanjaya Pilihan Raya, mereka telah menggunakan sebaik-baiknya pengalaman mereka dan kerana itu mereka dapat menguruskan pilihan raya yang sebaik-baiknya. Timbul masalah memang tidak dinafikan bahawa masalah itu timbul dan masalah-masalah ini adalah masalah yang saya rasa tidak begitu besar, masalah yang boleh dimaafkan, masalah yang tidak menjejaskan keputusan pilihan raya itu sendiri. Misalnya apa yang berlaku di salah satu kawasan di negeri Pahang. Memang ada pihak-pihak yang tertentu yang merasa kurang puas hati dengan keputusan pilihan raya itu. Pihak yang tidak puas hati jelaslah iaitu pihak yang kalah dengan mengatakan bahawa misalnya di Terengganu secara khusus Tuan Yang di-Pertua, terdapatnya pengundi-pengundi hantu.

Istilah pengundi hantu itu sendiri sebenarnya tidak begitu jelas. Adakah pengundi-pengundi yang memang didatangkan dan didaftarkan pada satu tempat yang

tertentu yang sebelum ini tidak ada sesiapa pun yang tahu, tahu tidak tahu mereka datang pada hari mengundi. Tetapi oleh sebab sistem pendaftaran pengundi kali ini adalah lebih baik maka sebenarnya tidak timbul masalah pengundi hantu. Apa yang jelas bahawa sistem yang telah dipakai dalam pilihan raya kali ini lebih baik peraturan-peraturan yang dikenakan kepada parti-parti yang terlibat kepada calon-calon yang bertanding lebih kemas.

Masalah-masalah yang didakwa timbulnya apa yang disebutkan dengan izin *bias* bagi pihak parti kerajaan atau calon-calon Barisan Nasional tidak timbul langsung yang sebenarnya. Apa yang timbul ialah rasa kekecewaan kerana tidak memikirkan bahawa berlakunya keputusan-keputusan yang tidak menyebelahi pihak-pihak yang tertentu. Kerana kekecewaan inilah maka sesungguhnya terasa bahawa sesuatu telah berlaku perkara yang tidak baik di dalam pengurusan pilihan raya.

Sebenarnya Alhamdulillah pilihan raya yang lalu yang telah memberikan satu gambaran yang cukup baik bukan sahaja di dalam negara kita Tuan Yang di-Pertua, tetapi juga di dalam luar negara bahawa Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi telah dapat menjalankan urusan pilihan raya sebaik-baiknya dan Alhamdulillah seperti yang pernah dipraktikkan dalam pilihan raya lalu dan pilihan raya sebelum ini bahawa kita telah mendapat dan memberitahu ataupun mengeluarkan keputusan pilihan raya lebih awal dan lebih sahih, lebih diterima oleh semua.

Berdasarkan kepada kes-kes yang dikemukakan kepada mahkamah jelaslah menunjukkan bahawa sebenarnya Alhamdulillah tidak ada perkara-perkara yang tidak diingini atau perkara-perkara yang boleh disebabkan sebagai berlakunya kecurangan dan sebagainya di dalam pilihan raya dan Alhamdulillah satu pilihan raya yang menunjukkan kemampuan kita rakyat Malaysia, kemampuan jentera pentadbiran kerajaan kita menguruskan hari yang seumpama ini. Kerana itu kita haruslah memberikan penghormatan dan rasa ucapan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya.

Saya sebut dengan jelas hari ini kerana saya mencadangkan perkara ini dalam ucapan sulung ini memberikan sebanyak-banyak dan setinggi-tinggi penghargaan kepada badan-badan atau agensi kerajaan yang telah memainkan peranan yang penting dalam urusan pentadbiran negara kita Tuan Yang di-Pertua, termasuklah salah satu daripadanya ialah Suruhanjaya Pilihan Raya yang acap kali dipertikaikan peranan dan *role model* yang telah dimainkan oleh agensi yang seumpama ini.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah P.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah meminta hampir-hampir RM160 juta untuk menampung kos tajaan pelajar-pelajar Jabatan Perkhidmatan Awam di dalam dan di luar negeri. Cuma saya mengambil kesempatan di sini Tuan Yang di-Pertua untuk menyebut satu kes yang khusus yang saya rasa dan saya harap kes ini adalah kes tendang tetapi kalau kes ini adalah kes-kes yang merupakan satu kes yang biasa agak malanglah bagi kita.

Ceritanya begini Tuan Yang di-Pertua, ada seorang pelajar perubatan dari negeri Terengganu, anak seorang guru sekolah rendah yang telah mendapat hadiah biasiswa untuk melanjutkan pelajaran perubatan di Ireland. Dalam tahun yang kedua kalau saya tidak salah, pelajar ini ada membuat satu kesalahan. Kesalahan itu bagi saya tidak begitu besar dan kerana kesalahan itu maka biasiswa untuk pelajar ini telah ditahan dan keputusan memberhentikan biasiswa telah pun diberikan kepada pelajar ini. Tetapi Alhamdulillah kerana pelajar ini pelajar pilihan dan merupakan salah seorang pelajar yang cemerlang, dia telah dapat menyambung pelajaran perubatan ini di Ireland sampai kalau saya tidak salah ke tahun yang ketiga. Tetapi malangnya oleh sebab biasiswanya itu diberhentikan maka terpaksa bapa pelajar ini seorang guru membiayai saya rasa lebih daripada RM3,000 sebulan belanja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli dewan dapat menggambarkan bagaimanakah penanggungan seorang guru biasa sekolah rendah untuk melihat anaknya terus menyambung pelajaran dan saya berusaha bersama-sama dengan beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain termasuklah Yang Berhormat wakil Parlimen merayu dan akhir sekali kami merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dapat kiranya ditimbang semula keputusan memberhentikan biasiswa itu supaya pelajar ini tidak terkandas dan bapanya serta keluarganya tidak menanggung satu perbelanjaan yang agak besar yang saya rasa memang di luar kemampuan keluarga ini untuk meneruskannya Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itulah saya katakan dan saya berharap mudah-mudahan ini merupakan satu kes tunggal bukanlah satu daripada kes-kes yang biasa dialami oleh pelajar-pelajar kita. Saya tidak menafikan bahawa pelajar ini telah melakukan satu kesalahan tetapi rasanya kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar ini boleh dimaafkan dan tidaklah sampai ke peringkat menamatkan biasiswa yang diberikan kepada pelajar yang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada B.15 Kementerian Luar Negeri, saya seperti juga beberapa orang sahabat-sahabat kita Ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini telah bercakap semalam. Berhubung dengan kejadian di Selatan Thailand atau di Selatan Siam iaitu di Tak Bai. Benarlah bahawa berdasarkan semangat muhibah Asean tidak sepatutnya Malaysia atau negara-negara anggota yang lain mencampuri urusan negara yang lain, itu benar. Tetapi kalau ini terus menerus dipakai atau diamalkan maka saya rasa kita tidak mempunyai peluang untuk menyuarakan hal-hal yang ada kena-mengena dengan satu kumpulan tertentu yang pada pertimbangan kita tertindas dan dalam hal ini kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Dewan Rakyat kita yang telah membuat keputusan seperti yang telah dicapai baru-baru ini.

Saya rasa adalah munasabah bagi kita Dewan Negara ini menyokong keputusan yang telah dibuat ataupun semangat muhibah yang telah dibuat yang menunjukkan dengan jelas betapa prihatinnya Ahli-ahli Dewan Rakyat terhadap perkara-perkara yang seumpama ini. Memang dari dahulu lagi, ada rasa kurang senang negara sahabat kita tentang negara kita pernah seperti Yang Berhormat sedia maklum, kita dituduh terutamanya negeri Kelantan dan Terengganu, seolah-olah kedua-dua negeri ini pernah menerima pejuang-pejuang daripada Selatan Siam, ini sudah menjadi rahsia umum.

Tetapi walau bagaimana pun dengan tidak berniat untuk mencampuri urusan negara lain, saya rasa perlu kita menyuarakan rasa ketidakadilan, rasa tertindas dan pengalaman-pengalaman pahit yang telah dialami oleh kumpulan-kumpulan tertentu seperti apa yang terjadi dalam kes Tak Bai ini. Saya berharap pemimpin-pemimpin kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar kita tidak akan teragak-agak untuk menyuarakan sesuatu yang kita rasa baik untuk negara kita. Tambahan pula apabila negara kita menjadi Pengerusi Persidangan OIC, kita tidak dapat melarikan diri dari merasa bertanggungjawab untuk mengatakan sesuatu yang pada hemat kita perlu dan wajar diperkatakan. Jadi, dalam hal ini Dewan ini saya rasa amat bertuah, kita merasa alhamdulillah, dua pemimpin kita terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memainkan peranannya yang sangat penting selaku pemimpin negara kita dan juga selaku Pengerusi OIC dalam hubungan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada B.41 – Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran telah meminta supaya ditambah perbelanjaan sebanyak RM400 juta untuk membiayai tambahan emolumen perjawatan baru, penggredan semula jawatan dan bayaran insentif kepada guru-guru yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bagi pendidikan rendah dan menengah. Tidak banyak perkara yang hendak saya sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, cuma dua perkara.

Yang pertama, kita terlalu mudah menyalahkan sistem ataupun Dasar Pendidikan Negara kita bila berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, misalnya salah laku yang dilakukan oleh pelajar-pelajar, oleh bekas-bekas pelajar dan sebagainya, sedangkan kes-kes yang seumpama itu dalam peratusannya tidak begitu besar, tidak wajar rasanya untuk menyalahkan Dasar Pendidikan Negara atau sistem pendidikan yang telah berjaya mengeluarkan begitu banyak graduan, begitu banyak pelajar yang boleh dikatakan merekalah yang sebenarnya mentadbirkan negara kita sekarang ini. Jadi, jangan mudah kita membuat rumusan bila berlaku perkara-perkara yang seumpama itu. Kita sepatutnya merasakan bahawa Dasar Pendidikan Negara, sistem pendidikan yang ada sekarang ini bukanlah sesuatu yang statik, yang beku, yang mesti kita terus menerus memakainya dengan tidak mengambil usaha untuk membuat penyesuaian dari masa ke semasa, penyesuaian memang perlu.

Masa memaksa kita untuk melakukan penyesuaian dari masa ke semasa, tetapi, sehingga sekarang, Dasar Pendidikan Negara yang kita kata tidak sesuai, begitu begini, itulah sebenarnya yang menjadi dasar pendidikan kita dari dahulu sehingga sekarang walaupun perubahan-perubahan berlalu. Satu daripada perubahan yang penting atas dasar ini, adalah mengajar subjek-subjek tertentu, Sains dan Matematik di dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita sedikit. Saya kebetulan menjadi Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru sebuah sekolah menengah di Terengganu. Pengetua sekolah ini, minta maaf, saya tidak sebutlah, saya sebut secara umum, mengatakan kepada saya, berdasarkan kepada penelitian dia, pelajar-pelajar tingkatan satu yang mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris, tetapi saya tidak dapat hendak menyatakan kelas mana dalam tingkatan satu itu. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam kelas tingkatan satu ini ada beberapa kelas tetapi kita tidak tahu kelas mana, kelas baikkah, kelas kurang

baiklah ataupun kelas yang paling corot, pakai istilah negeri Terengganu, ertinya yang paling hujung sekali.

Tetapi, apa yang disebut oleh pengetua dengan jelas, bahawa pelajar-pelajar dalam tingkatan satu lebih mudah dan lebih tinggi keputusan jawapannya, yang menggunakan bahasa Melayu daripada bahasa Inggeris. Cuma saya mengatakan kepada pengetua ini, jangan mudah kita membuat keputusan bahawa adalah senang bagi pelajar-pelajar ini menjawab dalam bahasa Melayu jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris, kerana kemungkinan ini ada.

Yang pertama kemungkinannya, bahawa sebagai bahasa pengantar, bahasa Inggeris yang baru digunakan untuk bahasa subjek ini belum dikuasai oleh pelajar-pelajar sebaik-baiknya. Ertinya, jika dibandingkan dengan penguasaan bahasa Melayu.....

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, mohon izin untuk minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada B.41 – Kementerian Pelajaran. Peruntukan yang diperuntukkan sebanyak RM400 juta bagi tujuan untuk membiayai perkara-perkara yang tercatat di dalam Perkara 10 ini. Tidakkah kerajaan juga memberikan perhatian kepada peruntukan ini untuk membuat suatu penyelidikan ataupun mengkaji permasalahan berlaku di kalangan murid-murid sekolah, gejala-gejala sosial yang berlaku pada hari ini, yang tidak disentuh untuk pembiayaannya.

Saya berpendapat bahawa di antara perkara-perkara yang berlaku di dalam sekolah ini ialah Kementerian Pelajaran juga harus mengambil perhatian gejala-gejala sosial yang sekarang ini semakin meruncing. Mereka bukan sahaja menjadi gejala sosial yang terlibat dalam gejala-gejala yang boleh kita terima, tetapi juga di antaranya menjadi penjenayah, ada juga yang hingga ke peringkat membunuh dan pelbagai lagi berlaku, hanya untuk pinjam *handphone* sahaja, boleh mengelar seseorang sahabatnya. Gejala yang berlaku ini di atas sebab-sebab kerana kita tidak memberi perhatian yang serius terhadap gejala-gejala ini untuk membuat suatu penyelidikan secara terperinci mengapa perkara-perkara ini berlaku. Saya mempunyai beberapa bukti kerana gejala ini kebetulan saya menjadi salah seorang daripada Jawatankuasa Gejala Sosial di daerah sekolah tempat saya.

Jadi, kami telah mengadakan beberapa jawatankuasa untuk melihat permasalahan anak-anak ini mengapa hingga terjadinya perkara-perkara demikian. Yang pertama, tentulah persekitaran yang ada di situ, barangkali Yang Berhormat dapat memperjelaskan lagi, persekitaran yang berlaku di situ, di antara sebab-sebabnya kebanyakan keluarga bekerja. Jadi, oleh kerana itu anak-anak ini telah berpakat melakukan beberapa perkara yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak dan moral dan mungkin juga akan membawa kepada jenayah. Saya telah ditugaskan untuk menjadi penyamar, menyamar untuk menyiasat anak-anak ini, apa perlakuan mereka apabila mereka datang ke sekolah, ada di antaranya ponteng sekolah, yang telah dikemukakan tadi dan ini telah berlaku. Saya ada bukti di sini.

Saya telah menangkap mereka dan mereka telah membawa video lucu. Ini, video-video yang saya dapat tetapi kita tidak mengaibkan ibu bapanya. Kita hanya mengambil dan memberitahu ibu bapanya bahawa mereka ini telah melakukan sesuatu yang boleh menghancurkan kehidupan keluarganya juga, memalukan. Video dan CD lucu ini di edar dengan begitu mudah dan saya amat terharu dengan keadaan ini, berlaku di kalangan murid-murid sekolah yang di bawah umur. Inilah yang harus barangkali Kementerian Pendidikan Tinggi atau Kementerian Pelajaran melihat secara serius perkara gejala sosial yang berlaku di kalangan murid-murid ini, satu peruntukan barangkali yang khusus, diberikan bagi tujuan penyelidikan ini. Video ini akan saya serahkan kemudiannya kepada pihak yang berkuasa. Saya tidak berhak menyimpannya. Saya hanya membawanya dengan tujuan untuk membuktikan bahawa ia benar-benar lucu.

Inilah, di antara sebab-sebabnya video haram dan video lucu ini berlaku di kalangan anak-anak murid sekolah kita yang menyebabkan mereka ini lari dan ponteng sekolah dan sebagainya. Di antara ponteng sekolah ini ada tiga perkara. Yang pertama, ponteng tidak datang ke sekolah kerana mereka berpakat dengan kawannya pergi ke satu tempat untuk melihat sesuatu. Yang saya dapat siasat ialah video lucu. Mungkin perkara lain mereka lakukan. Mereka melihat dan menontonnya di antara kawan-kawan juga, dua lelaki, dua perempuan di rumah kosong yang ibu bapanya tidak ada di rumah, bekerja. Ini telah kita lakukan secara rahsia. Saya berpendapat bahawa ini haruslah diberikan perhatian yang serius kerana dari situ akan berlaku beberapa gejala lain seperti rogol dan sebagainya, seperti yang dilaporkan di akhbar-akhbar, abang rogol adik. Ini semua berlaku daripada gejala-gejala menonton

video lucu, berkemungkinan video-video lucu ini ditinggalkan oleh ibu bapanya di rumah, yang mereka terlupa untuk simpan, yang ditonton oleh keluarga mereka.

Maka itu, kita terdapat di dalam gejala-gejala ini, ayah merogol anaknya, dari anak pertama sehingga anak kelima, datuk merogol anaknya, abang merogol adiknya dan keluarga-keluarga ini berlaku dan ada di antaranya sahabat membuat video lucu di antara kalangan mereka. Apakah tindakan kerajaan dan apakah kementerian merasakan bahawa ini adalah sesuatu yang boleh menghindar anak-anak ini daripada ke sekolah dan akhirnya dibuang sekolah dan akhirnya mereka akan terlibat dalam gejala-gejala lain, berkemungkinan akan menjadi seorang penagih dadah dan sebagainya. Maka, kita harus membendungnya dari peringkat awal lagi supaya ada satu usaha ke arah membendung anak-anak sekolah ini, supaya tidak dibenarkan keluar daripada kawasan sekolah semasa persekolahan.

Saya selalu membuat penyelidikan ini, melihat waktu makan, walaupun ada kantin sekolah, tetapi mereka masih keluar dan dibenarkan mereka keluar dan di luar sana, kadang-kadang dia tidak balik lagi ke sekolah. Ada gejala-gejala lain yang berlaku di kalangan itu, kerana hari ini kita lihat sekolah-sekolah berada di kawasan-kawasan perumahan, berada di kawasan-kawasan bandar, banyak aktiviti yang berlaku di kawasan itu. Ada video gamenya, ada pelbagai Internet dan sebagainya. Ini menyebabkan mereka ada daya tarikan untuk keluar daripada sekolah dan berlakulah pelbagai gejala yang tidak dingini. Maka itu, saya amat prihatin dalam hal ini, meminta barangkali Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dapat memberikan penjelasan, apakah tidak boleh kita memikirkan sesuatu supaya gejala sosial di kalangan murid-murid sekolah ini dapat kita bendung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah yang merupakan seorang tokoh pendidikan untuk bersama-sama berkongsi pengalaman beliau. Sila Yang Berhormat Dato'.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Jins. Jelaslah kepada kita bila kita mengamati perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Jins tadi, bahawa sistem pendidikan yang kita amalkan sekarang tidak begitu kuat bila berhadapan dengan gejala-gejala sosial yang disebutkan tadi. Memang kita bersetuju, saya rasa Ahli-ahli Yang

Berhormat di Dewan Negara ini juga bersetuju dengan saya bahawa apa yang dilakukan oleh murid-murid sekolah memang tidak diajar oleh guru. Tidak diajar oleh guru untuk menonton filem-filem lucu, tidak ada guru yang mengajar untuk ponteng. Tetapi, ponteng dan sebagainya itu yang sebenarnya berlaku.

Ertinya, faktor luaran sekolah termasuklah apa yang kita rasa kurang puas hati berhubung dengan tayangan program-program TV dan sebagainya itu ditambah lagi kekalutan kehidupan di luar sekolah, semua sekali ini, bila dijumlahkan, memainkan peranan yang begitu kuat dan boleh saya katakan Tuan Yang di-Pertua, mengalahkan apa yang kita ajar di sekolah. 'Menehelkan' ertinya menghapuskan kadang-kadang sama sekali nilai-nilai baik yang telah dipupuk di sekolah. Di rumah, sistem nilai yang dipakai mungkin berlainan daripada sistem nilai yang diajar, yang dipupuk di sekolah dan di dalam masyarakat pun begitu juga keadaannya. Jadi, anak-anak kita berhadapan dengan dua, tiga masalah. Masalah di sekolah dan masalah di luar sekolah, yang akhirnya, murid-murid ini kalah. Ertinya, apa yang dipupuk, dididik di sekolah mengalami kekalahan berhadapan dengan faktor-faktor tadi.

Saya tidak bermaksud hendak merendah-rendahkan usaha yang dilakukan oleh guru-guru, tetapi sebenarnya pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, kita lebih bayak mengajar di sekolah daripada mendidik. Kita kurang mendidik sekarang saya rasa di sekolah, jadi saya pun rasa dukacita juga bila kerajaan menukarkan Kementerian Pendidikan kepada Kementerian Pelajaran. Sepatut kita kekalkan menjadi Kementerian Pendidikan. Kita didik anak-anak itu lebih banyak, kurang mengajar sikit pun tidak apa, tetapi jangan sampai anak-anak kita kurang ajar. Kita didik. Jadi, kalau kita beri pelajaran terlalu banyak dalam berbagai-bagai bidang tetapi kita kurang mendidik anak-anak kita, jadilah apa yang terjadi sekarang dengan masalah-masalah tertentu.

Saya cuba hendak sebut apa yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran pagi tadi, sebelum ini, berhubung dengan masalah menyelesaikan ponteng sekolah selepas peperiksaan-peperiksaan tertentu. Jadi, oleh kerana pemerhatian kita terlalu berat kepada peperiksaan yang seumpama itu katalah masalah UPSR, murid-murid, ibu-ibu bapa juga memberikan perhatian yang begitu besar, jadi bila selesai sahaja peperiksaan UPSR, kita kata satu perkara yang besar jadual tahunan itu telah selesai. Jadi murid-murid boleh berehat, jadi tidak datang.

Kalau datang ke sekolah, tidak masuk kelas. Ponteng sekolah satu hal, ponteng kelas satu hal lagi.

Jadi, kalau begitu kedudukannya, mengapa tidak kita beri cadangan supaya sekolah mula bercuti lebih awal? Hari ini hari akhir peperiksaan UPSR, esok kita boleh mula bercuti, tidak timbul lagi masalah ponteng sekolah. Mengapa kita tidak buat begitu? Mengapa kita terus menerus menerima murid-murid datang ke sekolah dengan keadaan yang berbagai-bagai jenis dengan kadang-kadang pakaian pun tidak lagi seperti yang sepatutnya seperti murid sekolah? Dia merasa suasana yang bertukar, *relax* dan sebagainya, jadi berlakulah perkara-perkara yang tidak diinginkan. Dan terlalu payah saya rasa, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bagi guru-guru untuk mengatur jadual-jadual tertentu yang masih dinamakan pelajaran ataupun pendidikan bila sudah selesai peperiksaan yang seumpamanya itu. Payah bagi guru-guru. Jadi, tidak hairanlah kalau berlaku ponteng sekolah dan sebagainya. Tetapi, walau bagaimana pun...

Tuan Chiam Yong Tee: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat. .

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Sebelum saya bersara pada tahun lepas, saya adalah seorang guru. Jadi, dari pengalaman saya sebagai seorang guru, memang masalah yang Yang Berhormat bangkitkan tadi itu adalah sesuatu yang nyata tahun demi tahun, iaitu selepas peperiksaan am ataupun peperiksaan akhir sekolah. Jadi di kebanyakan sekolah kes-kes yang ponteng kelas dan juga ponteng sekolah memanglah satu perkara yang biasa. Jadi yang saya nampak punca kerana gejala in boleh berlaku ialah oleh kerana memang tidak ada satu program yang khusus untuk pelajar-pelajar selepas tempoh peperiksaan itu. Jadi, sekiranya ada satu program yang bermakna, saya percaya perkara ini dapat ditangani.

Saya juga faham Kementerian Pendidikan atau Pelajaran ada melalui satu surat pekeliling mewajibkan sekolah-sekolah menyediakan satu jadual untuk tempoh selepas peperiksaan pada hujung tahun. Tetapi apa yang saya nampak dari jadual program-programnya merupakan slot-slotnya yang tidak berkesan dan tidak dikendalikan dengan baik. Jadi, oleh kerana kekurangan semacam ini, sebenarnya saya faham ada juga pelajar-pelajar yang tidak datang ke sekolah dengan izin ibu bapa mereka kerana kononnya di sekolah tidak ada aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Jadi, saya minta mungkin kementerian pendidikan dapat lihat dan sebenarnya saya yakin kepakaran pada guru itu ada. Kenapa kita tidak boleh adakan satu kursus ataupun satu program untuk kemahiran atau kepakaran dalam bidang-bidang yang tertentu macam muzik ataupun yang lain-lain aktiviti yang berunsur pendidikan supaya kementerian dapat memberi katakan peruntukan ataupun subsidi kepada sebarang tenaga pengajar dalam bidang ini untuk mengendalikan program-program tersebut? Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang pandangan saya ini?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat yang baru sahaja bercakap. Saya bersetuju, tinggal lagi seperti yang saya katakan tadilah. Terlalu susah, terlalu payah bagi guru-guru untuk melaksanakan program selepas peperiksaan ini. Walau bagaimanapun, sebenarnya ibu bapa juga merasa kurang senang kalau anak-anak mereka duduk di rumah selepas peperiksaan seumpama ini kerana tidak ada apa yang sebenarnya yang boleh disediakan oleh ibu bapa di rumah dan keadaan akan menjadi lebih buruk kalau anak-anak tidak pergi ke sekolah, duduk di rumah dan ibu bapa tidak berupaya untuk mengawal mereka. Mereka mungkin pergi ke tempat-tempat tertentu dan akan berlakulah perkara-perkara yang tidak diingini, dan akhirnya pihak sekolah juga pihak Kementerian Pelajaran juga Pendidikan juga disalahkan kerana salah laku pelajar-pelajar.

Sebenarnya keadaan-keadaan ini di luar kemampuan sekolah untuk mengawalinya. Tuan Yang di-Pertua. Itulah keadaan senario yang kita hadapi sekarang. Tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana kita adalah terdiri daripada orang-orang yang bertanggungjawab, kita bukan sahaja mahu bercakap di dalam Dewan ini dan di tempat-tempat lain juga, tetapi kita juga merasakan bahawa menjadi tanggungjawab kitalah, tertanggunglah di atas beban kita untuk menyesuaikan masalah ini.

Saya mohon izin untuk bergerak kepada B.42 iaitu Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak yang saya hendak sebut di sini...

Tuan Osman bin Bungsu: Saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Osman.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Abdul Rashid dan Senator-senator yang baru dilantik dalam bersama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan

ini. Tuan Yang di-Pertua, saya amat prihatin terhadap pandangan Yang Berhormat Dato' Jin, terhadap cara mengatasi masalah ponteng sekolah terutama pelajar-pelajar yang lepas UPSR, PMR, SPM dan sebagainya kerana Yang Berhormat Dato' telah menyarankan tadi supaya satu peruntukan khas atau kursus diberikan kepada pelajar-pelajar ini untuk pelajar ini menikmati suasana pembelajarannya selepas menghadapi peperiksaan. Kalau ini dapat diperuntukkan, pelajar-pelajar ini bolehlah dibawa ke luar sekolah dengan cara melawat, melihat satu-satu institusi pengajian tinggi, melihat keadaan balai polis, melihat keadaan kerja-kerja di sesebuah syarikat, supaya pemikiran kanak-kanak ini dapat diperluaskan betapa pentingnya hidup mereka selepas peperiksaan.

Ini bermakna hidup mereka selepas peperiksaan ini ada lagi agendanya untuk diteruskan supaya hidupnya lebih sihat. Kalau dia melakukan perkara ini seperti ponteng, akibatnya banyak. Bukanlah cikgu sahaja yang boleh mengajar, tetapi generasi yang berada di dalam, berada di luar sekolah pun boleh mengajar dengan cara peruntukan ini diberi khas khusus kepada sekolah.

Jadi, saya melihat kebanyakan sekolah terpaksa mengemis. Bukan, meminta derma. *Sorry*, maaf saya, Tuan Yang di-Pertua, cakap "mengemis" ini. Kebanyakan sekolah meminta derma daripada pihak tertentu, kadang-kadang dapat, kadang-kadang tidak. Sedangkan duit ini untuk kanak-kanak. Apalah salahnya wang yang begitu banyak dapat diperuntukkan kepada pelajar-pelajar ini? Jadi, dengan cara ini program yang diberikan kepada pelajar selepas menghadapi peperiksaan akan dapat dimanfaatkan untuk pengetahuan pelajar-pelajar yang berkenaan terutama kepada pelajar lepasan SPM, PKLN khidmat negara. Latihan khidmat negara perlu dimasukkan di sekolah, tidak perlu kita kena panggil pelajar-pelajarnya. Kita ada pelajar-pelajar lepasan SPM di sesebuah sekolah, terus kita latih mereka dalam masa tiga bulan sama ada di sekolah yang dikendalikan oleh pihak-pihak tertentu, sebab pelajar lepasan sekolah inilah kita lihat banyak mendatangkan masalah.

Jadi, dari segi peruntukan membuat lawatan ini, kadang-kadang diminta kepada ibu bapa terutama pelajar-pelajar yang di luar bandar. Ibu bapa hendak menyediakan peruntukan untuk persekolahan anak-anak pada tahun depan, tapi kalau lawatan-lawatan yang terlibat untuk mengurus pelajar ini dikenakan lagi kepada ibu bapa sedangkan pendapatan ibu bapa di luar bandar sangat sikit, jadi tidak dapat menampung. Kadang-kadang hendak buat lawatan, pelajar kena bayar sampai RM50.

Katakanlah pelajar daripada Kota Tinggi hendak melawat ke Kuala Lumpur hendak tengok Putrajaya, Menara Kembar. Kalau hendak pergi ke Langkawi, seorang pelajar memerlukan wang hampir RM100 hingga R\$200. Manakah kemampuan pelajar yang datang daripada luar bandar untuk menikmati keadaan ini untuk diperluaskan pemikiran atau minda mereka dalam suasana persekitaran hidup yang begitu dihadapi?

Jadi pada pandangan saya dan Dato' Rashid, bekas exco kerajaan negeri yang banyak pengalaman, saya rasa pandangan ini kalau boleh dapat dikongsikan bagaimana cara ini dapat memberi kementerian mencadangkan kepada kerajaan supaya setiap pelajar diberi satu peruntukan khusus. Selepas PMR diberi peruntukkan sekurang-kurangnya RM200 hingga RM300 untuk mereka pergi membuat sesuatu kerja di bawah pimpinan guru bagi meningkatkan tahap kefahamannya, terhadap hidup bersosial dalam masyarakat. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Maaf. Saya cuma hendak menambah sedikit ataupun hendak mencelah kalau boleh sebab cadangan-cadangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya begitu baik. Tetapi di antara perkara yang mungkin boleh kita selitkan dalam masa selepas sekolah ini selain daripada melawat ke firma-firma kejayaan dan juga apa yang telah disebutkan tadi.

Saya rasa oleh kerana gejala sosial ini membawa impak yang begitu negatif dan kadang-kadang kanak-kanak ini terjebak oleh kerana usia yang muda. Mereka lebih banyak *curiosity*, semua hendak cuba. Dalam mencuba mereka pula menjadi mangsa dalam keadaan itu. Jadi saya rasa mungkin elok juga di antara program-program yang mungkin boleh diselitkan ini selain daripada kejayaan mungkin kita boleh wujudkan program kursus pendek ICT, pengkomputeran, kemahiran dan sebagainya.

Ada baiknya kita bawa mereka melawat kepada kawasan-kawasan ataupun perumahan perlindungan seperti Serenti umpamanya. Apabila kita terjebak kepada dadah akibatnya macam ini, kalau mereka tengok keadaan orang yang sudah kecewa, macam sudah gila, dia pun takut akan termasuk dalam keadaan ini. Kalau kita cuma hendak membawa dalam kejayaan sahaja jadi dia nampak untuk berjaya dia mesti bergaul dengan golongan ini. Dalam bergaul itulah kadang-kadang akan

menyebabkan mereka terjebak. Minum, pergi ke *bar*, dalam dia berniat baik hanya untuk hiburan. Keluar ke tandas orang masukkan ubat, dia jadi macam-macam. Kalau boleh kita bawa juga mereka melawat. Masa itu dua atau tiga minggu sebelum.

Jadi apa salahnya program untuk melawat jel umpamanya? Bukan hendak menakutkan mereka tetapi bertujuan mempelajari keadaan pentadbiran. Apabila mereka melawat itu mereka nampak betapa susahny kalau terjebak dalam keadaan begini, ini pula akibatnya. Umpamanya jenayah *juvenile cases* seperti membunuh, mencuri apa akibatnya. Saya rasa ini juga perlu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi terima kasih atas laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Okay.

Dato' Haji Abdul Rashid Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Hajah Dayang Mahani. Sebenarnya apa yang disebut misalnya oleh Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin bin Samsudin ditambah oleh Tuan Osman bin Bungsu ditambah kuatkan lagi Datuk Hajah Dayang Mahani menunjukkan dengan jelas dua tiga perkara.

Yang pertama Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu anak-anak kita ini terjebak dengan gejala-gejala negatif. Yang kedua, kita mahu anak-anak kita sayangkan masa yang sangat berharga itu diisi sebaik-baiknya dengan kegiatan-kegiatan yang berfaedah. Bukan mudah sebenarnya hal ini hendak dibuat yang akhirnya, guru-guru terpaksa merancangannya.

Walau bagaimanapun, kita yakin kita mempunyai sebuah kerajaan yang prihatin, yang "cakna", kata orang Terengganu yang boleh menggunakan sebahagian daripada peruntukan-peruntukan yang diminta ini untuk melaksanakan program-program ini. Mudah-mudahan dengan itu dapatlah kita atasi sedikit-sebanyak masalah yang menjadi punca segala masalah yang kita hadapi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak banyak saya hendak sentuh berhubung dengan B.42 - Kementerian Kesihatan. Hanya satu sahaja iaitu berhubung dengan permintaan tambahan sebanyak RM25 juta membiayai dana khas penyakit kronik. Walaupun tidak 100% benar apa yang dilaporkan dalam akhbar itu, kita tidak boleh mengatakan bahawa tidak penting sungutan pesakit-pesakit atau keluarga pesakit kronik yang meminta supaya masalah mereka diselesaikan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita rasa bimbang ialah di mana kes-kes kelambatan memproses permohonan untuk mendapatkan bantuan daripada dana ini

menyebabkan kita tidak dapat menyelamatkan pesakit-pesakit yang tertentu. Jadi kalau begitu kedudukannya, pembaca-pembaca dan orang awam akan membuat keputusan bahawa kematian berlaku kerana kita lambat memproseskan permohonan. Kematian berlaku kerana kita, sepatutnya dengan izin, *indecisive* dalam membuat pertimbangan kepada permohonan-permohonan ini. Bukan kita tidak ada duit, bukan kita tidak ada wang, tetapi pegawai-pegawai kita termasuklah doktor, doktor pakar dan sebagainya lambat membuat keputusan-keputusan. Oleh kerana itu kita tidak dapat menyelamatkan penyakit-penyakit yang seumpamanya.

Jadi oleh itu kita menggesa supaya proses pertimbangan yang seumpama ini dipercepatkan kerana jelas kepada kita bahawa kita sebenarnya mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membiayai pesakit-pesakit kronik yang seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mahu menyentuh B.50 - Kementerian Pertahanan iaitu satu aspek sahaja berhubung dengan satu peruntukan yang diminta, agak besar RM250 juta, untuk membiayai tambahan kos Program Latihan Khidmat Negara. Seperti yang dijangka memang pada peringkat awal timbul berbagai-bagai masalah bila kita mula melancarkan program ini. Bapa-bapa juga merasa kurang senang, merasa bimbang, pemimpin-pemimpin masyarakat termasuklah ahli-ahli politik merasa bimbang kalau program ini tidak dapat menepati tujuan asalnya.

Tetapi Alhamdulillah, akhir-akhir ini dengan kerjasama semua pihak kita dapat jalankan Program Latihan Khidmat Negara sebaik-baiknya walaupun program ini memakan belanja yang banyak dan akan terus-menerus memakan belanja yang banyak. Seperti yang diminta misalnya oleh wakil Yang Berhormat Siti Zailah supaya faktor agama dimasukkan. Saya rasa ini pun satu hal yang boleh dipertimbangkan. Tetapi amalan-amalan yang dilakukan sekarang dalam Program Latihan Khidmat Negara seperti yang di tunjuk dengan jelas, diceritakan dengan jelas oleh Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim sudah pun ada sebenarnya.

Walaupun tidak setongkol dimasukkan hal agama dalam ini tetapi nilai-nilai yang cuba dipraktikkan dalam latihan ini memang nilai-nilai sejagat, nilai-nilai yang baik yang sebahagian besarnya memang nilai-nilai Islam yang dipraktikkan oleh seluruh dunia yang diterima oleh semua pihak, oleh semua pelatih-pelatih tidak mengira agama. Jadi dalam hal ini kita berharap mudah-mudahan kita akan dapat mendengar cerita yang lebih baik, apatah lagi apabila dibentangkan dalam Dewan Rakyat, satu

jawatankuasa yang terdiri kebanyakan daripadanya oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk mengkaji masalah-masalah yang timbul daripada program latihan yang seumpama ini.

Jadi kita berharap mudah-mudahan Program Latihan Khidmat Negara ini akan mendapat kepercayaan daripada semua ibu-bapa. Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, itu yang penting kepada saya. Jangan ada ibu bapa yang merasa tidak percaya kepada program kerajaan yang seumpama ini kerana program ini sesungguhnya satu program yang sangat baik. Terdapatnya pelatih-pelatih yang bermasalah, yang berkelakuan tidak senonoh yang saya rasa *percentage* atau peratusannya tidak begitu besar, insya-Allah boleh diselesaikan sebaik-baiknya asalkan ada kepercayaan bahawa ini satu program yang sangat baik untuk melatih, untuk mendidik generasi Malaysia yang akan datang, yang akan mewarisi kekayaan, kemiskinan atau apa sahaja yang ada dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah dua tiga perkara yang dapat saya sebutkan dalam mengambil peluang dalam perbahasan ini. Mudah-mudahan pandangan-pandangan yang saya sebutkan di sini merupakan tambahan-tambahan kepada pandangan-pandangan yang begitu banyak untuk sekian kalinya disuarakan oleh Ahli-ahli Dewan ini. Mudah-mudahan insya-Allah saya akan diberi peluang lagi untuk sama-sama berbahas dalam perkara-perkara yang selanjutnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid. Sebagai mana yang saya katakan semalam bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini melibatkan satu jumlah wang yang besar. Jadi saya hendak memberi peluang kepada seramai yang boleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

12.41 tgh.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta membahaskan suatu Akta yang menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan iaitu perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau kita lihat seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, perkara ini amat penting walaupun telah

dibelanjakan kerana ini merupakan perimbangan yang memerlukan kelulusan daripada Ahli-ahli Dewan bagi memastikan kelancaran proses pengurusan dan juga pelaksanaan projek-projek yang harus dilaksanakan oleh kerajaan terutamanya dalam usaha kita membina dan memajukan negara dan membina kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada B.50 - Kementerian Pertahanan. Sejumlah RM250 juta telah diperuntukkan bagi B.50 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tahu sebahagian besar daripada peruntukan sejumlah RM250 juta ini akan digunakan bagi program Latihan Khidmat Negara seperti mana yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya yang lain.

Kita sedar bahawa program yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini pada tahun lepas kita melihat bahawa program ini merupakan suatu yang cukup penting kerana dalam usaha kita memajukan negara kita sebagai sebuah negara seperti mana yang kita sasarkan insya-Allah pada tahun 2020 nanti kita rasakan bahawa kita perlu menyediakan tenaga yang benar-benar tenaga muda yang merupakan pewaris ataupun pelapis kepada kepimpinan kini, tenaga yang benar-benar mempunyai kekentalan, tenaga yang benar-benar mempunyai semangat dan sifat yang cukup waja dalam kita menyambung tradisi kepimpinan negara.

Dalam usaha kita menyediakan ini kita memikirkan di antara langkah-langkah yang cukup penting yang cuba kita buat sebagai persiapan menyediakan tenaga waja yang amat diperlukan oleh negara pada masa yang akan datang ini ialah melalui Program Latihan Khidmat Negara. Kita sedar program ini memakan belanja yang cukup besar dan ia merupakan pelaburan jangka panjang ataupun pelaburan jangka panjang secara tidak langsung yang amat penting yang memerlukan kita sama-sama berkorban kerana kesan pulangnya merupakan tenaga yang amat diperlukan negara pada masa yang akan datang.

Berdasarkan apa yang kita lihat, saya ingin membangkitkan perkara ini kerana ada di kalangan rakan-rakan saya yang terlibat ataupun dilantik oleh pihak kementerian sebagai operator-operator kem yang mengendalikan kem-kem khidmat negara ini. Di peringkat awal semua operator ini diberi hak untuk mengendalikan kem ini dengan belanja sendiri dan kepada sesiapa yang tidak mempunyai kemampuan kewangan maka Kementerian memberi kemudahan pinjaman menerusi bank kepada operator-operator kem ini.

Kita lihat pada tahun pertama dilaksanakan, ianya berjalan dengan lancar. Program tiga bulan ini, saya ingin betulkan, kelmarin Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan mengatakan dua bulan di kem dan tiga bulan di IPTA ataupun IPTS yang telah dilantik . Sebenarnya sebulan di kem, dua bulan lagi adalah di IPTA. Kita lihat banyak kerosakan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar di IPTA termasuk kehilangan barang-barang pelajar-pelajar IPTA berkenaan dan menyebabkan kerugian yang ditanggung oleh IPTA terlalu banyak, maka pihak kementerian telah mengubah polisi untuk dijalankan sepenuhnya.

Semua modul latihan di kem induk seperti mana yang dijalankan *insya-Allah* pada 13 Disember *intake* yang pertama ataupun *batch* yang pertama akan bermula tidak lama lagi. Jadi, cuma saya hendak meminta pihak kementerian walaupun seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri membangkitkan bahawa ianya tidak membebankan kem-kem operator, tetapi apabila dilaksanakan sepenuhnya program ini di kem induk seperti mana yang telah diputuskan, ianya melibatkan kos yang terpaksa ditanggung oleh kem-kem operator.

Ini bermakna, kata di sini kos tambahan kalau dahulu semua pelajar tinggal di dalam khemah dan ada setengah kem operator telah membeli peralatan ini, tetapi digunakan untuk setahun sahaja dan setengahnya masih lagi belum mendapat pulangan modal terhadap khemah-khemah berkenaan dan terpaksa dibuat bangunan kekal, termasuk peralatannya sekali yang menelan belanja yang cukup besar juga. Jadi, berdasarkan perkara ini saya rasa JLKN harus menimbang walaupun program ini dipanjangkan kepada tiga bulan dilaksanakan di kem, tetapi kita harus sedar dari segi perbelanjaan *overhead* sudah tentu meningkat sedangkan peningkatan pendapatan dengan pengurangan peserta dan juga pengurangan kadar bayaran harian daripada RM46 kepada RM41 adalah sesuatu yang kurang wajar, di mana saya ingat perbelanjaan elektrik dan air sahaja menelan belanja hampir RM50,000 sebulan kepada pemilik-pemilik kem operator.

Jadi, apa kata kalau di kalangan rakan-rakan kita ini yang meminjam daripada institusi kewangan, sudah tentu mereka akan menghadapi bebanan yang berat kerana, mengambil masa yang cukup lama untuk mereka membayar balik pinjaman. Sedangkan sepatutnya pendapatan ini terpaksa mereka menyediakan perkhidmatan yang cukup cekap, terutamanya *excellence* dalam perkhidmatan makanan, dobi,

perkhidmatan kenderaan dan sebagainya kepada pelatih-pelatih yang telah kita ambil ini.

Jadi, kita berharap kepada pihak kementerian, terutamanya Jabatan Latihan Khidmat Negara supaya mengkaji semula, kerana pada tahun ini banyak perubahan telah dibuat. Apabila pihak kerajaan telah menukar kem-kem komandan yang dulunya terdiri dari *ex-servicemen* ataupun bekas pesara tentera, tetapi pada kali ini demi memikirkan ada beberapa perkara teknikal yang berlaku yang dibangkitkan oleh rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini, maka pada tahun ini semuanya diberikan kepada pegawai-pegawai tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Major, sebagai kem komandan ataupun Timbalan Kem Komandan dalam mengendalikan latihan ini.

Jadi, kita minta supaya bayaran RM46 itu dikekalkan untuk sekurang-kurangnya beberapa tahun mengikut perjanjian asal pihak JLKN dengan kem-kem operator ini. Tuan Yang di-Pertua, ini amat penting kerana kejayaan program latihan khidmat negara adalah juga sebahagian besarnya bergantung kepada kem-kem operator ini menyediakan kemudahan-kemudahan ini dengan cepat dan juga mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak JLKN. Ini harus ditimbang oleh kementerian supaya kerugian yang ditanggung itu tidaklah dalam satu jangka masa yang panjang dan kerana mereka juga, walaupun dalam masa yang sama mereka ingin mendapat keuntungan tetapi keprihatinan pihak kerajaan kepada sahabat-sahabat kita yang telah menolong menjayakan program ini haruslah diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Saya rasa kalau pihak kem-kem operator ini tidak menyediakan kemudahan yang baik kepada pelatih-pelatih adalah tindakan-tindakan ataupun denda yang terpaksa ditanggung, yang ditetapkan oleh pihak JLKN. Jadi, kita berharap sekali lagi supaya kadar harga dinaikkan dan bilangan peserta ditambah. Buat masa ini pihak JLKN tidak perlu membina kem-kem yang baru ataupun menambah kem baru, sebaliknya menaikkan taraf kem asal yang sedia ada tetapi menambah peserta dan juga mengekalkan bayaran kepada RM46 satu kepala sehari, sekurang-kurangnya pada satu jangka masa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, ini amat penting kerana rakan-rakan kita membangkitkan dari segi kesan apabila pelatih-pelatih ini keluar ataupun selepas *passing out* ini supaya mereka menjadi insan yang benar-benar berubah dan insan yang benar-benar bersedia untuk menjadi tenaga waja seperti yang kita katakan tadi. Dalam hal ini....

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Sila.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat, pada peringkat awalnya kita dapat melihat, Yang Berhormat, boleh saya meminta penjelasan tentang peringkat awalnya pelancaran PLKN ini terdapat daripada pihak pembangkang yang cuba membuat pelbagai andaian dan tohmahan tentang rancangan kerajaan demi kebaikan belia kita dan juga demi kebaikan pertahanan negara. Sejauh manakah pada pandangan Yang Berhormat sehingga kini pihak pembangkang memberi sumbangan ke arah menjayakan lagi PLKN sebagaimana yang direncanakan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tay Puay Chuan: Minta laluan juga Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat berkenan dengan kem latihan ataupun Program Latihan Khidmat Negara ini. Adakah program ini telah mencapai sebahagian daripada objektifnya? Kerana bagi saya ia sudah tentu mencapai satu objektif yang begitu memberangsangkan.

Di sini saya ingin menceritakan satu berita yang saya baca, yang dipaparkan oleh penjaga ataupun ayah seorang pelatih yang mengambil bahagian dalam program tersebut yang berbangsa Melayu. Ayahnya dengan secara jujur dan bersyukur berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi peluang kepada anaknya mengambil bahagian dalam program tersebut. Saat-saat ataupun pengalaman-pengalaman manis yang dilalui oleh anak beliau menunjukkan satu perkembangan ataupun hasil yang positif, iaitu semasa anak beliau hendak pergi melanjutkan pelajaran di luar negara, anak beliau telah dikunjungi oleh ramai kawan-kawan yang berbilang kaum yang beliau kenali ataupun kawan-kawan di kem tersebut. Jadi, saya rasa ini merupakan satu ataupun sebahagian objektif kerajaan agar semangat perpaduan dapat dipupuk melalui program tersebut.

Saya merasa terharu dan tergerak hati membaca laporan tersebut kerana kita ditakdirkan untuk hidup bersama dalam keadaan pelbagai kaum dan pelbagai agama di tanah air yang tercinta ini. Saya rasa adalah tanggungjawab semua setiap individu untuk memastikan keharmonian dan keamanan yang dinikmati dan dikecapi oleh kita sekarang dikekalkan selama-lamanya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad dan Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan di atas pertanyaan-pertanyaan. Pertama sekali soalan Datuk Yaakob bin Haji Mohammad berhubung dengan tanggapan pihak pembangkang terhadap pelaksanaan projek ini. Saya rasa di setiap negeri, saya ingat Ustaz Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri bersetuju dengan saya, kerana semua termasuk DAP, PAS dan juga KEADILAN telah pun menghantar wakil-wakil untuk melihat sejauh mana keberkesanan program ini diadakan terutamanya kalau percampuran dari segi pelajar laki-laki dan perempuan dan sebagainya.

Apabila melihat setelah ianya dilaksanakan, sebenarnya kita tidak ada masalah kerana kerajaan sentiasa, dengan izin, *considers all factors* sebelum sesuatu program yang hendak dilaksanakan itu dibuat. Jadi, kita ada pengasingan sebenarnya, pengasingan di antara laki-laki dan perempuan dan begitu juga jurulatih yang mengendalikan latihan-latihan ini. Jurulatih perempuan mengendalikan pelatih-pelatih perempuan, sementara jurulatih laki-laki mengendalikan pelatih laki-laki dan tidak timbul juga tentang soal sembahyang dan sebagainya.

Ini adalah kerana pada tiap-tiap waktu, bagi pelatih-pelatih yang beragama Islam, ada seorang pegawai turus agama yang telah dihantar oleh pihak angkatan tentera untuk mengendalikan pelajar-pelajar ini, di samping mengadakan kuliah subuh, kuliah maghrib dan sebagainya kepada pelatih-pelatih. Dan juga kepada agama-agama yang lain, pada setiap minggu dan juga hari-hari tertentu para pelatih ini dibenarkan untuk menjalankan ibadat masing-masing dengan semua kemudahan disediakan oleh pihak kerajaan seperti pengangkutan dan lain-lain termasuk lawatan sambil belajar ke tempat-tempat menarik, tempat rekreasi dan juga tempat-tempat yang boleh memberikan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar ini.

Jadi, kita lihat tidak timbul soal ini, walaupun ada satu dua kes yang dilaporkan di akhbar seperti kes rogol jurulatih terhadap pelatih, kes *gangsterism* yang ada juga berlaku di setengah-setengah kem terutamanya pelaksanaan di modul yang kedua, pergaduhan yang kadang-kadang ada pergaduhan pelajar Melayu dengan pelajar Cina. Jadi, semua ini ada berlaku dan kita tidak biarkan kerana mereka ini daripada latar belakang yang berbeza. Saya sudah katakan kelmarin di Dewan yang mulia ini, apabila pemilihan ini dibuat secara rawak, *selection at random*, dia hanya memilih melalui nama-nama yang diambil dan tidak tahu latar belakang pelajar-pelajar ini sama

ada mereka ini pelajar-pelajar yang cerdas, bijak dan sebagainya. Kita tidak tahu latar belakang mereka. Apabila dikumpulkan mereka ini barulah kita dapat mengenal pasti masalah-masalah yang ada pada diri mereka.

Saya hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kita merasa sangat malu, kerana ada juga di kalangan pelatih yang tidak tahu membaca, ada di kalangan pelatih yang hanya menamatkan persekolahan rendah sahaja dan ada pelatih yang tidak bersekolah langsung. Jadi, macam-macam latar belakang yang berlaku, ada pelatih yang kahwin pada umur 14 ke 15 tahun, yang mereka terpaksa datang baru sahaja lepas pantang, dan terpaksa setiap minggu suami membawa anak untuk berjumpa dengan emak dan sebagainya. Jadi, macam-macam latar belakang yang berlaku dan melibatkan semua masalah pelatih-pelatih ini,

Di sini juga kerajaan dapat mengenal pasti apabila mereka berkumpul, mereka akan menubuhkan kumpulan mengikut negeri. Ada geng Penang, ada geng Perlis, ada geng Kedah, ada geng Kelantan dan geng-geng ini kalau tidak kena.... *[Disampuk]* geng mamak itu bukan *[Ketawa]*.

Jadi, mereka menubuhkan kumpulan-kumpulan kecil mereka dan ada juga menubuhkan kumpulan mengikut kaum. Jadi, benda-benda ini kita dapat mengenal pasti ketika mengendalikan latihan termasuk juga kita dapat mengenal pasti mereka cuba berbuat sesuatu mesti pergaduhan di antara negeri, pergaduhan di antara kaum. Jadi semuanya dapat diatasi apabila kita dapat bertemu dengan keadaan sebenar pelajar-pelajar ini dan mereka ini yang akan keluar yang akan menjadi pemimpin, yang akan menyambung pendidikan selepas itu, kita akan mendapat tahu bahawa hala tuju mereka yang sebenarnya.

Kita tidak hairan kalau ada di kalangan pelatih yang terdiri dari bekas-bekas GRO, yang pernah bekerja di kedai-kedai gunting rambut dan sebagainya, bermacam-macam latar belakang kalau kita lihat mereka. Jadi, dengan ini kita dapat..

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah perbincangan Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Kasim: Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab masa perbincangan sudah cukup.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim boleh sambung ucapan.

2.31 ptg.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita lihat secara keseluruhannya objektif Latihan Khidmat Negara ini boleh dikatakan telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian ataupun pihak kerajaan, kerana kita lihat terdapat perubahan yang cukup besar kepada anak-anak kita selepas sahaja mereka menamatkan latihan berkenaan dan sewajarnya apabila perubahan yang begitu besar berlaku, seperti mana Yang Berhormat Tuan Tay sebutkan tadi apabila kita lihat kajian di kalangan ibu bapa di mana anaknya pernah terlibat selepas tamat latihan berkenaan. Kita lihat perubahan yang cukup besar, terutamanya dalam usaha pembentukan sifat sendiri yang lebih positif untuk mereka mengharungi dunia yang serba mencabar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada Maksud B. 43 iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga tambahan sebanyak RM156,830,000 untuk perbelanjaan pakej...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkan saya ganggu sebentar. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita ada 3 jam sebelum Dewan ditangguhkan dan saya bercadang untuk menjemput kementerian menjawab dan menggulung esok. Bolehkah saya tahu siapa lagi yang hendak berucap?

Tuan Tan Bon You: [Bangun]

Tuan Chiam Yong Tee: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau begitu keadaannya mungkin saya terpaksa menjemput kementerian untuk menjawab apabila tamat perbahasan petang ini. Siapa lagi yang hendak berucap? Ada lagi ya. Boleh kita isikan masa sehingga pukul 5.30 petang dan kementerian bolehlah menggulung dan menjawab esok. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan ini dipohon mengikut pecahan seperti berikut, iaitu RM127 juta adalah

diperlukan untuk bayaran Pakej Rangsangan Ekonomi Negara iaitu khusus kepada Program Kebersihan - Langkah 90, kemudian yang keduanya RM1,630,000 untuk program menangani masalah denggi yang juga merupakan masalah yang cukup serius sekarang ini berlaku di seluruh negara; dan yang ketiga sebanyak RM27,200,000 untuk perbelanjaan bekalan perkhidmatan serta aset di bawah Program Pengurusan dan RM1 juta untuk ubahsuai pejabat sewaan ruang pejabat baru dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan, berhubung dengan Tabung Projek-projek Terbengkalai (TPPT), kerana kita lihat TPPT di bawah kementerian ini, kita lihat setengahnya berfungsi dengan baik, dan setengahnya tidak berfungsi dengan baik. Terutamanya kita lihat dalam fungsi utama ataupun matlamat utama tabung ini ditubuhkan, iaitu untuk menyiapkan ataupun untuk memastikan bahawa projek-projek terbengkalai dapat diatasi sepenuhnya. Kita lihat sudah ada sedikit penyelewengan apabila tabung ini digunakan untuk projek-projek baru perumahan.

Sepatutnya projek-projek terbengkalai ini lebih penting dan harus diberi fokus oleh kementerian, kerana kita lihat apabila projek terbengkalai ini berterusan, kita amat sedih terutamanya di kalangan kakitangan kerajaan ataupun pegawai-pegawai kerajaan yang membeli rumah berkenaan dan mereka masih menanggung, terpaksa membayar ataupun dibuat secara potongan gaji pada bayaran kelulusan pinjaman yang mereka terpaksa tanggung, sedangkan dalam masa yang sama mereka tidak dapat menduduki rumah berkenaan dan mereka juga terpaksa mengeluarkan belanja selebihnya untuk menyewa kediaman lain bagi..... ini sudah tentu menambah bebanan ataupun liabiliti kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

Seharusnya pihak kementerian berbincang dengan Perbendaharaan, mengkaji balik. Kalau sekiranya di kalangan pegawai-pegawai kerajaan ataupun kakitangan kerajaan yang terlibat membeli rumah dan projek rumah berkenaan terbengkalai dan sebagainya, kajian pembayaran balik biarlah dibuat selepas rumah berkenaan diduduki atau berjaya disiapkan. Ini amat penting bagi kakitangan dalam melaksanakan segala dasar-dasar yang kerajaan buat. Kita merancang, tetapi mereka yang hendak melaksanakan. Tetapi kalau mereka dalam keadaan yang serba salah, dalam keadaan yang tidak tenteram, dalam keadaan pendapatan yang tidak menentu, sudah tentu fokus ataupun konsentrasi mereka untuk bekerja tidak dapat ditumpukan sepenuhnya. Mungkin Perbendaharaan boleh berbincang pula dengan kakitangan

ataupun pembeli-pembeli yang membuat pinjaman daripada institusi kewangan. Perbincangan harus dibuat supaya institusi kewangan lebih bertolak ansur. Bebanan ini, janganlah kita meluluskan pinjaman sedangkan rumah berkenaan pembeli tidak dapat didudukinya, tetapi kita adakan garis panduan tertentu yang tidak membebankan pembeli-pembeli berkenaan kerana ini berlaku di seluruh negara, melibatkan saya rasa luahan, keluhan, rintihan semuanya dipaparkan di dada akhbar hampir setiap hari. Pihak kementerian haruslah memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha menangani permasalahan ini, kerana benda ini bukan masalah baru, masalah lama, tetapi belum lagi dapat diselesaikan hingga ke hari ini walaupun pelbagai langkah, pelbagai cara diadakan.

Menteri Perumahan pun datang menjawab di Parlimen, mengatakan, "Kita akan buat, kita akan ikhtiar, kita akan mengambil tindakan", tetapi kita lihat masih lagi masalah ini tidak dapat kita selesaikan sepenuhnya walaupun usaha kerajaan....

Dato' Omar bin Faudzar: Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ismail bin Kasim: Sila Yang Berhormat.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat mengenai Tabung TPPT. Tabung ini sepatutnya digunakan untuk mengendalikan projek-projek terbengkalai. Tetapi sehingga ke hari ini, apa yang saya tahu Tabung TPPT, iaitu Tabung Projek-projek Terbengkalai digunakan untuk membangunkan projek-projek baru, bukannya projek-projek terbengkalai.

Yang kedua, tentang pinjaman daripada kerajaan, pembeli-pembeli rumah yang mendapat pinjaman daripada kerajaan, apabila pemaaju membuat *claim* dengan izin, kerajaan mengeluarkan 10% ataupun 20% mengikut *progress*. Tetapi setelah 10% atau 20% dikeluarkan, projek itu terbengkalai. Terbengkalai hampir 10 tahun, tetapi dalam tempoh 10 tahun itu, kerajaan terus memotong gaji pegawai-pegawai kerajaan. Saya rasa kalau 10 tahun sudah melebihi daripada jumlah wang yang telah dikeluarkan oleh kerajaan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Omar atas keprihatinan beliau tentang nasib pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang terlibat ini. Pada pandangan saya perkara ini harus kita berbalik pada landasan penubuhan Tabung ini. Dalam mengatasi masalah ini, kita tahu bebanan ini memang berat untuk ditanggung. Kalau ikut *progress payment* dengan izin, yang dibayar

kepada pemaju-pemaju dan sebaliknya, perkara ini tidak dapat disiapkan. Tetapi kita lihat kadang-kadang pemotongan itu lebih daripada *progress*, lebih daripada sepatutnya.

Ada yang sampai 15 tahun kalau saya tidak salah keluhan dan rintihan daripada seorang pegawai kerajaan. Mereka tidak dapat menduduki premis berkenaan. Jadi tindakan ini sepatutnya sudah lama dibuat. Kita boleh berbincang walaupun ada peraturan, perjanjian dibuat tetapi benda ini kita yang buat dan kita boleh mengubahnya mengikut kesesuaian keadaan semasa dan sebagainya. Jadi nasib kakitangan kerajaan juga yang terlibat membuat pinjaman ini kita harus bela. Kita harus tangani sebaik mungkin. Jadi dalam masa kita menangani masalah pembeli, makna masalah perumahan kita hendak siapkan, masalah pembeli kita hendak atasi dan segala kesulitan yang berlaku pada mereka.

Jadi kedua-dua belah pihak ini mesti difikirkan oleh pihak kementerian atau pihak kerajaan khasnya dalam usaha kita menangani masalah ini. Walaupun setengahnya daripada projek terbengkalai ini, kita beri kepada Syarikat Perumahan Negara, tetapi kita lihat ada juga masalah-masalah yang berlaku dan setengah-setengahnya walaupun peruntukan telah sedia ada untuk kita memulihkan projek terbengkalai ini, seperti di Kampung Kerinchi, di Batu Maung Pulau Pinang, di Sungai Petani dan sebagainya, tetapi sampai sekarang walaupun ada masalah-masalah teknikal perundangan yang belum dapat diselesaikan sepenuhnya, kadang-kadang kerana birokrasi yang memeningkan kepala dan begitu juga dengan projek-projek baru contohnya apabila SPN hendak mengadakan projek baru di setengah-setengah negeri.

Masalah di peringkat kepimpinan tertinggi, contohnya Ketua-ketua Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar-, tidak ada masalah di peringkat EXCO telah diluluskan, tetapi kita lihat kadang-kadang di peringkat jabatan. Misalnya dari pejabat perumahan ataupun Jabatan Perumahan hendak pergi ke Unit Perancang Ekonomi, hendak buat sepucuk surat mengambil masa sampai 3 bulan, kita pun hairan di mana, apakah susah sangat untuk kita hendak buat sepucuk surat yang hanya perlu memanjangkan perkara ini bagi tindakan selanjutnya, kemudian dibawa kepada KPTG bagi pengambilan tanah dapat dilaksanakan dengan lancar, sebab ada masalah-masalah dan *constraint* lain yang harus kita atasi. Selepas itu seperti kita hendak jumpa dengan pemilik tanah dan lain-lain.

Jadi kerenah di peringkat birokrasi ini, di peringkat jabatan ini perlu kita pertingkatkan dan dalam hal ini kita kena buat juga kursus-kursus motivasi mungkin yang lebih kita kena bawa pegawai-pegawai kerajaan yang berkenaan kerana kita tidak mahu sekarang ini cara bekerja dalam negara kita, negara maju kita tidak boleh terikat masa bekerja seperti ditetapkan, mungkin di kalangan pegawai-pegawai harus bekerja lebih masa, macam di kalangan pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk bertugas di Parlimen walaupun Parlimen kadang-kadang ditamatkan pada 10.30 malam, 10.30 malam dengan sabar mereka menunggu.

Ini yang kita mahu, cara ataupun budaya kerja yang cukup agresif kalau kita mahu menjadi negara maju yang benar-benar hebat. Itulah Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini kita lihat perlulah kita tangani dengan sebaik mungkin, kerana kesejahteraan rakyat juga harus kita jaga sebagai sebuah kerajaan yang cekap, sebuah kerajaan yang telah diberi mandat yang cukup besar oleh rakyat untuk memerintah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian bagi Maksud B. 52 iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak RM472,871,800 adalah diperuntukkan bagi banyak pecahan seperti perkhidmatan, bekalan, melaksanakan projek-projek, keperluan bagi pihak Polis Diraja, pembelian kenderaan, pembaikan, pengubahsuaian bangunan, baik pulih, sewaan, perjawatan dan penyelarasan gaji polis dan lain-lain yang terlibat dengan tambahan sebanyak RM472 juta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita hendak memastikan Polis Diraja dapat menjalankan tugas dengan lebih baik dalam suasana bekerja yang cukup hebat, dalam suasana bekerja yang membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab dengan amanah, dengan cekap dan dengan jujur. Kita juga harus menyediakan berbagai kemudahan bagi mereka melaksanakan tugas-tugas ini dengan lancar dan berkesan. Contohnya saya ingin menarik perhatian kepada Ibu Pejabat Kontinjen Polis Sabah. Ia merupakan dan juga tempat kediaman pegawai-pegawai polis.

Saya lihat IPK Sabah ini merupakan di antara IPK yang cukup penting kerana perairan Sabah, di negeri Sabah sendiri yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai keadaan yang cukup mencabar.

Apabila saya berpeluang ke Sabah dan saya melawat ke tempat berkenaan, saya merasa amat sedih apabila mendapati taraf kemudahan yang disediakan, terutamanya tempat kediaman bagi pegawai-pegawai polis dan juga anggota-anggota lain-lain pangkat, dalam keadaan yang cukup tidak selesa. Kadang-kadang suasana kawasan perumahan, turapan jalannya pun sudah tidak ada - tinggal batu-batu sahaja. Saya difahamkan bahawa bekalan elektrik bagi tempat kediaman berkenaan terpaksa dipinjam dari bangunan sekolah yang disambung secara saya tidak tahulah bagaimana keadaannya. Begitu juga dengan kawasan persekitaran sebab ia adalah sebuah bangunan lama. Jadi adalah wajar segala kemudahan ini diperbaiki, kerana polis Sabah ini macam-macam kerja dia kerana buat, terutamanya membanteras masalah lanun, masalah pendatang asing, masalah jenayah yang mana berdekatan dengan negara jiran yang mendedahkan kepada kemasukan mereka.

Suasananya seperti yang dibangkitkan oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri ketika melawat kuarters polis yang telah disiapkan di sebuah negeri, saya teringat Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri merasa amat sedih dan terkejut apabila melihat kuarters polis untuk lain-lain pangkat di sebuah negeri, di negeri berkenaan dalam keadaan yang cukup tidak selesa. Apabila kita melihat keluasan (*size*) kuarters berkenaan adalah lebih kecil dari rumah PPRT yang kita bina untuk rakyat termiskin. Jadi, kenapa hal ini berlaku dan kenapa kita tidak memikirkan perkara ini dengan lebih awal dan kenapa setelah siap barulah perkara ini berada dalam pengetahuan pihak kementerian dan pihak kerajaan. Jadi sewajarnya perkara ini tidak patut berlaku.

Saya faham dalam keadaan sekarang walaupun kita tidak boleh melaksanakan keseluruhan projek-projek besar ini kerana semuanya menelan belanja yang cukup besar, jadi pada masa-masa yang akan datang kita harus pastikan bahawa setiap projek yang kita hendak laksanakan ini harus mengambil kira semua faktor keselesaan kerana kita melihat anak-anak polis pun kepada mereka yang sudah lama berkhidmat, adalah tidak sesuai untuk mereka tinggal di kuarters yang disediakan oleh kerajaan dengan hanya dua bilik ataupun tiga bilik yang kecil, yang kadang-kadang kita lihat tidak mampu untuk menampung bilangan keluarga yang ramai, dan sesetengahnya berlaku keadaan di mana anak-anak lelaki dan perempuan terpaksa tidur di luar, di kawasan ruang tamu kerana masalah ruang ataupun bilik yang cukup sempit. Jadi, pada masa-masa yang akan datang, jika kita hendak melaksanakan projek-projek

sebegini, kita haruslah memikirkan semua perkara, semua faktor agar pelaksanaannya tidak dibuat dengan membazir dan dibuat agar dapat memenuhi kehendak semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, dalam usaha kita meningkatkan kualiti perkhidmatan polis dan kadang-kadang kita, umumnya rakyat dan masyarakat kerana ada satu dua kes yang mana polis terlibat dengan rasuah, polis terlibat dengan rompakan, polis terlibat dengan macam-macam – memukul, berlumba motor haram dan sebagainya. Walaupun begitu kita faham akan tugas-tugas polis, di mana walaupun perkara-perkara ini berlaku, dua tiga perkara yang dilihat boleh mencemarkan imej pasukan polis, kes-kes itu adalah tidak besar kerana keseluruhannya, sebahagian besar anggota polis masih lagi memegang amanah untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik, terutamanya dalam meningkatkan mutu perkhidmatan polis.

Kita sedar bahawa dalam keadaan yang serba mencabar ini kerajaan telah cuba menyediakan keselesaan dan juga memberi kemudahan bagi meningkatkan pendapatan supaya polis dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan. Tanggungjawab mereka semakin hari semakin besar, terutamanya kita lihat apabila pada setiap hujung minggu, terutamanya malam minggu, khususnya di kalangan polis trafik, malam minggu di seluruh negara, kalau kita menaiki kenderaan – kereta dan sebagainya, kita bertolak dari Kangar hingga ke Johor Bahru, di jalan-jalan raya dan di kawasan-kawasan bandar, di jalan-jalan lebuhraya yang kurang dilalui oleh kenderaan, adalah menjadi sasaran ataupun tempat remaja kita untuk berlumba haram. Kita telah menggunakan berbagai-bagai cara tetapi desakan, gesaan, tindakan dan termasuklah kita cuba membuat saranan supaya remaja ini ditegah keluar lebih daripada pukul 10.00 malam, tetapi cadangan ini telah mendapat tentangan yang cukup hebat daripada setengah-setengah menteri sendiri dan juga kerana melanggar hak asasi manusia dan sebagainya.

Tetapi kalau kita lihat keadaan yang berlaku sekarang adalah cukup menyedihkan. Anak-anak kita sampai siang, terutamanya pada malam minggu, menghabiskan masa kerana pada waktu siangnya mereka mengubah suai kenderaan masing-masing dan pada malamnya mereka telah berlumba dan kita lihat ada di kalangan mereka yang terlibat dalam kemalangan dan setengah-setengahnya telah meninggal dunia semasa perlumbaan haram berkenaan dijalankan.

Jadi kita lihat perkara-perkara ini, kita harus mengambil berat perkara ini, tanggungjawab untuk kita menyekat anak-anak kita keluar dari rumah bukanlah tanggungjawab polis semata-mata, seperti mana kita melihat sesuatu yang berlaku pada anak-anak kita yang terlibat dalam gejala sosial kita sering menyalahkan kerajaan, kita sering menyalahkan pihak sekolah, kita sering menyalahkan orang lain, kita sering menuding jari kepada orang lain tanpa kita memikirkan bahawa persoalan-persoalan ini harus ditangani bersama. Kalau tidak kita buat secara bersepadu yang melibatkan ibu bapa, masyarakat, pemimpin-pemimpin masyarakat, seperti JKKK, seperti NGO, pertubuhan-pertubuhan belia, ianya tidak akan dapat diatasi.

Macam yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tadi tentang masalah ponteng sekolah, saya melihat masalah ponteng sekolah ini, gejala ini berlaku bukan selepas peperiksaan tetapi semasa, sebelum peperiksaan pun gejala ini banyak berlaku di semua sekolah, seolah-olah macam anak-anak kita, adik-adik kita ini mereka menganggap bahawa sekolah ini satu tempat yang menakutkan, mungkin suasana persekitaran belajar yang disediakan oleh pihak sekolah tidak menarik minat mereka. Gejala ini berlaku bukannya selepas peperiksaan bahkan ia berlaku semasa belajar, semasa mereka sedang menimba ilmu, sudah ramai yang ponteng sekolah termasuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang cukup tidak bermoral.

Dan kita lihat sekarang tidak hairanlah kalau di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah, kalau sekolah menengah itu sudah dikira besar, tetapi di peringkat sekolah rendah yang masih di peringkat memerlukan bimbingan sudah banyak yang terlibat dalam gejala-gejala yang tidak bermoral. Sudah ada anak-anak kita di peringkat persekolahan rendah yang terlibat meminum minuman keras, yang balik dalam keadaan mabuk setiap malam ataupun meminum air daun biak yang sekarang ini dibuat dengan ramuan-ramuannya yang lebih hebat untuk memastikan tarikan-tarikan yang cukup baik. Mereka mencampurkannya dengan benda-benda yang kita lihat dari segi jangka masa panjang boleh merosakkan organ-organ mereka, seperti buah pinggang dan lain-lain. Mereka sanggup mencampurkan ubat nyamuk dengan ubat gegat, dengan Shelltox, dan setengahnya kaca lampu yang dipecahkan, setelah dihancurkan halus-halus dan kemudian dimasukkan ke dalam air berkenaan untuk memastikan imaginasi mereka lebih berkembang dan lebih hebat. Semua ini kita lihat dijual dengan cara terbuka. Malangnya masyarakat mendiamkan diri.

Kita hanya sering menyalahkan orang lain apabila perkara ini berlaku. Sebab itu setiap sesuatu yang berlaku kita harus mengambil iktibar bahawa semua pihak harus memainkan peranan masing-masing, mereka tidak harus menyalahkan kerajaan semata-mata, tidak harus menyalahkan pihak itu semata-mata, tidak harus menyalahkan pihak ini semata-mata, semua pihak terlibat, semua pihak harus memainkan peranan barulah perkara ini dapat diatasi. Bagaimana kalau kita katakan, kalau jiran kita yang mengambil mudah, yang memang hendak menghancurkan bangsa, dia menjual arak, dia menjual air daun biak di rumah kita dan kita lihat dia mengaut keuntungan yang cukup hebat – membina rumah, beli kereta baru dan sebagainya, tetapi masyarakat atau pimpinan masyarakat di situ, tidak kiralah pembangkangkah atau kerajaankah, hanya melihat. Yang tahu kita pergi ke kedai-kedai kopi, kita bercakap mengata, “Ha, Mat ini terlibat dalam menjual daun biak tiap-tiap hari”, tetapi apakah tindakan yang kita buat? Melaporkan kepada polis, melaporkan kepada pihak berkuasa ataupun permulaannya kita memberi, menasihati. Kita tidak pernah buat benda ini, kita hanya tahu.

Begitu juga kedai-kedai sekarang, gejala ini bukan sahaja berlaku di kampung, bukan sahaja berlaku di bandar tetapi berlaku, menular ke kampung-kampung. Kedai-kedai runcit yang hendak mengambil keuntungan lebih, yang tidak memikirkan masalah kepentingan masa depan negara, yang hanya memikirkan keuntungan diri sendiri, mereka juga menjual minuman keras di kedai-kedai mereka dan juga pil-pil khayal seperti *ice-baby*, pil *ecstasy*, pil kuda dan sebagainya yang sekarang ini ada dijual di kedai-kedai runcit secara bersembunyi dengan harga yang cukup mahal. Mereka mengaut keuntungan dan mereka tidak sedar bahawa mereka juga telah menolong merosakkan generasi bangsa Malaysia yang kita sayangi ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bila anak-anak kita ini keluar dalam masyarakat, mereka terlibat dalam perkara ini. Kita sering menyalahkan orang lain kerana dalam satu peristiwa yang saya ingat berlaku pada malam Hari Raya bila mana *strength* polis, dengan izin, berkurangan kerana ramai yang diberi cuti atau balik berhari raya di kampung masing-masing. Bermakna tidak ramai yang bertugas dan ini berlaku di hadapan mata saya, dan perkara ini saya tahu tidak dibesarkan, tetapi saya merasakan ia adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian, terutamanya di dalam Jabatan Polis, apabila pegawai polis cuba menasihati pelumba-lumba motor haram ini, beliau diserang oleh puluhan pelumba-lumba ini dengan memukul dan sebagainya dan

mereka terpaksa mengeluarkan senjata untuk menakutkan, barulah mereka bersurai dan terselamat daripada dipukul.

Apabila perkara ini kita bawa ke dalam masyarakat, orang sering menyalahkan anggota polis tidak bertugas, anggota polis terlalu lembut, anggota polis menggunakan kekerasan - semua kesalahan diletakkan, ditudingkan kesalahan ini kepada pihak yang berkuasa dan sebagainya bila setiap sesuatu berlaku.

Semua perkara ini boleh diselesaikan kalau sekiranya kita memikirkan bahawa penggemblengan semua pihak, menyedari semua pihak, pihak yang terlibat harus mengambil dan menganggap ini sesuatu yang cukup serius, bahawa kalau polis tangkap anak kita terlibat dalam perlumbaan motor haram, kita sebagai pimpinan politik pagi esok ibu bapa dia jumpa kita, tolong jamin anak sekejap, anak saya semalam kena tangkap kerana tidak ada lesen memandu, anak saya kena tangkap kerana mengubahsuai kenderaan, anak saya kena tangkap kerana tujuh kesalahan saman ke atas motosikal berkenaan.

Kita sebagai pemimpin, kita hendak kena telefon polis, tidak, nanti kita kehilangan undi pula. Benda-benda macam ini kita kena fikir. Kita kena laksanakan bersama, penggemblengan seperti yang telah saya katakan tadi sesuatu yang amat penting. Jangan kita hanya pandai mengata, menuding jari kepada orang, tetapi kita tidak bersama-sama mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kawan-kawan Yang Berhormat yang saya sayangi sekalian. Saya pernah terlibat ketika saya menjadi Ketua Pergerakan Pemuda dahulu, perkara ini boleh diselesaikan terutamanya apabila kita membuat pendampingan rapat dengan mereka, gejala sosial ini. Saya pernah berkawan dengan adik-adik yang berumur 13 hingga 15 tahun yang terlibat dengan kumpulan yang bercukur – orang panggil '*skinhead*' dengan izin, sebelah tepi ini tidak ada rambut '*skinhead punk*' apa '*hip hop*' saya tidak faham lah itu, istilah-istilahnya.

Saya bercampur kerana saya melihat sepanjang masa mereka duduk berkumpul beramai-ramai kemudian mereka hamparkan kemudian mereka pasang lagu dan kepala ke bawah kaki ke atas, naik atas. Saya lihat macam mana saya hendak masuk untuk melihat apa sebenarnya yang mereka bukan kata anak orang biasa-biasa, anak cikgu, anak pegawai campur dengan anak petani dan sebagainya. Kenapa sebenarnya benda ini berlaku?

Kita ubah..... memang salah satu tarian yang baik juga, gerakan yang baik untuk kesihatan, tetapi cara dan tempat dia, kita kena bagi tempat. Mungkin Jabatan Belia dan Sukan boleh menyediakan tempat, kita bagi peluang. Sampai waktu-waktu tertentu kalau yang beragama Islam, 6.30 petang kita bagi balik dan akhirnya benda ini berlaku tidak lama. Apabila kita nasihat, kita bercampur, kita adakan jamuan, sesi kaunseling dan sedikit sebanyak kita buat lawatan macam yang disarankan oleh Datuk Dayang Hajah Mahani ke penjara. Saya membuat lawatan ke penjara Alor Setar untuk melihat tempat orang digantung, untuk melihat kesalahan-kesalahan dan kita lihat mereka berubah sedikit demi sedikit dan kumpulan berkenaan dibubarkan dan selepas mereka masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi, mereka terlalu bersopan dan baik sebenarnya.

Benda-benda ini bukan menantikan pihak berkuasa hendak menyelesaikan, hendak tangkap, hendak menanti Jabatan Pendidikan, hendak panggil pihak sekolah iaitu cikgu kaunseling, hendak bagi khidmat kaunseling kepada pelajar-pelajar, kita pun boleh sebagai anggota masyarakat yang menyedari bahawa perkara-perkara ini bukannya dipandang tetapi harus dilibatkan diri bersama-sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada apa yang dibangkitkan oleh Maksud B.42 – Kementerian Kesihatan. Kelmarin di Dewan yang mulia ini, sahabat saya Yang Berhormat Datuk Syed Ali telah membangkitkan soal penjualan minuman keras secara terbuka di premis 24 jam. Saya ingat di Kuala Lumpur yang paling penting sekali. Tetapi di negeri-negeri lain seperti di Perlis tidak ada dijual secara terbuka seperti itu, kerana 7-Eleven hanya menjual minuman-minuman biasa sahaja.

Tetapi di Kuala Lumpur saya memang menyaksikan sendiri ada premis-premis yang menjalankan perniagaan 24 jam ini, menjual minuman keras secara terbuka dan kita lihat peluang inilah yang diambil oleh generasi remaja kita untuk membeli dengan harga yang murah, sebab itulah ada kes-kes yang kita dapati *canned drink* ini dibawa ke sekolah, minum dalam masa belajar dan sebagainya.

Saya ingin menarik perhatian kepada B.41 – Kementerian Pelajaran iaitu sebanyak RM400 juta adalah diperlukan untuk membiayai tambahan perjawatan baru dan penggredan semula jawatan kepada guru yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bagi sekolah rendah dan menengah. Insentif ini amat penting dan kita menyokong sepenuhnya kerana kita lihat jawatan guru ini

setengahnya tidaklah merupakan jawatan yang cukup senang dan setengah-setengahnya bukanlah jawatan yang *glamour* kalau kita bandingkan dengan jawatan-jawatan lain terutamanya kepada adik-adik kita yang baru keluar daripada universiti, yang menjadikan jawatan perguruan ini sebagai *last resort* yang terakhir sebelum mereka mendapat kerja lain seperti Pegawai Tadbir Diplomatik dan sebagainya.

Kita lihat apabila mereka masuk secara terpaksa sudah tentulah minat untuk mereka menyumbangkan khidmat tenaga sepenuhnya mungkin tidak dapat kita laksanakan. Kita melihat dalam hal ini, kementerian seharusnya meneliti perkara ini supaya pegawai-pegawai atau guru-guru yang benar-benar berminat sahaja yang kita serapkan sebagai pegawai pelajaran yang dapat menjalankan suasana pelajaran dan pembelajaran dengan baik di sekolah-sekolah.

Kita lihat langkah ini amat baik kerana insentif yang diberikan untuk kita pastikan bahawa guru-guru lebih bersungguh-sungguh tanpa mengira waktu terutamanya untuk memastikan pelajar-pelajar mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Ini adalah penting kerana kita lihat ada jawatan-jawatan dan kenaikan pangkat atau *promotion* dengan izin yang ada dalam Jabatan Pendidikan ini tidak begitu banyak. Dengan kita memberi insentif dan juga kenaikan elaun-elaun tertentu kepada pegawai-pegawai pendidikan ini, kita berharap bahawa mereka dapat meningkatkan diri mereka sebagai orang yang benar-benar dapat menyumbang sesuatu yang baik dalam mendidik anak bangsa tercinta ini, kerana peruntukan yang besar ini kita lihat bermakna akan memberi kenaikan dan juga insentif kepada guru-guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan menggambarkan kesungguhan yang diberikan oleh pihak kerajaan, bahawa ketiga-tiga subjek ini adalah subjek yang benar-benar penting dalam usaha kita menjadikan negara ini negara maju. Kalau ketiga-tiga subjek ini yang diberi penekanan walaupun di peringkat awalnya, misalnya pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris yang mula kita perkenalkan di peringkat sekolah rendah dahulu mendapat tentangan dan juga komen daripada berbagai-bagai pihak, tetapi kita lihat apabila dilaksanakan ia dapat berjalan dengan lancar. Ini amat baik dalam proses persediaan kita untuk menjadi negara maju, kita sudah menyediakan semua rangkaian, semua prasarana yang cukup hebat memastikan perancangan kita ini berada di landasan yang cukup baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu kita lihat pembinaan dalam usaha kita meningkatkan mutu pelajaran dan pembelajaran ini, dengan pembinaan sekolah-

sekolah dan kita cuba mengecilkan bilangan pelajar dengan pembinaan sekolah-sekolah baru ini termasuk juga kita cuba melaksanakan sekolah satu sesi melalui pembinaan sekolah-sekolah baru ini. Dalam pada itu kita berasa amat sedih di atas dua perkara terutamanya apabila pelaksanaan sekolah-sekolah baru yang setahun atau dua tahun telah disiapkan tetapi ada masalah dengan bangunan berkenaan seperti keretakan dan lain-lain, jadi kita lihat berbagai-bagai pihak telah saling menyalahkan di antara sama lain. Ada *project management consultant* atau PMC disalahkan. JKR disalahkan dan sebagainya.

Begitu juga dengan pembinaan makmal komputer yang menjadi isu di seluruh negara. Ada setengahnya baru sahaja dibina telah runtuh tanpa pengawasan yang sewajarnya daripada pihak berkuasa yang tertentu dan semua ini kita harus tangani sebaik mungkin kerana melibatkan wang rakyat yang kita mesti berhati-hati, dan juga di dalam pengawasan yang cukup sempurna bagi memastikan bahawa setiap bangunan yang kita buat, terutama yang melibatkan sekolah dan juga prasarana di peringkat sekolah dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada Maksud B.24 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya merayulah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada pihak kementerian agar mempertimbangkan kemasukan pelabur-pelabur FDI ini, bukan sahaja ditumpukan kepada negeri-negeri yang telah maju. Ianya biarlah dibahagikan kepada kawasan-kawasan baru yang kita lihat dari segi kesan jangka panjangnya boleh menghasilkan sesuatu yang cukup baik.

Misalnya kita lihat di kawasan utara, di kawasan Segi Tiga IMTGT yang terlibat beberapa negeri di utara dan juga Medan di Indonesia, Sulawesi dan juga Selatan Thailand, yang kita lihat di situ harus dibuat sesuatu kerana dalam masa sekarang pun di banyak negeri misalnya negeri-negeri yang tidak dapat menyediakan pekerja-pekerja bagi pembinaan industri dan sebagainya, kita lihat perkara ini diatasi dengan kita membawa masuk pekerja buruh asing daripada luar negara untuk bekerja di industri berkenaan kerana kesukaran untuk kita menyediakan tenaga kerja yang secukupnya.

Tetapi kalau kita lihat di kawasan utara, kita ada satu kawasan terutamanya di negeri Perlis sendiri dan Kedah. Kita lihat ada kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sempadan, yang kita lihat potensi untuk kita membangunkan kawasan ini adalah lebih baik, kalau kekurangan tenaga sumber dan prasarana hendak dijadikan

alasan, itu bukan alasan lagi kerana kita sudah ada rangkaian lebuhraya sekarang yang cukup hebat, insya-Allah daripada Padang Besar ke Johor Bahru walaupun dahulu pembinaan

Datuk Jins Shamsudin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat bangun memohon laluan.

Datuk Jins Shamsudin: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Silakan.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Dalam B.24 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat berhubung dengan misi perdagangan yang selalu diadakan oleh kementerian ini khususnya Menteri yang selalu keluar untuk mempromosikan barangan Malaysia, tetapi setakat ini belum ada tawaran yang dibuat kepada industri perfileman bagi mengajak mereka yang terlibat dalam penerbitan filem untuk mempromosikannya di luar negara, supaya filem kita juga sekurang-kurangnya dapat kita promosikan di luar negara bagi tujuan memperluaskan lagi *market* perdagangan filem kita di luar negara. Setakat ini belum ada. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin. Pada pandangan saya itu sewajarnya dilakukan kerana kita lihat sekarang ini industri perfileman kita ataupun mungkin FINAS boleh disarankan untuk bersama-sama turut serta dalam rombongan misi perdagangan ini ke luar negara bagi kita mempromosikan barangan Malaysia dan juga menarik penerbit-penerbit luar kemungkinan untuk bersama-sama ataupun *joint venture*, dengan izin dengan penerbit-penerbit tempatan untuk menghasilkan filem-filem yang berkualiti dan cukup hebat. Pada masa sekarang pun kita tidak boleh mempertikaikan Yang Berhormat Datuk, kerana sudah ada filem kita yang walaupun dari segi kutipan tayangannya di pawagam kita agak kurang baik tetapi berkualiti. Tetapi apabila dipertandingkan di peringkat antarabangsa, kita lihat filem-filem berkenaan telah menang anugerah yang cukup hebat.

Dalam hal-hal ini saya menyarankan bahawa filem yang memaparkan jati diri negara ini kita kena memilih filem tertentu Yang Berhormat Datuk, kita tidak boleh pilih semua filem kita kerana setengah-setengah daripada filem kita mungkin tidak memenuhi *international aspects* yang patut kita ketengahkan. Tetapi saya rasa ada

setengah-setengah filem yang memaparkan jati diri negara, saya rasa boleh dibawa bersama-sama. Ini bermakna dalam misi perdagangan ini pihak kementerian boleh mengajak FINAS untuk turut serta dan beberapa karyawan-karyawan dan juga persatuan filem harus dijemput untuk bersama dengan *trade mission* ini, bagi mempromosikan filem negara dan jati diri negara supaya dikenali di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan di kawasan sempadan ini cukup penting kerana dari segi tenaga kerja kita tidak ada masalah, kita boleh membawa masuk tenaga kerja daripada Thailand yang tidak perlu untuk kita menggunakan pas sempadan (*border pass*) ataupun *passport* kepada pekerja-pekerja berkenaan kerana kita boleh membina pagar yang merentasi sempadan dan mereka masuk bekerja dan terus balik ke negara mereka masing-masing.

Langkah ini perlu dibuat dan saya ingat ini adalah yang terbaik, yang boleh menjimatkan daripada kita membawa masuk tenaga-tenaga pekerja daripada luar untuk bekerja di negeri-negeri tertentu. Kita lihat sekarang ini seolah-olah semua sektor yang ada di negara kita tidak boleh berjalan dengan lancar sekiranya tidak mengambil tenaga kerja ataupun buruh asing daripada luar negara termasuk kadang-kadang.....

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hanya sedikit sahaja penjelasan kerana Yang Berhormat menyentuh tentang pekerja asing. Saya percaya semua kita di Malaysia ini, senator-senator, wakil-wakil rakyat dan rakyat keseluruhannya mempunyai keluarga dan anak. Berapa ramaikah rakyat di Malaysia ini mengajar anak-anak mereka untuk bekerja di ladang kelapa sawit, bekerja menyapu jalan, bekerja membuat binaan, berladang, menjadi nelayan dan sebagainya untuk menggantikan pekerja-pekerja asing ini apabila kita menghantar pekerja asing ini pulang. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Karim. Saya bersetuju dengan Datuk Haji Karim dalam hal ini, kerana saya merasakan bahawa tenaga kerja kita tidak kurang, tetapi kesempatan yang digunakan oleh sesetengah pihak untuk mengaut keuntungan, kerana terpaksa membayar gaji yang rendah, mungkin mereka menyetepikan tenaga pekerja tempatan sebaliknya mereka memilih tenaga kerja daripada luar dengan alasan orang-orang tempatan tidak mahu bekerja. Kita mengambil contoh kepada sektor-sektor perladangan, saya rasa di

kampung-kampung anak-anak kita yang terlibat dengan gejala-gejala sosial ini mereka tidak ada pekerjaan sebenarnya. Mereka dibiarkan oleh keluarga bebas tanpa apa-apa kawalan kerana semua perbelanjaan harian sedikit sebanyak diberikan oleh ibu bapa dan ibu bapa sendiri pun tidak bekerja sebaliknya mengaji pekerja-pekerja asing.

Itu yang terlibat dengan ibu bapa, sama ada di FELDA atau FELCRA tetapi yang terlibat dengan pengurusan besar, syarikat-syarikat pembinaan ataupun industri yang memiliki kilang atau sebagainya mereka meletakkan seolah-olah pemilihan pekerja asing sebagai pilihan pertama. Apabila ditanya

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong sebutkan supaya Yang Berhormat dengar dan saya pun boleh dengar.

Tuan Ismail bin Kasim: Silakan.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya ingin bertanya sedikit dan mendapat pandangan daripada Yang Berhormat tentang pekerja daripada luar, pekerja-pekerja Indonesia, pekerja-pekerja dari Bangladesh, Vietnam dan sebagainya. Kita bayangkan sekarang kalau pekerja-pekerja ini sudah tidak ada di Malaysia lagi, gaji yang kita hendak bayar kepada pekerja-pekerja kita sendiri mungkin lebih tinggi daripada gaji-gaji yang kita hendak bayar kepada pekerja-pekerja asing. Sekiranya ini berlaku mungkin juga kilang-kilang yang ada dalam negara kita akan berpindah ke negara-negara lain seperti China dan sebagainya di mana gaji lebih murah. Jadi, adakah perlu kita hantar kesemua pekerja ini balik dan gunakan pekerja-pekerja kita dengan gaji yang lebih dan kita akan hilang kilang-kilang yang ada di negara kita kerana berpindah ke negara-negara lain.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Yang Berhormat. Kita campurlah, setengah-setengahlah. Sebab saya tengok sesetengah kilang mengambil semua pekerja asing, kita bercampur dan kita sedar kadang-kadang di peringkat industri ini pun ada masalah dan kadang-kadang pekerja-pekerja tempatan ini dia merasa lebih *complacent*, dengan izin. Dia merasa kalau dia bekerja pun tidak mengapa, kalau tidak bekerja pun tidak mengapa kerana mereka masih meletakkan pergantungan – kerana budaya tongkat yang amat dikesali oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya kita dapat hilangkan budaya ini, supaya menjadi benar-benar berdikari.

Saya rasa kalau dibagi dalam kadar yang biasa, seperti mana yang dinikmati oleh pekerja-pekerja asing pun tidak ada masalah kerana tidak ada pekerjaan memang

tidak ada pendapatan. Jadi, dalam hal ini biarlah pihak industri kita bercampur-campur, ambil setengah pekerja asing dan setengah pekerja tempatan, saya ingat itu mekanisme yang terbaik dalam mengatasi masalah ini. Sebab kalau kita mengambil semua pekerja asing kita akan terlibat dengan kadar pengangguran.

Sekarang ini kita melihat ramai siswazah yang tamat belajar, sesetengah daripada mereka seolah-olahnya terpinga-pinga. Apabila mereka memohon jawatan kerajaan mereka tidak dapat, mereka memohon jawatan di kilang-kilang mereka tidak dapat, tetapi mereka tidak memikirkan dengan kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh kerajaan mereka boleh melibatkan diri dalam sektor perladangan, sektor pertanian, atau sektor pembinaan. Kita melihat ada di kalangan siswazah yang melibatkan diri dalam perniagaan ini dan terbukti mereka berjaya, walaupun mereka tidak bermula dengan bekerja di jabatan-jabatan kerajaan ataupun di sektor swasta dan sebagainya.

Jadi perkara ini kadang-kadang, kita pun melihat pihak kementerian tidak memberi penjelasan yang sejelas-jelasnya termasuk media massa. Media massa pun kena melihat perkara ini, janganlah kalau isu Datuk Sharifah Aini yang menjadi *front page* yang dibesar-besarkan. Biar perkara-perkara yang boleh memberi penjelasan. Cerita tentang tabung Prosper, tabung makanan atau apa-apa tabung yang ada ini, yang boleh memberi kemudahan, yang melibatkan para siswazah ini kita dedahkan kepada mereka. Insya-Allah, dengan bimbingan dan laluan yang kita tunjuk dan beri – di kalangan pemimpin pun kita kena tunjuk juga. Tidak kira pembangkang atau kerajaan kita kena bila datang pelajar-pelajar ini berjumpa dengan kita, cuba kita tunjuk jalan – *show the way*, orang putih kata, dengan izin, kepada mereka.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: 'Yang Berhormat', saya mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di Pertua, pohon laluan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Oh, *sorry*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat bercakap lebih lanjut tentang permasalahan pekerja-pekerja ini, saya ingin menarik semula apa yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat

sebentar tadi khasnya berkenaan dengan negeri di negara kita yang berjiran dengan Thailand.

Tuan Ismail bin Kasim: *Delay action*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sudah terlepas tajuknya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah beri laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya beri laluan tetapi tajuk yang saya cakapkan sekarang adalah tajuk lain.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat selesaikan dahulu, kemudian baru Yang Berhormat buat keputusan.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Negeri yang berjiran dengan Thailand, yang mana Yang Berhormat tadi menyatakan bahawa kurangnya pelabur di negeri berkenaan sedangkan kita banyak kemudahan yang boleh kita dapati di negeri-negeri berkenaan. Saya ingin tahu, adakah ini kelemahan kementerian ataupun kelemahan kerajaan negeri itu sendiri yang kurang mengikut misi kerajaan untuk mencari pelabur.

Ini yang saya hendak tahu kerana tadi apabila saya hendak bangun bercakap, saya tengok ramai yang menyentuh tentang pekerja asing dan ia juga macam yang kita fikir, seperti Yang Berhormat katakan tadi bahawa di negeri Yang Berhormat sendiri – senang cakaplah, di negeri Perlis yang berjiran dengan Thailand dan kalau banyak kilang dan pelabur-pelabur di situ maknanya kemudahan itu ada, orang Thailand boleh datang, pergi dan balik setiap hari. Jadi, kita hendak tahu, adakah ini berpunca daripada mana. Kalau ini adalah kesilapan daripada kementerian, kita tidak tahu dan kalau kesilapan daripada kerajaan negeri mungkin kerajaan negeri tidak berminat untuk mencari pelabur dan mengikut misi yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, sekarang Yang Berhormat boleh pilih, hendak jawab – jawab. Tidak mahu jawab pindah ke tajuk lain....

Tuan Ismail bin Kasim: Saya ini Tuan Yang di-Pertua, pantang dicabar. Saya tetap akan menjawab. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih-lebih lagi apabila dicabar oleh wanita, ya?

Tuan Ismail bin Kasim: Ya, wanita. Saya tidak rela sama sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini disebut dalam ungkapan Inggeris, "*Male chauvinist*"

Tuan Ismail bin Kasim: [*Ketawa*] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya merasakan dalam hal ini bukan negeri tidak berminat, tetapi saya ingin membangkitkan di beberapa negeri yang boleh dikatakan telah hampir-hampir mencapai sasaran negeri maju contohnya Selangor, Johor dan Negeri Sembilan.

Dari segi geografinya ini sudah dekat, kalau Selangor berada di Perlis ia tidak akan menjadi seperti sekarang – nilai tanah, hartanah dan sebagainya. Kalau Johor itu tidak berdekatan dengan Singapura ia tidak menjadi seperti Johor sekarang. Dalam hal ini, kita harus mengambil kira banyak perkara. Dari segi prasarana kita tidak kurang hebatnya. *Trade mission* pun kita ikut, tetapi semasa pelabur datang pada masa itu tidak ada lebuh raya, mereka kata tidak ada lebuh raya.

Jadi, saya beralih ke Kedah. Pada masa itu oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berasal daripada Kedah, jadi ia tidak ada masalah, susah payah pun dia kena melabur juga di Kedah sebab itu adalah negeri Perdana Menteri pada masa itu.

Kadang-kadang negeri-negeri yang berada sekarang seperti Pulau Pinang, faktor geografi dan dengan sedikit bertuahinya, kerana keadaan mereka sudah begitu iaitu sejak kolonial lagi mereka sudah maju kerana dimajukan oleh kolonial dan sekarang ini cuma lebih kurang *touch-up* kata orang putih (bahasa Inggeris), dengan izin, tidak ada masalah. Tetapi negeri-negeri yang saya maksudkan – saya bukan hendak kata Yang Berhormat Menteri membangkitkan soal pelabur tidak pergi ke Pantai Timur seperti yang dibangkitkan oleh Puan Siti Zailah kelmarin, itu juga merupakan persoalan – saya bercakap ini semua negeri yang tertinggal! Perlis itu sebagai contoh kerana kebetulan saya berasal daripada Perlis, contoh sahaja.

Jadi, saya rasa Yang Berhormat tidak mengikuti perbincangan saya, maka Yang Berhormat ketinggalan sedikit kereta api. Tetapi tidak mengapa, saya bawa gerabak itu ke hadapan untuk memastikan bahawa Yang Berhormat benar-benar faham situasi ini. Boleh dikatakan kementerian salah sedikit dan negeri pun salah sedikit, sama-sama bersalah.

Sebenarnya tidak boleh menuding jari bahawa kementerian sahaja yang bersalah tetapi saya merayu, ayat saya yang pertama ini kepada Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan *kot-kot ada*, orang Perlis kata, tempias-tempias yang negeri lain tidak mahu itu bawak *mai kat* Perlis, itu sahaja. Bahasa saya cukup baik

dan berhemah, bukan saya berkata kepada kementerian ini, “Ha, *bak mai* sini. Pasal apa tidak ada benda ini”, tidak, tetapi saya menggunakan “*kot-kot* ada” Tetapi yang kita cari sendiri, kita cari sendirilah. Cuma kita hendak bagi banyak, bukan kita tamak tetapi kita hendak mempercepatkan pembangunan sama ataupun kita dapat berlari sama dengan kemajuan yang dicapai oleh negeri-negeri yang lain dalam negara kita ini. Jadi, Yang Berhormat dapat perkara ini, ya? Lebih kurangnya...

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Jadi, saya berharap perkara-perkara ini dipertimbangkanlah bagi menolong negeri-negeri yang kurang mendapat pelaburan ini supaya pihak kementerian juga menolong mempromosi ataupun membawa kalau sekiranya ada pelabur-pelabur asing yang ingin melabur dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik kepada B.31 iaitu Kementerian Pelancongan. Dari segi tarikan pelancong-pelancong asing, kita pada satu masa dahulu dan juga kita sedikit bertuah disebabkan oleh berlakunya peristiwa *black September* dahulu, kita mendapat pelancong yang hebat selain daripada promosi-promosi yang dibuat oleh pihak kementerian kepada negeri-negeri yang kadang-kadang pelancong tidak kenal pun Kuala Lumpur, tetapi sekarang sudah mula mengenali Kuala Lumpur. Cuma ia perlu diperhebatkan. Contohnya negeri-negeri di sebelah Eropah Timur dan di Finland dan sebagainya. Kita harus meletakkan seorang pegawai. Sekarang ini kita lihat di negara-negara Scandinavia, Denmark, Sweden, Finland dan sebagainya hanya ada seorang pegawai penggalakan pelancongan untuk mewakili 3, 4 negara. Tetapi sewajarnya lah hal ini kita patut letak seorang di sebuah negara kerana kita lihat pelancong-pelancong asing kali pertama mereka datang mereka akan mengulanginya untuk beberapa kali lagi kerana tertarik dengan keadaan kita.

Cuma dari segi promosinya harus diperhebatkan, harus kita memberi penerangan, harus kita memaparkan dan bekerjasama dengan agensi-agensi pelancongan di negara berkenaan. Kita lihat apabila negara Thai, yang kita lihat jiran kita di segi pelancongannya memang cukup hebat, mereka telah mengatasi kita dalam segala hal. Tetapi pelancong sekarang, mereka bukan memikirkan faktor-faktor yang negatif sahaja tetapi yang positif, yang melibatkan segala keindahan alam, segala yang ada di dalam negara kita ini, dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk menarik perhatian pelancong-pelancong daripada negara-negara yang saya sebutkan tadi dan juga

seperti Portugal, Sepanyol dan sebagainya perlu ada seorang pegawai galakan pelancongan khusus untuk negara berkenaan. Kita lihat promosi dibuat dengan bersungguh-sungguh sudah ada pakej-pakej lawatan yang cukup hebat dan sekarang ini pun walaupun setengah-setengah negara bukan merupakan bukan musim cuti sekolah, tetapi kebanyakan hotel-hotel lima bintang di Kuala Lumpur misalnya di ibu negara kita pun susah hendak mencari bilik kerana semuanya diisi oleh pelancong-pelancong asing walaupun sepatutnya bulan Disember ini bukan bulan lawatan. Ini menunjukkan bahawa ini sudah berada dalam tahap yang membanggakan hasil kerja keras yang dibuat oleh pihak kementerian, cuma ianya perlu diperhebatkan lagi di negara-negara lain seperti Amerika Latin dan sebagainya, supaya memastikan bahawa kita menjadi negara pelancongan seperti mana yang berlaku di negara-negara jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya ingin melihat kepada maksud B.15 - Kementerian Luar Negeri tambahan sebanyak RM3.8 juta adalah diperlukan untuk membiayai sumbangan Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Sudan untuk membiayai Mesyuarat Menteri-menteri Luar Pertubuhan Negara-negara Islam. Ramai kawan-kawan saya Ahli-ahli Yang Berhormat, mempertikaikan sedikit bantuan ini tetapi kita kena ingat pelaburan kita di Sudan banyak, yang Sudan beri kepada syarikat-syarikat negara kita. Jadi itu merupakan sedikit sahaja sumbangan yang kita berikan terutamanya ini juga melibatkan kita sebagai Pengerusi OIC, hendak jadi Pengerusi ini kita kena tunjuk sedikit hebat, jangan tunjuk kita lekeh. Macam kita jadi Pengerusi ataupun Ketua Bahagianlah, Ketua Bahagian tidak ada duit siapa hendak pangkah kita? Mungkin satu penggal sahaja. Lain kali orang tidak akan mengundilah. Jadi, bukan kita hendak tunjuk kita hebat tetapi kebetulan ada sedikit *interest* kita, kepentingan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mengaitkan Sudan dengan sebagai Ketua Bahagian, seolah-olah membayangkan ada betulnya tuduhan politik wang. Adakah ini betul atau tidak?

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah keluar tajuk.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan, maksudnya kaitan Sudan, saya ingat

Tuan Ismail bin Kasim: Kaitan, ya kaitan. Tetapi sebab Yang Berhormat Datuk Haji Karim datang dari jauh, nun di sana, negeri di bawah bayu.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Yang Berhormat telah memperkatakan kalau hendak jadi Ketua Bahagian UMNO perlu kaya, sebab itulah dibangkitkan persoalan itu.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya tidak mengatakan kaya, tetapi ada duit.

Tuan Yang di-Pertua: Perlu ada duit, ya.

Tuan Ismail bin Kasim: Perlu ada duit, contohnya ada duit ni biarlah macam Yang Berhormat Puan Siti kata kelmarin kita mengikut saluran yang berhemah, bukan mengambil duit dengan saluran yang tidak menurut lunas undang-undang. Jadi Ketua Bahagian banyak yang buat perniagaan sehingga berjaya, semua ini kerana mereka akan belanjakan balik untuk rakyat. Bukan sahaja kepada penyokong-penyokong Barisan Nasional sahaja, tetapi penyokong parti mana pun yang datang berjumpa kita memberi perkhidmatan.

Jadi sebab ini tidak timbul dalam hal ini, soal penggunaan wang ini, memang kena guna, hendak bergerak, hendak datang ke Parlimen pun kena wang. Soalnya penyalahgunaan Yang Berhormat Datuk Haji Karim, penyalahgunaan politik wang selalu orang katakan, tetapi kita kena ingat dalam hal ini terlalu subjektif untuk diperbincangkan.

Saya hendak katakan di sini, kalau kita bagi bantuan kepada anak-anak yang ingin belajar ke universiti, itu bermakna kita kena mengeluarkan wang. Adakah ia dikira sebagai politik wang? Itu pun hendak dikira, katalah dalam hati kemungkinan sebagai Ketua Bahagian kita juga menganggap bahawa pertolongan kita itu akan mendapat undi daripada keluarganya ataupun ahli-ahli keluarga yang boleh mengundi. Jadi, benda ini terlalu subjektif. Kalau hendak dibangkitkan hanya satu topik sahaja tuduhan ianya tidak benar, sedangkan saya katakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Presiden UMNO pun pening kepala, tambah lagi kita di peringkat 'cokia' ini orang Perlis kata, Tuan Yang di-Pertua tahu apa dia makna 'cokia', maknanya kita ini di peringkat *level* yang paling rendahlah, pun kita pening kepala.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin 'cokia' itu berasal dari perkataan Cina 'cauka'.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya tak faham cakap Mandarin atau Hokkien, Tuan Yang di-Pertua. Rakan-rakan saya mungkin boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Kaki busuk.

Tuan Ismail bin Kasim: Ha! Kaki busuk, lebih kurang macam itulah tetapi ini bukan yang berkaki busuk, kita ini di peringkat rendahlah pun kita pening tentang masalah ini. Pada pandangan saya

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Tuan Ismail bin Kasim: Ya, sila Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim. Saya tertarik tentang isu politik wang daripada kenyataan Yang Berhormat tadi seolah-olah perkara itu maknanya tidak berlaku, tetapi perkara ini sebenarnya memang rata-rata rakyat sudah tahu. Dan saya mendapat maklumat daripada orang UMNO sendiri dan saya ada bukti. Saya hendak mengetengahkan adakah perkara ini benar, dia kata kalau hendak merebut Ketua Cawangan sekurang-kurangnya RM2,000. Ini ada yang terpaksa membelanjakan wang sampai RM2,000 untuk merebut Ketua Cawangan. Untuk menjadi Ahli Jawatankuasa Bahagian sekurang-kurangnya RM5,000 hingga RM10,000. Untuk mendapat Ketua Bahagian ada yang terpaksa membelanjakan sampai RM50,000 dan ada yang RM30,000. Adakah perkara ini berlaku di semua negeri saya tidak tahu, tetapi perkara ini didakwa oleh orang yang menjadi pimpinan dalam UMNO itu sendiri. Jadi saya hendak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat menjawab, mungkin perkara ini adalah di antara guna dan salah guna, seperti mana dadah diguna dalam perubatan dan disalah guna dalam penagihan. Begitu juga dengan wang, guna wang dan salah guna, mas kahwin pun perlu wang. Itu guna. Beli undi salah guna. Mungkin itu sahaja perbezaannya di antara guna dan salah guna. Bukannya satu perkara mutlak tetapi sesuatu yang relatif. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya sangat bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Memang politik wang ini soalnya guna dan salah guna. Memang sebenarnya perkara ini berlaku. Tetapi persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.....

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi saya perlu sebut tentang mas kahwin. Kalau tidak ada mas kahwin tidak boleh bernikahlah. *[Ketawa]* Sila.

Tuan Ismail bin Kasim: Kalau ianya berlaku dengan tidak salah guna, maka ianya memang berada di landasan yang betul, saya sangat-sangat bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti saya tidak menafikan tetapi Yang Berhormat Puan Siti fikirkanlah, mungkin berlaku

perkara ini satu, dua, macam mana yang berlaku gejala sosial, kalau anak dalam kampung kita terlibat seorang daripada anak kawan-kawan kita termengandung contohnya. Termengandung ini Yang Berhormat Puan Siti fahamlah, saya tidak payah *explain*, tidak payah beri penjelasan. Termengandung - takkan semua anak-anak kawan yang terlibat dalam gejala yang sama. Ini bermakna katakan ianya mungkin berlaku di Kelantan, takkan berlaku di semua cawangan di Kelantan. Takkan berlaku kalau bahagian itu berebut jawatan Ketua Cawangan tadi - RM2,000, hendak merebut AJK - RM5,000 ke RM10,000 takkan berlaku di semua bahagian.

Yang Berhormat Puan Siti, yang ini saya berani bersumpah dengan nama Allah, kalau di bahagian saya, di negeri saya, saya tidak tahulah di bahagian lain, tetapi di bahagian saya ia tidak berlaku. Hendak berlaku, hendak mencari Ketua Cawangan pun payah hendak bagi jadi ketua kerana masing-masing bukan mahu, banyak yang tidak mahu, jadi kebarangkalianlah, ianya berlaku tidak dapat dinafikan, mungkin ada, tetapi pada saya ianya tidak di semua cawangan, tidak di semua tempat dan tidak di semuanya. Jadi, kadang-kadang jarang-jarang, macam P. Ramlee kata cerita, kira orang kahwin satu dua tiga empat dalam filem Nujum Pak Belakang, macam filem itulah, kahwin satu kadang-kadang, jarang-jarang apakah macam itu?

Jadi, benda-benda ini tidak dinafikan berlaku tetapi tidak pada semua keadaan. Tetapi pada saya UMNO tidak memandang perkara ini sebagai sesuatu yang remeh, kita cukup telus sebab itu perbincangan mengenai politik wang yang dibuat oleh UMNO ini dibincang....

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap Yang Berhormat, bolehkah saya ganggu sebentar?

Tuan Ismail bin Kasim: Silakan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam politik pun boleh guna wang dan boleh salah guna wang. Bagi RM2,000 kepada pesakit untuk menjalankan pembedahan guna wang oleh orang politik tetapi kalau bagi RM2,000 kepada wakil perwakilan untuk dapatkan undi itu salah guna wang. Kalau orang politik yang sama bagi kepada seorang pesakit dengan jumlah wang yang sama bukan politik wang, kalau salah guna, jadi politik wang padahal orang sama, jumlah duit sama, soalnya guna dan salah guna.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tengok di Amerika Syarikat dalam pilihan raya Bush dengan Kerry baru-baru ini. Kita lihat ini

disiarkan dengan cara terbuka, dalam perkara ini di Amerika digunakan, tetapi saya hendak berbalik kepada UMNO tak jadi bawa cerita tentang Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya UMNO ini, dia dahulu tidak ada masalah. PAS pun lahir daripada UMNO. Itu Yang Berhormat Puan Siti sedia maklum dari segi sejarahnya, lahir daripada sebab Tuan Haji Ahmad Fuad adalah Ahli UMNO sebelum ia menubuhkan PAS. Apabila di peringkat permulaan, ketika kita berjuang bermati-matian untuk menuntut kemerdekaan, maka pada masa itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak ganggu sekali lagi, mohon. Apabila Tunku Abdul Rahman habiskan harta benda, adakah Tunku Abdul Rahman mengamalkan politik wang ataupun Tunku Abdul Rahman merupakan pejuang bangsa? Tunku Abdul Rahman memang menghabiskan wang dan harta benda peribadi, adakah itu boleh dikatakan politik wang? Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: *Means whoever*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Perjuangan pada masa dahulu *means whoever*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya itu amat tepat sekali. Perjuangan di masa dahulu perjuangan yang lebih bersifat *survival*. *Survival* untuk mendapat kemerdekaan dan *survival* untuk kita bebas dari belenggu penjajahan. Apabila organisasi ini bertambah besar dan kadang-kadang ia menarik minat ramai orang macam contohnya kita mempunyai anak gadis yang cantik, cantiknya macam mana ratu cantiklah. Bila anak gadis kita ini cantik, ramai orang minat, kadang-kadang orang yang minat itu pun orang yang memang anak kita tidak berkenaan pun, macam saya tidak berapa *handsome* mungkin dia tidak hendak ataupun macam Tuan Yang di-Pertua *handsome* mungkin ia berminat dengan Tuan Yang di-Pertua, contohnya macam itulah.

Tuan Yang di-Pertua: Bukankah saya sudah beri masa cukup lama kepada Yang Berhormat. Hendak apa lagi? *[Ketawa]*

Tuan Ismail bin Kasim: Sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan. Jadi, ia menjadi tarikan dan kegilaan ramai orang. Jadi apabila orang nampak organisasi ini seolah-olah macam lombong emas, berpusu-pusulah yang masuk, yang ikhlas dan tidak ikhlas, yang macam-macam, yang buta, yang pekak, semuanya datang masuk dalam organisasi ini dan jadilah ia, tetapi sebagai organisasi yang mempunyai sistem pengurusan yang cukup kukuh, sistem pengurusan yang cukup mantap, kita tidak ada masalah dan kita melihat perkara ini, walaupun gejala ini

pada orang lain cukup besar tetapi kita lihat gejala ini diselesaikan secara *transparent*, secara terbuka oleh masyarakat dan orang luar, penduduk-penduduk negara Malaysia khususnya membuat penilaian bahawa parti yang mendominasi kerajaan sekarang ini adalah parti yang boleh dibincang secara terbuka, termasuklah Yang Berhormat Puan Siti sendiri yang boleh bincang dengan terbuka di Dewan yang mulia ini .

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah lama dah, saya dengan rendah diri,

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: Oh, ada yang pohon laluan. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Dengan penghuraian yang dibuat oleh Yang Berhormat tentang politik wang itu, bolehkah kita simpulkan sekarang ini bahawa di dalam PAS juga berlaku politik wang?

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Jawabnya di mana sahaja guna pun ada, salah guna pun adalah. *[Ketawa]*

Tuan Ismail bin Kasim: Semua pun adalah. Yang Berhormat Puan Siti tidak payah nafikanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Orang kampung cakap, dua kali lima, lima kali dua.

Tuan Ismail bin Kasim: Sama sahaja. Saya tidak nafikan kalau saya pun ada bukti perkara ini tetapi saya tidak mahu cakap hal orang kerana perangai saya ini satu, orang boleh kata pada saya, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tidak mahu kata hal orang. Tetapi kalau perlu kita berbincang di luar dengan Yang Berhormat Puan Siti, saya boleh jelaskan siapa yang terlibat juga dalam perkara ini, termasuk bagi beg sekolah ketika hampir dengan pilihan raya baru balik, beg sekolah, baju sekolah, wang dan kadang-kadang bagi ikan selama seminggu atau dua minggu kepada orang itu, memang benar, itu wang jugalah, penggunaan wang, mungkin dengan niat untuk mendapatkan undi dan sebagainya. Tetapi biarlah yang itu, Yang Berhormat. Dr. Haji Mohd. Puad, yang itu kita bincang di lain kali. Saya rasa semua berlaku, di mana-mana berlaku, salah guna seperti yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, tetapi biarlah perkara ini kita tangani dengan bijaksana dan kita serah kepada pimpinan yang telah kita beri mandat untuk menyelesaikan masalah ini.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang seluas-luasnya kepada saya, macam Tuan Yang di-Pertua kata tadi: "Tak payah *jack* sayalah, saya sudah beri masa dah," dia kata, untuk membahaskan dengan seluas-luasnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2004. Saya menyokong dengan sepenuh hati. Terima kasih. *Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, kalau tidak Menteri kena bangun. Silakan Yang Berhormat Tuan Chiam Yong Tee.

3.47 ptg.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya menyertai perbahasan untuk meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.04 – Suruhanjaya Pilihan Raya yang memohon peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta untuk membiayai perbelanjaan Pilihan Raya Umum Ke Sebelas dan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah Ke Sepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa SPR sebelum ini telah memberi perkhidmatan dan juga keputusan yang begitu cemerlang sekali untuk mengendalikan pilihan raya untuk negara kita pada masa-masa dulu tetapi juga tidak dapat dinafikan bahawa pada kali ini, dalam pilihan raya tahun ini telah berlaku sedikit kecacatan yang perlu diambil tindakan dan juga perhatian yang penuh.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan ialah terdapat kesilapan pada Daftar Pemilih di merata tempat termasuklah di kawasan saya sendiri, di mana ada juga pemilih-pemilih yang dahulunya berdaftar untuk kawasan saya, tetapi untuk kali ini didaftarkan di stesen yang lain, di negeri yang lain pula, tanpa pengetahuan mereka sendiri. Oleh itu saya mintalah pihak yang berkenaan agar menyemak semula Daftar Pemilih supaya kesilapan yang seumpama ini tidak akan berlaku lagi.

Saya juga ingin mencadangkan juga, jika boleh SPR memproseskan semula Daftar Pemilih itu supaya pemilih-pemilih yang tidak ada, yang sudah meninggal, yang sudah berpindah ke tempat lain, dapat dikeluarkan daripada Daftar Pemilih untuk kawasan-kawasan yang berkenaan. Satu cara untuk menguruskan perkara ini ialah sama ada SPR dapat mewajibkan pengundi itu membuang undi di tempat yang

didaftarkan dalam kad pengenalan. Jika kita boleh berbuat demikian, maka banyak masalah dan juga pergaduhan dapat dielakkan. Jadi saya minta pihak kerajaan mengkaji cadangan saya supaya pada masa depan kita adakan satu Daftar Pemilih yang sempurna, yang bebas daripada kecacatan.

Saya juga dapati SPR dalam pilihan raya yang telah berlangsung itu mengikuti prosedur ataupun amalan yang berbeza-beza di antara satu tempat dengan tempat yang lain. Di satu tempat stesen membuang undi yang saya hadiri, mereka membenarkan 'pondok panas' dibina berhampiran dengan stesen pembuangan undi, yang memang dari segi prosedurnya adalah salah. Jadi, amalan-amalan yang tidak betul ini juga perlulah dielakkan pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud B.07 – Jabatan Perkhidmatan Awam yang memohon peruntukan tambahan sebanyak RM156,750,000 untuk menampung kos tajaan pelajar-pelajar Jabatan Perkhidmatan Awam dalam dan luar negeri. Saya ingin sentuh tentang satu projek yang pernah diambil oleh kerajaan iaitu projek "*brain-drain*", di mana pihak kerajaan ingin memberi tawaran kepada pakar-pakar dalam bidang-bidang yang tertentu untuk balik ke negara kita dan berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Daripada apa yang saya dengar, ada berpuluh-puluh orang pakar dari luar negeri balik ataupun datang ke negara kita untuk memberi perkhidmatan dalam perkhidmatan am, akan tetapi saya dengar juga beberapa tahun selepas itu mereka semuanya berhenti dan balik ke negara asal. Jadi, apakah sebabnya? Adakah kerana kita tidak dapat menawarkan gaji ataupun elaun yang cukup untuk mereka ataupun keadaan perkhidmatan di negara kita itu ada kekurangannya, ada kelemahannya sehingga mereka tidak mahu tetap berkhidmat di negara kita? Jadi jawapan seumpama ini perlulah kementerian yang berkenaan memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Maksud B.15 – Kementerian Luar Negeri yang memohon tambahan sebanyak RM3,800,000 untuk membiayai sumbangan Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Sudan, untuk membiayai Mesyuarat Menteri-menteri Luar Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) tahun 2002.

Kita memang bernasib baik kerana berada di sebuah rantau, sebuah negara yang bebas dari bencana alam dan juga bebas daripada bencana kemanusiaan. Kita amatlah bertuah tetapi di banyak negara yang lain mereka tidak bernasib baik seperti kita, jadi perlulah menghulurkan bantuan kepada mereka. Oleh itu saya bersetuju

sepenuhnya bahawa perlulah kita memberi bantuan kepada negara-negara yang memerlukannya.

Baru sebentar tadi saya juga ada terima satu usul dalam Dewan ini untuk menyokong perjuangan orang-orang Palestin. Dalam konteks ini saya juga minta kerajaan kita menimbang apa benda, apakah bentuknya bantuan yang dapat kita beri kepada rakyat Palestin untuk mendirikan negara mereka, sama ada bantuan itu berbentuk kebendaan ataupun sokongan moral tetapi memanglah menjadi tanggungjawab kita sebagai ahli keluarga dunia untuk memberi bantuan di mana yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membahaskan bagi Maksud B.43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang memohon peruntukan tambahan sebanyak \$M156,830,000 untuk pelbagai perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang terpaksa saya bawa ke Dewan yang mulia ini, iaitu sampai sekarang masih ada lagi kes-kes lama yang tertunggak, yang tergantung, yang masih belum diselesaikan di Pejabat Tanah. Jadi, kes-kes yang lama ini sudah berlanjutan berpuluh-puluh tahun, tetapi masih lagi belum diselesaikan.

Dalam satu kes yang pernah saya memberi bantuan, tuan punya tapak rumah yang tertentu itu sudah bayar premiumnya tetapi bukan pada tempoh yang ditetapkan. Ini telah menimbulkan sedikit masalah teknikal dan mengikut prosedur peruntukan, Pejabat Tanah telah mengemukakan fail orang ini kepada PTG Negeri, tetapi bila saya buat siasatan, saya dapati fail itu tidak disimpan di Pejabat Tanah dan tidak juga berada di PTG. Jadi ke manakah pergi fail itu? Kedua-dua pihak pun tidak memberikan jawapan yang tepat.

Oleh itu sama ada pejabat tanah itu gagal menghantar fail ke PTG ataupun pihak PTG selepas menerima fail yang dihantar oleh pejabat tanah itu, tidak merekodkan dan juga tidak menyimpan fail tersebut dengan sempurna. Jadi, kes-kes yang tertunggak ini patutlah diberi satu penyelesaian selepas satu tempoh yang begitu lama. Jadi, saya minta kementerian yang berkenaan memberi perhatian yang penuh dan serius supaya kes-kes lama yang berpuluh-puluh tahun lamanya dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik tadi dengan perbahasan yang disampaikan tadi oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail tentang Maksud B.50 -

Kementerian Pertahanan yang memohon tambahan sebanyak RM250 ribu untuk membiayai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Tuan Yang di-Pertua: RM250 juta.

Tuan Chiam Yong Tee: Ya, RM250 juta. Tuan Yang di-Pertua, memang program ini pada mulanya saya dengar, banyak yang mempertikaikannya dan program yang begitu besar yang melibatkan beribu-ribu peserta yang dipilih secara rawak tanpa mengetahui latar belakang peserta-peserta yang berkenaan itu, memang adalah satu perkara yang rumit dan susah tetapi tahniah kepada Kementerian Pertahanan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi, saya ada menyentuh tentang Program Latihan Khidmat Negara. Jadi ia satu program yang begitu besar, yang melibatkan peserta-peserta yang beribu-ribu dan juga tenaga pengajar yang begitu ramai. Jadi, ini saya nampak, walaupun pada mulanya ada sedikit sebanyak kelemahan di sana sini, itu tidak dapat dielakkan tetapi pada keseluruhannya, program ini berjalan dengan begitu baik dan kita perlulah memberi pujian kepada pihak yang mengendalikannya.

Saya sendiri menerima *feedback* daripada beberapa orang peserta yang pernah menyertai program tersebut, bahawa pengalaman mereka, apa yang mereka belajar dalam program ini, dalam kem itu adalah sangat bernilai. Jadi, pada pandangan saya, program ini patutlah diteruskan dan ada satu aspek yang perlu kita tarik perhatian kepada pihak yang berkenaan iaitu masih ada sebilangan yang tidak menyertainya. Walaupun terpilih mereka tidak menyertai program itu dan sampai sekarang, saya masih belum nampak ada apa-apa tindakan yang keras atau yang sewajarnya diambil terhadap mereka. Jadi saya minta sekali lagi pihak yang berkenaan mempertimbangkan, mengambil tindakan yang sewajarnya, tindakan yang patut diambil terhadap mereka yang gagal menyertai Program Latihan Khidmat Negara tanpa sebarang alasan. Jadi, supaya *confident* orang ramai terhadap program ini tidak akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.70 - Kementerian Pengajian Tinggi yang memohon tambahan sebanyak RM3,790 ribu untuk membiayai bayaran emolumen perkhidmatan, bekalan serta aset bagi program pengurusan. Jadi,

untuk Kementerian Pengajian Tinggi, sampai sekarang masih tidak berhenti daripada *sponsor* ataupun hantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri untuk pengajian tinggi. Jadi, ini melibatkan tanggungan kepada kerajaan yang sangat berat. Padahal sekiranya kita boleh sediakan tempat untuk kursus *graduate* ataupun *post graduate* di negara kita sendiri, banyaklah wang kerajaan dapat dijimatkan. Kenapa kita tidak cuba kerjakan supaya kita hanya hantar mereka untuk *post graduate* ke luar negeri sekiranya tempat ataupun kemudahan yang seumpama ini tidak ada di negara kita.

Jadi, ini dapat menjimatkan kerajaan daripada tanggungan yang berat dan kadang-kadang pula mereka yang tamat pelajaran dari luar negeri itu, balik ke negara kita tetapi dalam bidang yang mereka belajar itu, tidak dapat mencari kerja di negara kita sendiri. Jadi, ini perlulah kita kaji supaya mengelakkan perbelanjaan yang tinggi dan juga membazirkan.

Jadi, sekian, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Tan Bon You.

4.08 ptg.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyertai perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-Undang D.R. 17/2004 – Akta Perbekalan Tambahan 2004. Sebagai seorang penggubal dasar ataupun pendapat yang saya sebutkan pada hari ini, mungkin dijadikan dasar adalah tanggungjawabnya untuk menyuarakan sedikit berkenaan dengan permohonan tambahan ini.

Sebelum saya pergi ke Maksud yang saya hendak bahaskan, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak yang tidak dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengikut kepakaran ataupun *profesionalisme* dalam bidang masing-masing tetapi saya memilih untuk menyentuh berkenaan dengan Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan yang bertajuk – Perkhidmatan dan Perbendaharaan.

Sebelum saya pergi ke situ, soalan tambahan semalam yang saya kemukakan pada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Sebenarnya bila Tuan Yang di-Pertua izinkan saya, saya jadi gelabah kerana saya orang baru tetapi maksud saya yang saya hendak sampaikan kepada kementerian itu sebenarnya, apa yang saya maksudkan itu di taman yang merangkumi seluas tiga ribu ekar yang di Lembah Kelang ataupun

kedudukannya di Kelang berhampiran dengan Pusat ICT iaitu Putrajaya dan Multimedia Super Corridor (MSC), dengan izin, iaitu Cyberjaya.

Sebenarnya, taman perumahan itu sebelum ini adalah estet tetapi di dalam estet ini diduduki oleh pekerja estet yang selama ini bertalian *six, nine*, dengan izin, mereka dapat menikmati talian ini untuk pergi ke Internet, tetapi selepas perumahan yang terancang ataupun yang tercantik sekali di Klang ini dapat dihubungi oleh penduduk baik daripada estet atau ladang yang sebelum ini ataupun setingganginggan yang pindah, yang sebelum ini pun menikmati talian, bila sampai ke situ tidak ada talian. Ini yang saya maksudkan semalam, talian *six, nine* ini. Kalau kita hendak melaksanakan secara keseluruhannya ke pinggir Sarawak, apakah di Lembah Klang yang berhampiran dengan Pusat ICT itu tidak dilengkapi dengan kemudahan. Walaupun tempat ini di Lembah Klang dan taman kediaman ini sebagai satu yang terancang dengan perancangannya. Ini yang saya maksudkan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak sentuh berkenaan dengan B.12. Seperti yang kita sedia maklum masalah ketidakcukupan kewangan sentiasa berlaku di mana-mana peringkat kerajaan, baik di PPT, baik di peringkat negeri, ataupun di peringkat Persekutuan. Namun, perbelanjaan yang di luar jangkaan dan tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya kadang-kadang di luar jangkaan ataupun ditentukan oleh kedudukan semasa, ataupun tekanan pasaran. Namun, demikian kerajaan yang dipertanggungjawabkan dan diamanahkan untuk mengurus perbelanjaan kewangan ini haruslah jimat cermat bagi menjamin *accountability* yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua semalam.

Apa yang saya maksudkan, di Maksud 2(b)12, memohon sebanyak RM4.338 bilion, ini adalah merupakan 64.3% daripada jumlah anggaran asas yang dipohon iaitu RM6.67 bilion. Daripada, RM2.4 bilion itu dibelanjakan untuk bayaran subsidi, diesel dan petroleum cecair. Ini berhampiran ataupun menepati 50% daripada RM4.338 yang dipohon. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan saya baru terima satu jawapan daripada Menteri Kewangan berkenaan dengan subsidi yang saya tanya pagi tadi, daripada tahun 2000 hingga 2004, berapakah subsidi diesel yang diberikan kepada nelayan, dan jawapannya, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat – Tuan Yang di-Pertua, subsidi diesel kepada sektor nelayan hanya diberi bermula pada tahun 2001. Jumlah subsidi diesel yang diberikan kepada sektor nelayan bagi tahun 2001 hingga

bulan September ini adalah sebanyak RM477 juta. Ini bermakna satu anggaran yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini masalah berkaitan dengan diesel menjadi *headline* ataupun, dengan izin, muka depan di dalam surat khabar tempatan. Saya berkesempatan menyediakan beberapa keratan surat khabar yang saya sedang baca. Bulan lalu di Miri, pemandu teksi mogok sebab tidak dapat bekalan diesel. Kononnya masalah yang dijadikan adalah stesen minyak penjual diesel secara pukal kepada sesetengah pihak yang mengakibatkan kekurangan ataupun *shortage*, dengan izin, pembekalannya. Berikutan itu, kastam menumpaskan sindiket seludup diesel guna kapal ikan, baru-baru ini – Berita Harian 2.12.2004 baru-baru ini di Georgetown, Pulau Pinang.

Satu lagi, semalam, menjadi *headline* di surat khabar *Sin Chew Jit Poh*, bas pelancong dari Singapura, tangkinya telah diubahsuai daripada 300 liter yang boleh muat sehingga 1,200 liter, di mana inilah perkara-perkara yang kita sedang hadapi. Saya tidak mempertikaikan pihak penguatkuasaan sama ada dari pihak Kastam ataupun dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ataupun mana-mana, tetapi dasar yang kita untuk memberi subsidi diesel ini tidak menepati sasaran. Adakah ini masih relevan? Ini yang saya hendak bertanyakan kepada Kementerian Kewangan, sebab kita jangkakan dalam masa yang akan datang pasaran ataupun harga-harga minyak petroleum ini akan naik mendadak.

Mengikut laporan yang dikemukakan oleh kementerian tempoh hari, subsidi minyak dijangka.....

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Siti Zailah minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik tentang perbincangan yang disebut oleh Yang Berhormat berkenaan dengan penyeludupan diesel ini. Saya dapat tahu bukan sahaja bas-bas daripada Singapura, kita dapat tahu kenderaan-kenderaan persendirian dari Thailand memang banyak mengubahsuai tangki-tangki minyak mereka untuk menyeludup minyak dari Malaysia ke Thailand.

Saya sangat bersetuju sekiranya perkara ini diambil perhatian serius oleh kerajaan, sebab perkara ini akan merugikan rakyat dan negara. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Tan Bon Yon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya berpendapat sama dengan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya, itulah menyeru kepada pihak yang berkenaan, sama ada kelemahan penguatkuasaan ataupun dasar-dasar sememangnya ada kelemahan. Baru-baru ini saya melawat satu pulau di negeri Selangor. Saya di hadapi oleh nelayan yang mengadu, mengatakan stesen minyaknya ada disediakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat beritahu pulau mana yang Yang Berhormat pergi itu?

Tuan Tan Bon You: Pulau Ketam yang saya maksudkan.

Tuan Tan Bon You: Pulau Ketam, yang dimaksudkan oleh saya. Bermaknanya stesen minyak ada tetapi sentiasa dalam keadaan kering. Apabila saya bertanya macam mana boleh jadi begitu. Jawapan kononnya pembekalan ini sebelum sampai ke situ ia *hijack*, dengan izin, ataupun dibeli secara pukal oleh sesuatu pihak yang tidak bertanggungjawab. Inilah yang mengakibatkan pembekalan ini tidak sampai.

Memandangkan masalah-masalah dan pengaduan yang berlaku pada kebelakangan ini, saya berpendapat mungkin, dengan izin, *tip of the iceberg*, yang kita nampak cuma beberapa kes yang kita tahu, yang kita tidak tahu berapa kesnya dan berapa pembaziran subsidi ini akan berlaku. Jadi sekarang dan sampai bilanya ia akan tamat. Penguatkuasaan cuma satu tetapi kalau adanya langkah-langkah yang lebih efektif dan berkesan untuk mencegah tanpa kebocoran dan menepati sasaran mungkin kita dapat menjimatkan satu anggaran yang begitu besar untuk pembangunan yang lain. Inilah pandangan saya dan saya berharap kalau kementerian yang berkenaan sama ada Menteri Kewangan atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri boleh mengubah dasar ataupun memindahkan penguatkuasaannya sama ada untuk mencegah kebocoran-kebocoran yang sering berlaku pada penyeludupan diesel ataupun penyelewengan yang selalu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya juga dengan ringkasnya pergi ke Maksud 52 iaitu berkenaan dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Sebanyak RM229.164 juta telah dipohon untuk membiayai emolumen perjawatan baru kos

sewaan utiliti, pejabat baru pertambahan elaun perjalanan dan sara hidup. Baru-baru ini dan setahun kebelakangan ini saya turut menyertai dalam usaha untuk memperbanyakkan atau memperamaikan kaum Cina ataupun kaum Tiong Hua untuk menyertai pasukan Polis. Nampaknya kalau ikutkan anggaran yang kita dapati pada minggu lalu kalau tidak silap 12 daripada 500 orang pengambilan pegawai inspektor yang baru cuma ada 12 sahaja daripada kaum Tiong Hua. Ini bermakna kempen-kempen untuk memperamaikan kaum Tiong Hua untuk menyertai pasukan polis itu adalah satu kegagalan, pada saya sendiri sebab cuma 2% sahaja daripada jumlahnya.

Usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak NGO ataupun pihak kementerian sendiri ataupun daripada pasukan polis sendiri ataupun daripada parti yang saya menyertai MCA ini saya nampak tidak ada satu kemajuan berkenaan dengan kempen ini. Saya tidak tahu kenapa puncanya, mungkin Kementerian Keselamatan Dalam Negeri harus meneliti sama ada puncanya daripada apa yang mengakibatkan kelembapan ini. Ini yang saya harapkan.

Tuan Yang di-Pertua dengan itu saya memohon untuk menyokong Rang Undang-Undang yang dibahaskan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Ir. Wong Foon Meng]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Lee Sing Chooi, sila.

4.25 ptg

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran untuk saya membahaskan Akta Perbekalan Tambahan 2004. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bahaskan pertamanya P.12, saya hendak rujukkan kepada yang diminta itu sebanyak RM1,520,000,000 untuk membayar tanggungan hutang Perwaja Steel Sdn. Bhd. yang juga disentuh oleh rakan-rakan saya. Jumlah ini kalau dibandingkan dengan jumlah (*total*) yang diminta di akta ini, RM6 bilion ialah sebanyak 22.75% hampir lebih kurang $\frac{1}{4}$ yang diminta di dalam rang undang-undang ini dibayar kepada hutang Perwaja Steel Sdn. Bhd. . Ini hampir $\frac{1}{4}$ iaitu adalah satu jumlah yang begitu banyak. Saya tidak tahu dan saya juga hendak tahu, adakah hutang Perwaja Steel Sdn. Bhd. ini adalah hutang terakhir dan tidak akan minta lagi dan tidak akan bayar lagi hutang ini. Permintaan yang lebih kurang $\frac{1}{4}$ ini kerana pengurusan Perwaja Steel Sdn. Bhd. dibahas di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara yang mengambil masa begitu banyak kerana pengurusan yang tidak cekap, pengurusan

yang tidak betul. Saya harap pihak-pihak yang bertanggungjawab boleh mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya supaya hutang-hutang yang sejumlah sebanyak ini tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara nombor dua yang saya hendak bahas B.09 berkenaan dengan peruntukkan tambahan sebanyak RM735,000 untuk menampung perbelanjaan bagi melaksanakan program integriti nasional dan juga penubuhan Institut Integriti Malaysia. Ini adalah satu perkara yang sangat baik, satu inisiatif yang membanggakan, satu inisiatif yang mengurangkan dosa, satu inisiatif yang dialukan oleh rakyat Malaysia dan juga dunia. Saya harap program ini boleh berjalan lancar dengan baiknya dan boleh dirancang dan juga *implement* secepat mungkin dan program ini bukan sahaja ditanggung oleh Perdana Menteri sahaja. *The better is not to be fault by the Prime Minister alone but is to be faulted by all of us*, dengan izin. Soalan integriti itu adalah satu nilai yang mulia itu patut diuruskan di semua pengurusan harian setiap orang Malaysia. Ini sudah pasti jadikan satu nilai setiap rakyat Malaysia, *part of us*. Jadi sebahagian daripada kami semua iaitu integriti.

Saya harap ke semua pengurusan baik bagi pegawai kerajaan atau orang ramai supaya sokonglah dan juga mengambil berat berkenaan dengan integriti dan bukan integriti ini.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Minta laluan.

Tuan Lee Sing Chooi: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Saya amat tertarik di atas perbahasan Yang Berhormat tentang integriti dan saya percaya masalah rasuah di dalam negara kita ini, dan Yang Berhormat pun telah memberi beberapa cadangan dan pandangan macam mana objektif tersebut akan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta pandangan Yang Berhormat Tuan Lee, perkara rasuah ini tidak diajar di sekolah dari tahap sekolah rendah. Kita tidak mengajar kepada budak-budak kita di dalam program sivik atau dalam kelas agama. Itu saya tidak tahulah tetapi dalam program sivik atau program moral kita tidak diberi cukup tumpuan bahawa rasuah ini sesuatu yang betul-betul salah. Ini kita tidak masukkan minda budak-budak dari kecil. So, mereka pun tidak tahu dan bila dia sudah besar, dia tengok di dalam kehidupan setiap hari, ini berlaku di sini dan di sana,

orang beri wang untuk menjalankan sesuatu tidak ikut saluran tertentu - awak beri wang, senang dapat. Tetapi, dari masa kecil, ini tidak dimasukkan dalam minda anak-anak kita. Apa pandangan Yang Berhormat Tuan Lee?

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih rakan saya. Berkenaan dengan hal ini, rasuah itu bukan diajar dan juga kerja-kerja itu, bila dia dilahirkan dia tidak tahu apa itu rasuah. Nampaknya, bila jadi dewasa, ini sudah jadi satu masalah sosial. Kalau ikut agama lain *man is a sin*. Dia itu berdosa. Ini kerana ajaran Tuhan itu untuk membersihkan hati dan juga fikiran dan juga meningkatkan nilai-nilai yang betul supaya rasuah dan juga nilai-nilai yang berdosa itu boleh dielakkan.

Semua aktiviti dosa itu boleh dielakkan dan juga tidak dilakukan. So, pengajaran agama adalah satu yang mustahak untuk sesuatu orang itu, untuk tidak ambil rasuah dan tidak juga memberi rasuah, oleh kerana kedua-dua itu adalah satu kesalahan. Bukan sahaja kesalahan dari segi undang-undang, juga kesalahan dari segi undang-undang atau ajaran-ajaran Tuhan yang kita pelajari. Saya harap.....

Datuk Jins Shamsudin: Minta maaf Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik tentang hal rasuah kerana baru-baru ini Perdana Menteri sendiri telah menubuhkan satu jawatankuasa membasmi rasuah. Ini adalah sesuatu yang harus kita menyokong semua ini. Saya juga tertarik dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi yang mengatakan kita harus mendidik dari agama. Ini kerana, kita tahu semua agama mempunyai caranya yang tersendiri. Saya bercakap di atas landasan agama Islam dan kita semua tahu bahawa memakan duit rasuah itu yang kita bawa balik ke rumah dan kita belikan makanan atau apa sahaja kepada anak kita dan anak itu akan lahir segala darah yang mengalir di badannya adalah haram. Anak itu akan berkahwin dan isterinya dan lahir pula seorang anak, dia akan mengalir darah itu adalah hasil daripada makanan rasuah. Barangkali ini boleh kita jadikan sebagai unsur untuk kita mendidik mereka.

Perkara yang kedua juga harus kita lihat bahawa tidak ada rasuah kalau tidak ada yang memberi seperti mana yang dikatakan oleh Tuan Lee Sing Chooi tadi. Kita juga membendung pemberi rasuah. Tetapi, selalunya berlaku, terjadi apabila dia berkehendakkan sesuatu projek, maka inilah terjadinya rasuah. Kita lihat banyak di dalam jabatan-jabatan, juga terjadi kerana mahukan sesuatu, maka ia berpunca

daripada pemberi. Maka, dia mahukan sesuatu, pemberi ini selalunya memberikan dengan cara mereka, mungkin tidak secara *direct*, tetapi secara *indirect*, dengan izin, melakukannya dengan menggunakan *third party* dengan izin. Jadi, oleh kerana itu ini berlaku.

Maka itu, kita harus melihat atau membendungnya daripada pemberi dahulu sebelum penerimanya kerana pemberi yang menyebabkan penerima. Jadi, oleh kerana itu ini sesuatu yang harus kita beri penekanan kepada mereka yang memohon projek-projek, khususnya projek-projek kerajaan. Selalunya, mereka menghulurkan sesuatu. Saya tidak bermaksud ini berlaku tetapi mungkin ia boleh berlaku. Oleh itu, saya amat tertarik dengan cara dan pendekatan ini supaya kita mendidik dari sudut agama kerana ini akan melibatkan keturunan-keturunan yang akan lahir daripada hasil makanan-makanan rasuah ini adalah haram. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga terkilan dengan apa Yang Berhormat Datuk cakap tadi tentang yang memberi dan yang menerima, sama ada yang memberi dahulu, menerima kemudian ataupun menerima dahulu, memberi kemudian. Kerana keadaan ini berlaku dalam kedua-dua suasana tadi. Ada kalanya memberi dahulu, orang itu menerima dan menjadi rasuah. Ada juga terjadi di mana yang memberi dahulu selepas itu, yang sepatutnya memberi tadi dia terima. Jadi, kedua-dua situasi ini berlaku. Kadang-kadang memberi dahulu kemudian menerima. Kadang-kadang terima dahulu, kemudian dia memberi. Sila Yang Berhormat Tuan Lee.

Tuan Lee Sing Chooi: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan perkara tadi, yang pertama saya setuju pengajaran agama itu mustahak kerana pemberian atau penerima rasuah kalau orang tidak nampak, kita boleh lihat dia digari sahaja, tetapi Tuhan juga nampak apa yang dijalankan itu. Sesuatu yang dijalankan itu, Tuhan nampak, Tuhan tahu. Kalau tidak takut kepada Tuhan, memang susah hendak mencegah rasuah. Itu sebab, pemberian dan penerimaan selalunya dijalankan di sudut-sudut yang orang tidak nampak.

Yang kedua, berkenaan dengan memberi dan juga menerima dan juga Yang Berhormat Datuk Jin ada sentuh projek-projek kerajaan. Pada pandangan saya, satu perkara yang mustahak ialah sistem penyampaian itu mesti *transparent* dan *simple*.

Kalau sistem penyampaian kerajaan itu transparensi dan *simple* maka aktiviti-aktiviti yang tidak dikehendaki itu boleh dikurangkan kalau sistem penyampaian itu dijadikan *complicated* maka orang hendak cari jalan-jalan belakang. So, saya harap dan juga itu yang ditekankan oleh Perdana Menteri yang kita cintai juga menekankan betapa mustahaknya sistem penyampaian kerajaan itu mesti diperbaiki supaya orang ramai sampai ke pejabat kerajaan boleh menguruskan apa segalanya dengan *simple* dan cepat.

Tuan Yang di-Pertua, kecekapan di dalam sistem pengurusan kerajaan itu adalah mustahak untuk mencapai matlamat yang kita hendak jadi satu negara yang berintegriti boleh menunjukkan kepada negara-negara lain yang kita bersungguh-sungguh menuju ke arah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh.....

[*Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff bangun*]

Tuan Lee Sing Chooi: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Saya tertarik tentang persoalan yang ada di depan kita. Walaupun berkali-kali kita membincangkan persoalan rasuah tetapi sekiranya kita tidak melakukan suatu jalan penyelesaian yang sebenar kita tidak akan mencapai *target* kita. Undang-undang tidak akan dapat mengawal diri manusia kalau manusia tidak dikawal dengan keimanannya sebab kita semua tahu manusia dijadikan oleh Allah subhanahu wata'ala mempunyai nafsu. Setiap manusia ada nafsu, ada naluri keinginan kepada harta benda, kepada kemewahan dunia dan sebagainya maka dalam kita hendak mengawal perkara ini maka Islam kalau dari segi agama Islam, saya kira begitu juga dalam agama-agama yang lain telah mengajar kepada kita sebagaimana firman Allah subhanahu wata'ala dengan izin (berbahasa Arab) yang bermakna "Beruntunlah orang membersihkan jiwanya dan rugilah orang yang mengotori jiwanya". Ini bermakna hasil daripada jiwa yang tidak ikhlas dan tidak jujur ini lahirlah kerosakan dalam masyarakat. Perkara ini adalah perkara besar yang telah kita war-warkan sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh kerajaan hari ini iaitu kita menubuhkan suatu institut untuk membanteras rasuah dan perkara ini tidak cukup dengan hanya satu institut yang kita tubuhkan.

Kita mesti menjadikan satu agenda yang menjadi arus perdana pentadbiran negara yang mana agenda ini menjadi satu agenda yang besar untuk mendidik rakyat kembali berpegangan kepada ajaran agama sebab daripada takwa inilah akan lahir keyakinan, akan takut kepada dosa dan yakin ada dosa dan pahala dan takut kepada balasan sama ada syurga atau neraka. Saya kira dengan kalaulah adanya kombinasi yang begini baik dengan pengurusan yang cekap seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dengan penegasan penerapan agama yang kuat, Insya Allah barulah akan lahir satu bangsa yang bersih daripada rasuah. Saya minta pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Ya, terima kasih Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff. Saya bersetuju bahawa kalau kita takut kepada Tuhan, kita mesti ada consent. Tetapi kalau consent kita itu kurang dan kita sanggup menerima sesuatu itu sebagai rasuah Kalau menerima juga sesuatu rasuah itu dikatakan okey juga. Ok itu bermakna kita telah menjauhi Tuhan. Kalau penerimaan sesuatu rasuah itu yang juga boleh kata okey, yang itu sudah menjauhi Tuhan. Saya haraplah kita semua ini menuju ke arah integriti tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Haji Karim minta laluan.

Datuk haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berpuluh tahun sudah kita membincangkan tentang rasuah, dalam Dewan Negara dan dalam Dewan Rakyat, di luar kita adakan agensi rasuah tetapi sehingga sekarang pada pandangan mata dunia di Malaysia rasuah ini bertambah. Dahulu kita di tempat ke 13, sekarang kita di tempat ke 20, baru-baru ini kita baca di akhbar tentang kedudukan rasuah di Malaysia walaupun kita katakan rasuah di Malaysia lebih kurang jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Masalahnya begini, apakah rasuah ini bukan satu budaya dalam masyarakat kita. Pertama ada kumpulan kita yang percayakan Tuhan, kita minta kepada Tuhan kalau makbulkan ini saya akan buat ini, adakah itu rasuah? Atau kita pergi ke kuil kita bawa makanan bagi kepada kuil bawa makanan dahulu untuk minta sesuatu daripada tuhanya atau kita pergi ke tokong bahawa limau dan kuih taruh di kaki tokong minta sesuatu, adakah itu satu budaya rasuah? Banyak kali kita tengok sekarang ini pendatang tanpa izin ini hendak pulang banyak kita terima ugutan ada orang datang

tunggu minta RM50 bagi RM50 dilepaskan, kalau tidak bagi ditangkap. Adakah itu rasuah?

Tetapi kalaulah sekiranya kita bersungguh-sungguh untuk membasmi rasuah ini, sekiranya saya dituduh rasuah RM10 juta dan kiranya kita katakan Ok, bersabitleh kesalahan saya dituduh rasuah RM10 yang melaporkan itu diberi 10%, saya akan laporkan bapa saya sekali kalau ia rasuah. Tetapi kalau kita lihat saya dituduh rasuah dan dibawa ke mahkamah, ditunda dan ditunda berpuluh-puluh tahun maka tidak akan selesai perkara ini. Lagipun kalau kita hendak tahu *boss* kita rasuah, kalau kita laporkan kita pula nanti kena memberi *statement*, dipindah ke hulu dipindah ke hilir, siapa hendak melaporkan rasuah. Macam mana pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini yang berlaku pada zaman ini. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Karim. Kalau kita berdoa, minta ini dan minta itu kepada Tuhan adakah itu rasuah? Satu pertanyaan yang dibangkitkan tadi. Dalam pelajaran agama saya, yang juga satu doa Jesus "bukan kehendak saya yang dibenarkan tetapi kehendak Tuhanlah dipenuhi". Semua doa itu adalah untuk kebaikan bukan juga menjalankan apa yang Tuhan hendak. Rasuah ini untuk menguntungkan yang menggunakan Jabatannya di posisinya untuk menguntungkan diri sendiri. Yang itulah yang tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, adakah itu budaya masyarakat kita ini? Mungkin itu adalah budaya hanya segolongan orang-orang sahaja tetapi bukan budaya semua rakyat Malaysia. Saya juga percaya ada orang-orang Malaysia juga berbudaya mencegah dan membenci budaya rasuah ini. Sekarang ini saya harap tidak ada budaya yang menggalak dan mendorong rasuah. Saya harap budaya itu boleh diberhentikan. Ubahlah kepada budaya berintegriti. Saya berharap dan berdoa supaya ini dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh dengan perkara B04 Suruhanjaya Pilihan Raya. Ini juga bersangkutan paut dengan program Integriti Nasional. Di pilihan raya yang lalu mana penamaan telah tamat dan calon itu boleh menarik diri beberapa hari selepas pencalonan. Ini adalah satu yang baru bagi pilihan raya yang lepas. Tuan Yang di-Pertua, *I don't feel comfortable with it* dengan izin. Kalau selepas beberapa hari selepas pencalonan, calon itu boleh lagi menarik diri, ini sudah buka jalan untuk aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan dan aktiviti yang mungkin berdosa itu berterusan.

Saya harap Suruhanjaya Pilihan Raya boleh mengubah perkara ini supaya apa yang dilaksanakan di mana pencalonan dan tarikh ini tidak berlanjutan. Ini adalah harapan saya supaya Suruhanjaya Pilihan Raya boleh mengkaji dan juga memutuskan supaya *in line* dengan Program Integriti Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh juga perkara B.24 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Yang Berhormat rakan-rakan saya telah banyak berbahas berkenaan dengan pekerja asing. Sudah sampai masanya Malaysia mengkaji semula strategi-strategi ekonomi kita. Adakah negara kita Malaysia ini sanggup bergantung kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang berkehendak pekerja-pekerja yang gajinya rendah sahaja? Bolehkah kita terus bersaing dengan cara ini kerana sekarang persaingan yang agak hebat dari negeri Thailand dan Cina?

Malaysia patut mengkaji semula supaya pelabur-pelabur yang kita jemput itu bertumpu kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang bertambah nilai yang tinggi supaya tidak berkehendak pekerja-pekerja asing yang seramai itu. Saya harap kementerian boleh mengkaji supaya *the change of status* dari segi ekonomi dan juga persaingan antarabangsa, *the competitiveness* yang kita ada ini yang mana kita mesti tunjukkan, yang mana kita kena rancangkan supaya kita masih *competitive* dan bersaing dalam era globalisasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang hendak saya bahaskan adalah B.70 - Kementerian Pengajian Tinggi. Kerajaan kita, orang ramai dan juga ibu bapa-ibu bapa menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran tinggi mereka dan telah menggunakan wang ringgit yang banyak. Malaysia merancang hendak menjadi satu pusat pendidikan yang cemerlang, maka kita mesti menarik lebih ramai lagi pelajar-pelajar di rantau ini dari negeri China, Indonesia dan lain-lain.

Maka kualiti IPTS kita perlu dipertingkatkan. Kita kedengaran bahawa sesetengah IPTS tidak mematuhi syarat-syarat yang ditentukan dan juga kursus-kursus yang ditawarkan itu tidak memenuhi kehendak pelajar-pelajar asing. Disebabkan perkara inilah setengah pelajar daripada negara itu sudah tidak berapa ramai datang ke Malaysia. Saya harap Kementerian Pengajian Tinggi dapat mengkaji dan juga membuat apa yang sesuai supaya kualiti kursus yang ada di Malaysia ini dipertingkatkan. Bilangan kursus yang ditawarkan di IPTS itu hendaklah diperbanyakkan supaya negara kita dapat mencapai matlamat kita menjadi satu pusat pendidikan yang cemerlang di rantau ini bukan sahaja menarik pelajar-pelajar dari

negara-negara ketiga iaitu negara yang membangun tetapi juga menarik pelajar dari negara-negara yang maju kerana kos *of living* di Malaysia amat rendah kalau dibandingkan dengan negara-negara yang maju. Ini adalah satu perkara yang boleh menarik pelajar-pelajar dari negara-negara yang maju datang ke Malaysia kerana kosnya adalah amat rendah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi boleh juga Kementerian Pengajian Tinggi menimbangkan pendidikan ala eksport. Kita nampak universiti-universiti yang ternama datang ke Malaysia dan mewujudkan cawangan seperti Monash dan Nottingham. Maka bolehkah institut-institut pengajian tinggi Malaysia pergi ke negara-negara asing mewujudkan cawangan di situ, untuk mengeksport pendidikan kita di situ. Bolehkah cawangan Universiti Malaya dibuka di negeri China, Indonesia atau mana-mana tempat. Dan juga IPTS-IPTS mewujudkan cawangannya di negara-negara asing supaya kita dapat mengeksportkan pendidikan kita dan menguntungkan mata wang asing. Ini diharapkan kerajaan dapat mengkaji dan bertindak.

Tuan Ismail bin Kasim: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi kerana memberi laluan kepada saya.

Yang Berhormat saya ingin menarik perhatian dan ingin bertanya pandangan Yang Berhormat berhubung dalam usaha kita menarik pelajar-pelajar asing ke negara kita ini dengan kos yang rendah, dengan tawaran-tawaran yang menarik. Kos yang rendah yang ditawarkan oleh negara kita, *cost of living* yang rendah, maka kita berharap kita dapat menarik ramai pelajar.

Kita lihat perkara ini telah pun berlaku dan ramai juga pelajar-pelajar asing datang ke negara kita untuk belajar di IPTS berdasarkan kemudahan yang disediakan oleh IPTS berkenaan, tetapi apa yang menjadi kemusykilan di benak pemikiran saya Yang Berhormat ialah apabila kedatangan pelajar-pelajar ini dengan menyalahgunakan visa pelajar, mereka hanya mendaftarkan diri di kolej-kolej tetapi sebaliknya mereka tidak meneruskan pembelajaran di kolej berkenaan, mereka menggunakan visa pelajar ini untuk bekerja di profesion yang lain termasuklah sektor pelacuran yang berlaku sekarang ini, yang memeningkan kepala kerajaan. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Ya, inilah satu tugas Kementerian Pengajian Tinggi supaya melawat IPTS-IPTS dan bekerjasama dengan IPTS, yang mana pelajar-pelajar yang selalu ponteng itu, yang tidak datang kelas, ke mana mereka pergi? Jadi, kalau Kementerian Pengajian Tinggi boleh bekerjasama dengan IPTS dan IPTS pasti melaporkan, kalau setengah pelajar-pelajar asing yang datang itu tidak masuk bilik kuliah dan juga selalunya tidak ada, maka apa masalahnya dan siasatan itu perlu dibuat dan juga dengan kerjasama polis, bolehlah melihat ke mana mereka itu pergi dan juga kepada mereka yang tidak ingin belajar di sini tetapi menggunakan visa itu dihalau balik ke negara mereka.

Yang satu lagi berkenaan - Malaysia juga mengenakan kos yang rendah kalau dibandingkan dengan negara-negara maju. Kita juga ada satu *advantage* dan kebudayaan yang berbeza-beza, dan juga mempunyai beberapa jenis bahasa yang diguna pakai di negara kita ini. Di era globalisasi ciri-ciri ini yang menentukan kejayaan persaingan itu ke satu arah, bagaimana individu itu dapat mengurus kerana globalisasi dan budaya-budaya yang berbeza di arena antarabangsa.

Yang kedua berapa bahasa dia boleh bercakap dan faham, kalau dia fasih dengan beberapa bahasa, maka dia adalah *advantage* itu dan *advantage* ini pun boleh didapati di Malaysia. Ini adalah satu *advantage* di Malaysia kalau pelajar-pelajar negara maju itu datang ke sini. Kalau di UK dia bercakap dalam bahasa Inggeris, satu bahasa, di sini kita boleh belajar bahasa Inggeris, bahasa Malaysia, bahasa China, bahasa Tamil dan bahasa Arab - bermacam-macam.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak menyentuh adalah berkenaan B. 12 yang tadi disentuh oleh rakan saya. Saya hendak menyentuh berkenaan LPG, gas petroleum cecair, kadang-kadang kita nampak stesen gas cecair itu agak kurang, kalau ada stesen gas petroleum, teksi beratur di sana, *queue* yang panjang, saya pun tidak tahu pasal apa, stesen gas itu tidak diperbanyakkan, kenapa mereka mesti pergi ke stesen itu dan *queue-up* dan ini membazirkan masa. Kalau teksi itu berjalan mengambil penumpang dia boleh mendapat untung, kalau dia menunggu di stesen itu untuk mengisi gas sahaja ini sudah membuang masa untuk mencari rezeki.

Saya berharap stesen LPG itu boleh diperbanyakkan supaya LPG itu boleh juga digunakan dengan meluasnya, kerana LPG lebih *environmental friendly*, dengan izin kerana LPG itu boleh dibakar dengan lebih *complete*. Tuan Yang di-Pertua, saya

berharap stesen-stesen itu dapat diperbanyakkan. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Lee Sing Chooi. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini? Kalau tidak ada saya menjemput pihak kerajaan untuk menjawab.

5.07 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004. Terima kasih juga di atas semua cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang dibentangkan di dalam rang undang-undang ini. Saya akan menjawab persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan kali ini. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, suka saya memaklumkan, perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberikan bagi menangani perkara-perkara tersebut.

Ramai Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Yang paling banyak mengeluarkan isu ialah ahli yang pertama, iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Saya ingin memulakan jawapan saya dengan memperjelaskan terhadap persoalan yang dibangkitkan oleh beberapa ahli yang mempersoalkan kekerapan kerajaan mengemukakan permohonan peruntukan tambahan seolah-olah bajet tahunan yang dikemukakan kepada Dewan tidak dirancang dengan teliti.

Suka saya menjelaskan bahawa kerajaan memang sentiasa berusaha untuk menyediakan bajet tahunan yang lengkap supaya keperluan untuk memohon peruntukan tambahan dapat diminimumkan. Usaha ini memang dilakukan, namun begitu kita perlu memahami bajet tahunan perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Parlimen sebelum sesuatu tahun itu bermula. Kebiasaannya ia akan dibentangkan pada bulan September atau Oktober setiap tahun. Oleh itu peruntukan tambahan tidak dapat kita elakkan bagi menampung keperluan-keperluan baru yang tidak dijangka timbul setelah bajet tahunan dibentangkan.

Sebagai contohnya peruntukan tambahan yang dicadangkan kali ini adalah bagi menampung perkara-perkara baru dan menampung perkara-perkara yang tidak diperuntukkan secukupnya disebabkan oleh perubahan-perubahan semasa. Antaranya termasuklah untuk menampung tambahan subsidi barangan petroleum kerana kenaikan harga minyak global yang berterusan tinggi, penubuhan kementerian baru, keperluan-keperluan mendesak Polis Diraja Malaysia, tambahan kos Program Latihan Khidmat Negara dan kenaikan kos biasiswa pelajar kerana perubahan kadar tukaran mata wang asing.

Untuk tahun 2004, peruntukan tambahan hanya baru dipohon pada kali ini sahaja. Sebenarnya pada sesi mesyuarat yang pertama kerajaan telah membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004. Berikutan penyusunan semula bagi fungsi kementerian selepas Pilihanraya Umum Kesebelas, manakala pada sesi mesyuarat yang kedua pula kerajaan telah membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan Kedua) tahun 2003 yang telah ditunda pembentangannya berikutan pembubaran Parlimen bagi mengadakan Pilihanraya Umum Kesebelas. Oleh itu kita menyedari bahawa peruntukan kewangan seolah-olah terlalu kerap dibentangkan. Kerajaan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah meluluskan rang undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan tentang *Rapid* KL, tentang pengangkutan Lembah Kelang. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng mengharapkan supaya kerajaan dapat memantau prestasi pengangkutan awam. Pada masa ini prestasi pemantauan sedang dijalankan oleh beberapa agensi termasuk Jabatan Keretapi, Kementerian Pengangkutan bagi sistem *rail* seperti KTM Komuter, LRT dan Monorail.

Bagi perkhidmatan bas, agensi utama yang bertanggungjawab adalah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), pemantauan keseluruhan juga melibatkan pihak Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan pihak berkuasa tempatan. Proses dan sistem pemantauan akan diperbaiki lagi melalui penguatkuasaan yang lebih cekap dan berkesan, teknologi komunikasi dan maklumat dan pelaksanaan konsep, petunjuk prestasi utama (*key performance indicators*).

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga mencadangkan supaya masalah *station* STAR, LRT yang tidak dihubungkan dengan baik supaya diberi

perhatian. Memang kerajaan telah pun meluluskan peruntukan untuk membaiki tahap integrasi di antara *station* LRT, projek ini bukan sahaja melibatkan LRT STAR, tetapi juga LRT PUTRA, KTM Komuter dan monorail. Di antara projek-projek ini adalah yang melibatkan *station* LRT Masjid Jamek, *station* Pandan Indah dan *Station* Jalan Hang Tuah. Proses integrasi juga bukan sahaja melibatkan infrastruktur, tetapi juga dari segi sistem tambang dan tiket.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan masalah di antara laluan-laluan (*routes*) yang terlalu banyak perkhidmatan. Kerajaan telah menjalankan dua kajian, pertama untuk mengkaji laluan perkhidmatan bas dalam masa dua tahun yang lepas.

Hasil kajian-kajian tersebut telah diambil kira dan kini dalam proses pelaksanaan melalui sistem Rapid KL yang telah mula beroperasi dua minggu yang lepas. Proses untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan bas akan berterusan. Objektif utama Rapid KL adalah untuk memberi perkhidmatan bas yang berprestasi tinggi untuk semua penduduk Lembah Kelang. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan Rapid KL difahamkan meliputi hanya 65% daripada keperluan kemudahan pengangkutan di Lembah Kelang, bagaimanakah kerajaan memastikan kemudahan-kemudahan pengangkutan awam yang lain dapat diselaraskan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, Rapid KL telah mengambil alih LRT PUTRA, LRT STAR, bas Intrakota dan juga Cityliner yang meliputi 55% daripada perkhidmatan pengangkutan awam. Bagi memastikan penjelasan yang berkesan dengan sistem-sistem pengangkutan awam yang lain, beberapa tindakan akan diambil. Ini adalah termasuk mengadakan satu perjanjian integrasi dengan pengusaha-pengusaha di luar syarikat Rapid KL, integrasi infrastruktur, integrasi sistem tambang dan tiket dan pemantauan serta penguatkuasaan yang berkesan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga mencadangkan supaya usaha pengurusan pengangkutan awam seperti Rapid KL diperluaskan ke bandar-bandar lain, contohnya di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, memang rancangan jangka panjang adalah untuk meluaskan sistem pengurusan pengangkutan awam yang cekap dan berkesan kepada semua kawasan bandar. Sebagai langkah permulaan, Syarikat Rapid KL dilancarkan di Lembah Kelang bagi menangani masalah kesesakan trafik yang paling ketara di

Malaysia. Segala pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi dalam usaha Lembah Klang akan dicontohi di semua kawasan-kawasan bandar pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, isu selanjutnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng ialah tentang sumbangan kerajaan kepada WHO, kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang kecil menyumbang begitu banyak kepada WHO dan sama ada perlu dikaji sumbangan ini kerana penyakit polio tidak lagi serius. Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia telah bebas dari penyakit polio, tetapi terdapat beberapa negara yang masih menghadapi masalah polio.

Oleh sebab itu, pemantauan penyakit polio masih dijalankan di Malaysia sehinggalah dunia bebas dari penyakit polio. Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menerima permohonan daripada wakil Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi penghapusan penyakit polio supaya Malaysia sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), mendahului negara-negara OIC yang lain untuk memberi sejumlah sumbangan bagi usaha-usaha ke arah penghapusan penyakit polio di kalangan negara-negara OIC. Oleh sebab itu adalah wajar, Malaysia memberi sejumlah sumbangan sebagai permulaan.

Enam dari tujuh buah negara yang masih menghadapi masalah polio adalah terdiri daripada negara-negara Islam. Dana bagi mengumpulkan sumbangan ke arah penghapusan penyakit polio telah diumumkan oleh WHO dalam Mesyuarat Menteri-menteri Kesihatan bagi negara yang masih menghadapi masalah penyakit tersebut di Geneva pada 15 Januari 2004.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Beliau membangkitkan isu peruntukan sebanyak RM127 juta bagi program kebersihan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Peruntukan tersebut banyak dibelanjakan untuk Kempen Kebersihan, beliau mencadangkan supaya lebih banyak peruntukan digunakan untuk memperkuatkan tindakan penguatkuasaan seperti yang dilaksanakan oleh negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak RM127 juta bagi program kebersihan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah sebenarnya untuk membiayai projek-projek yang telah dan sedang dilaksanakan pada

tahun 2003 dan 2004. Projek-projek tersebut merupakan projek menaik taraf infrastruktur kebersihan seperti berikut:

- (i) membina pasar;
- (ii) membina tandas awam, longkang dan bahu jalan; dan
- (iii) membina pusat penjaja dan juga dewan-dewan.

Projek ini dilaksanakan untuk mempertingkatkan tahap kebersihan dengan menaikkan infrastruktur kebersihan di pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, isu selanjutnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, mengapa subsidi dibayar kepada Pelabuhan Tanjung Pelepas sedangkan ianya merupakan syarikat swasta, adakah subsidi ini akan diberi pada setiap tahun. Tuan Yang di-Pertua, pembayaran kerajaan untuk bangunan Pelabuhan Tanjung Pelepas adalah membantu membiayai sebahagian faedah pinjaman komersial PTP Sdn. Bhd. untuk membangunkan projek Fasa 1. Walaupun PTP Sdn. Bhd. ialah syarikat swasta, kerajaan mempunyai kepentingan di dalamnya, subsidi yang dibayar oleh kerajaan adalah bagi membantu mengurangkan kos operasi syarikat untuk mengekalkan tahap *competitive* supaya dapat bersaing dengan Pelabuhan Singapura. Peruntukan ini disediakan secara berperingkat melalui tahun 2005 hingga 2007 sahaja dalam bentuk langganan saham keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu selanjutnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng ialah tentang beliau menyokong Kempen Keselamatan Jalan Raya dan ianya berkesan, tetapi apakah rasional di sebalik mengenakan saman maksimum kepada pesalah trafik pada musim perayaan yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saman maksimum RM300 kepada pesalah trafik pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri 2004 tidak dikenakan untuk kesalahan-kesalahan lain tetapi hanya untuk enam kesalahan yang serius sahaja, iaitu kesalahan melebihi had laju, memotong barisan, melanggar lampu isyarat, memandu secara berbahaya, menggunakan lorong kecemasan dan memotong di garisan berkembar. Ianya adalah sebagai langkah pencegahan kepada pemandu supaya menjauhi kesalahan serius yang boleh menyebabkan kemalangan, kecederaan dan kematian di jalan raya kepada diri pemandu sendiri dan pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Adalah diharapkan dengan mengenakan saman maksimum pesalah-pesalah lalu lintas akan lebih berhati-hati dan patuh kepada undang-undang semasa memandu.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan tentang insentif guru-guru Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Beliau berpendapat pemberian insentif kepada guru-guru Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris akan melemahkan moral guru subjek lain walaupun mereka juga bergiat dan bekerja gigih. Tuan Yang di-Pertua, keputusan kerajaan untuk memberi insentif kepada guru-guru yang terlibat dalam kempen pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tidak semestinya menjejaskan moral guru-guru yang tidak terlibat. Insentif ini sebenarnya adalah sebagai tanda penghargaan kerajaan ke atas kesediaan dan keyakinan guru-guru yang terlibat untuk melaksanakan program ini.

Sebenarnya program ini memang berkesan dalam meningkatkan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran-mata pelajaran tersebut termasuklah penguasaan bahasa Inggeris dalam masa yang sama. Keberkesanan ini telah dibuktikan melalui kajian oleh Kementerian Pelajaran pada bulan Mei 2003 di 273 sekolah rendah dan 72 sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan tentang subsidi kepada MAS. Beliau mempersoalkan mengapa kerajaan memberi subsidi kepada MAS untuk memberi perkhidmatan pengangkutan udara di luar bandar sedangkan terdapat syarikat penerbangan lain, contohnya Air Asia boleh memberi perkhidmatan tanpa memerlukan subsidi. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan secara prinsip tidak memberi subsidi kepada MAS. Walau bagaimanapun, perkhidmatan udara luar bandar (*rural air service*) di kawasan perkhidmatan Sabah dan Sarawak yang dijalankan oleh MAS merupakan suatu perkhidmatan sosioekonomi kepada masyarakat luar bandar. Oleh kerana perkhidmatan ini tidak menguntungkan dari segi komersial maka kerajaan memberi pampasan jika terdapat kerugian terhadap perkhidmatan tersebut.

Subsidi yang diberikan adalah untuk laluan-laluan perkhidmatan ke kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, contohnya, ke Long Pasia. Laluan ini diberi perkhidmatan udara untuk memudahkan penduduk di kawasan tersebut pergi ke bandar-bandar untuk urusan mereka. Laluan-laluan ini tidak diliputi oleh perkhidmatan-perkhidmatan komersial yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan tentang subsidi LPG, diesel dan gas. Isu penyeludupan diesel perlu

dibanteras untuk meningkatkan kecekapan subsidi. Kerajaan memberi perhatian yang serius terhadap isu penyelewengan subsidi diesel dan usaha-usaha penguatkuasaan dipertingkatkan yang dijalankan oleh berbagai-bagai agensi penguatkuasaan yang berkaitan seperti pihak Kastam, Unit Pencegah Penyeludupan, pihak polis Marin dan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari hingga Disember 2004, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil 311 tindakan berhubung kes penyalahgunaan subsidi diesel, penyeludupan dan kesalahan-kesalahan lain yang berkaitan melibatkan penyertaan 3.41 juta liter diesel yang bernilai RM4.2 juta. Kerajaan akan terus bertindak bagi membanteras penyelewengan-penyelewengan subsidi diesel tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng seterusnya membangkitkan tentang peruntukan yang kecil untuk Program Integrasi Nasional (PIN) dan Institut Integrasi Malaysia (IIM) seolah-olah usaha tidak serius dan tidak mencukupi. BPR dan beberapa agensi yang lain telah diarahkan menjadi Jawatankuasa Bersama penggubalan Pelan Integrasi Nasional dan penubuhan Institut Integrasi Malaysia pada awal tahun 2004. Semasa tindakan penggubalan PIN dan penubuhan IIM, beberapa seminar, perbincangan, lawatan kerja telah dilaksanakan oleh pasukan perunding dan peruntukan tambahan yang dipohon oleh BPR sebanyak RM735,000 ini adalah bagi menampung kos tersebut dan bukannya untuk perbelanjaan mengurus IIM. Setelah Institut Integrasi Malaysia (IIM) beroperasi pada bulan April 2004, semua perbelanjaan mengurus IIM dan aktiviti PIN dipohon dan diuruskan sendiri oleh IIM.

IIM telah beroperasi secara rasminya di bekas *bangunan Asia Pacific Development Centre (APDC)* yang menjadi Pejabat IIM yang kini dikenali sebagai Menara Integriti di Persiaran Duta mulai bulan Jun 2004. Lantikan pegawai yang bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab IIM juga telah dijalankan secara berperingkat bagi memastikan pelaksanaan tugas dan fungsi IIM dapat dijalankan secara lebih cekap dan berkesan.

Selain itu, Ketua Setiausaha Negara yang juga Pengerusi, Lembaga Pengarah IIM, telah meminta enam kementerian dan agensi yang perlu bertindak sebagai *lead agency* kepada agensi-agensi di bawah kawalan kawal selia masing-masing, iaitu Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Enam kementerian dan agensi ini telah menggerakkan pelaksanaan PIN di peringkat agensi masing-masing dan telah membentuk pasukan-pasukan khas atau jawatankuasa tertentu bagi pelaksanaan dan pemantauan PIN.

IIM mengadakan mesyuarat penyelarasan secara berkala dengan kementerian-kementerian bagi memantau secara dekat pelaksanaan PIN. Pihak media sebagai suatu institusi penting dalam menyebarkan usaha pemantapan integriti juga telah dijemput berbincang dan diberikan taklimat mengenai perkara ini. Dalam usaha pemantapan integriti sektor politik, perbincangan telah diadakan dengan wakil-wakil pihak berkaitan ke arah mewujudkan modul dan kerangka program tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak penubuhan IIM, *roadshow* juga telah diadakan bagi menyampaikan taklimat, ceramah, penerangan dan bengkel mengenai usaha pembudayaan integriti masyarakat Malaysia telah banyak dijalankan. Hampir semua Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah mengatur sesi taklimat dan ceramah mengenai PIN dan IIMK. Ada juga Menteri-menteri Besar turut hadir dalam sesi taklimat seperti yang diadakan di Johor, Selangor dan juga di Terengganu. Di peringkat antarabangsa IIM juga telah berkesempatan membuat pembentangan mengenai PIN dan IIM, misalnya semasa Langkawi *International Dialogue dan Second Anti-Corruption Forum* yang dianjurkan oleh BPR Malaysia pada bulan Oktober lalu di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng seterusnya membangkitkan tentang hutang PERWAJA. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hutang PERWAJA sudah hampir selesai seperti yang ditimbulkan baru-baru ini. Yang terakhir saya kira, dan selepas ini cuma sedikit sahaja yang perlu dilunaskan. Saya sebut di sini, perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan dua tiga orang lagi Yang Berhormat, iaitu tentang baki hutang PERWAJA (Terengganu) Sdn.Bhd yang akan ditanggung oleh kerajaan, iaitu RM336.84 juta yang akan dijelaskan pada tahun-tahun berikut:

Tahun	Jumlah Hutang Akan Dijelaskan
2005	- RM208 juta (faedah kepada bon)
2006	- RM22.28 juta (faedah bon)
2007	- RM292.28 juta (faedah bon & prinsipal yang akan matang pada tahun 2007)

Itu sahaja yang tinggal yang perlu dibayar oleh kerajaan, yang lain telah pun dilunaskan bila diluluskan permohonan sebanyak RM1 bilion lebih ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya kira banyak lagi perkara Yang Berhormat hendak jawab.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ada lagi, banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Memandangkan masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung jawapan pada pagi besok.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa mesyuarat telah cukup dan saya tangguhkan mesyuarat ke jam 10.00 pagi besok.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]